

99-234

**HASHIM YAACOB
MUTIARA BATU HITAM**

5

**Oleh
NORMAH OTHMAN**

**Yusnor S Enterprise
Jerantut
PAHANG DARUL MAKMUR
1997**

Penerbitan : Yusnor S Enterprise,
No. 1 Rumah Kembar LKNP,
Peringkat 4,
27000 Jerantut,
PAHANG DARUL MAKMUR.
Tel: 09-2662034
09-2662878
Fax: 09-2662433

Cetakan Pertama 1997

Hakcipta : Normah Othman 1997

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam bentuk dan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan- dalam-Penerbitan

Normah Othman, 1955-

Hashim Yaacob: Mutiara Batu Hitam/ oleh Normah Othman.

Bibliografi: ms. 150-154

ISBN 983-99248-0-3

1. Hashim Yaacob, Prof, Dato 2. Malaysia-Biography.

3. Authors. Malay—Malaysia—Biography. 1. Judul.

926.17609595

Dicetak oleh : Danco Stationery & Printing

No. 92, Taman Hussein,

28700 Bentong,

PAHANG DARUL MAKMUR.

Tel: 09-2223957

Harga: RM 12.00

ARB 942728

20 APR 1998 NASKHAH PEMERIKSAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Novel biografi ini ditujukan khas untuk mereka yang hidup dalam kemiskinan, yang pernah menderita, pernah terancam, tetapi mahu berusaha dan berikhlas untuk mengatas Segalanya dan meniti Kejayaan cemerlang. Hayatian kisah hidup Hasnum Yaacob dan jadikanlah ia sebagai teladan.

Semoga berjaya!"

PENGHARGAAN

SAYA ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Hashim Yaacob kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik kepada saya dalam usaha menghasilkan novel biografi ini. Saya juga berterima kasih kepada semua ahli keluarganya, sahabat dan rakan sekerjanya serta semua responden yang telah sudi menyumbangkan pendapat mereka untuk dimuatkan dalam novel biografi ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada suami saya, Haji Mohamed Sharif bin Haji Abd. Rahim kerana sokongan yang diberikan kepada saya untuk menyiapkan novel biografi ini. Tidak ketinggalan ucapan penghargaan untuk anak saya, Mohd Yusof yang turut sama memberi sokongan moral, terutama ketika saya perlukan teman untuk berpergian atas urusan penulisan biografi ini.

Normah Othman

April 1997

PRAKATA

HASHIM YAACOB bersemangat kuat, berani dan tabah menghadapi cabaran hidup. Beliau sanggup menjalankan tugas dengan tekun dan sabar walau pun suatu masa dahulu pernah ditzalimi. Beliau mampu bangun semula setelah teraniaya. Ini mungkin disebabkan oleh latar belakang hidupnya yang sudah biasa menempuh berbagai kesusahan. Jadi segala kesukaran yang dihadapi dalam menjalankan tugas dapat diatasi dengan baik.

Masa ini ada pemimpin terkenal yang sedang mencari anak Melayu yang bersifat perkasa atau berani. Saya rasa Profesor Hashim Yaacob adalah satu contoh anak Melayu yang boleh diiktiraf sebagai mempunyai sifat perkasa atau berani dengan sungguhnya.

Dalam kesebokan menjalankan tugas akademik, beliau sempat juga menghasilkan karya sastera. Ini menunjukkan bahawa beliau seorang yang peka terhadap budaya. Untuk mengubat hati yang luka beliau telah melepaskan perasaan tentang krisis hidupnya melalui tulisan sajak. Dari sudut psikologi, ini adalah satu cara terapi yang baik dan berkesan untuk mengatasi masalah emosi yang melanda hidup seseorang.

Dalam banyak hal Hashim Yaacob ialah seorang yang sangat serius tetapi beliau juga bersifat humor. Sebagai seorang profesor pula, beliau ialah seorang yang sangat bijak. Pada masa ini kebijaksanaannya itu telah diiktirafkan di peringkat antarabangsa. Beliau memang seorang anak Melayu yang sungguh mengagumkan.

Profesor DiRaja Ungku A. Aziz.

Kuala Lumpur,

21hb Mac 1996.

ISI KANDUNGAN

<u>TAJUK</u>	<u>MUKA SURAT</u>
PENGHARGAAN	001
PRAKATA	002
ISI KANDUNGAN	003
PENGENALAN	007
 BAB SATU	
SEJARAH HIDUP YANG PAHIT	009
Ibu yang berjiwa seni	009
Bapa yang tegas	012
Merantau ke Siam	015
Pengalaman pahit	015
Lari bersembunyi	016
Tidak cukup makanan	017
Serambi rumah runtuh	017
Harimau ganas	018
Harga getah naik	018
Pinjam wang	019
Rahsia	020
 BAB DUA	
PELAJAR YANG PINTAR	022
Nakal dan kuat menyusu	022
Suka membaca	025
Tekun berusaha	026
Keputusan cemerlang	028
Rombongan ke Kuala Lumpur	030
Aktif dalam sukan	031
Bercita-cita menjadi doktor	035
Terima surat	041
Bervisi jauh	045

BAB TIGA
CINTA, KASIH DAN SAYANG 047

Sri Nurestri	047
Sekolah berasrama penuh	049
Profesor Madya	050
Pertemuan pertama	051
Hati panas	053
Romantik	053
Cahaya mata	057
Ili Hana	057
Adi dan Indera	059
Pembantu rumah	060

BAB EMPAT
HARAPAN DAN KEBANGGAAN KELUARGA 061

Nasi lauk belalang goreng	061
Berak dalam kelas	062
Ingatan sayang	064
Anak-anak yang cemerlang	064
Sedih	065
Air mata mengalir	065
Adik tanpa nama	066
Jauh di perantauan	067
Adik kembar	069
Nenek yang manja	074
Pukul empat pagi	075
Kain semutar	076
Jering kering	076
Cacat bibir	076

BAB LIMA
FAKULTI TERUNGGUL DI MALAYSIA 078

Profesor muda	079
Dekan	079
Tegas dan berdisiplin	081

Rajin menulis	081
Post-mortem	082
Kerusi kosong	083
Prinsip hidup	084
Baik hati	085
Bertimbangrasa	087
 BAB ENAM	
DOKTOR PENYAIR	090
Seni milik semua orang	090
Bukan unruk mencari rezeki	091
Sajak-sajak awal	093
Pemimpin yang disanjung	098
Darah seni	100
Cepat terkenal	100
Misi Universiti Malaya	103
Mudah difahami	105
Membawa pembaharuan	106
Penawar	107
Persembahan yang unik	108
Malam Apresiasi Seni	111
Malam Puisi Pendidikan IV	113
Malam Puisi - Misi UM	114
Putih Biru Merah Jambu	114
Dedikasi dan Iltizam	117
Siti Wan Kembang	118
 BAB TUJUH	
PEMINAT SETIA WAYANG KULIT	119
Dollah Baju Merah	119
Terhutang budi	121
Sandiwara	123

BAB LAPAN	
LAUT MANA TIDAK BEROMBAK	124
Lantang bersuara	124
Kena pecat	125
Perbicaraan tatatertib	126
Fimah	127
Serba-salah	128
Lembaga Pemilih Kenaikan Pangkat	129
Majlis Universiti	129
Lettenan Komander	131
Diploma Pengajian Islam	133
Kasih ibubapa	133
BAB SEMBILAN	
ARANG DI MUKA TERBASUH JUA	136
Naib Canselor baru	136
Surat layang	137
Sebak dada menahan air mata	138
Mengharumkan nama Malaysia	140
Bumi kukuh	141
Satu penemuan baru	145
BAB SEPULUH	
MUTIARA BATU HITAM	146
Janji manis	146
Tiada gunung yang tidak dapat didaki	148
BIBLIOGRAFI	150

PENGENALAN

HASHIM YAACOB ialah seorang Profesor Pergigian yang terkenal di tanah air. Beliau telah berkhidmat di Fakulti Pergigian Universiti Malaya semenjak tahun 1975. Pada masa biografi ini ditulis beliau memegang jawatan dekan di fakulti tersebut. Jawatan tersebut telah disandang semenjak Julai 1994. Ini ialah kali kedua beliau memegang jawatan tersebut. Kali pertama ialah pada th April 1987 hingga 10hb Julai 1989.

Sepanjang perkhidmatannya dalam bidang perubatan pergigian, Hashim telah menyumbang khidmat bakti yang tinggi nilainya sehingga berjaya meraih dua anugerah *fellowship* yang bukan sahaja menaikkan imejnya dalam dunia perubatan pergigian, bahkan mengharumkan nama Universiti Malaya dan negara Malaysia.

Hashim Yaacob bukan sahaja terkenal dalam dunia perubatan pergigian, tetapi juga dalam dunia sastera tanah air. Beliau bergiat aktif dalam penulisan dan persembahan sajak. Dua antologi sajaknya bertajuk *Air Penawar Sekacang Kelat* dan *Air Manik Astagina* telah diterbitkan dan mendapat sambutan yang baik. Selain itu antologi sajak bertajuk *Misi* hasil penyelenggaraananya juga telah diterbitkan. Kini beliau sedang menyiapkan sebuah antologi sajak yang bertemakan negeri Kelantan. Antologi ini akan memuatkan sajak yang ditulis oleh beberapa orang penulis tempatan yang diundang olehnya.

Hashim Yaacob juga bergiat aktif menyelenggarakan persembahan wayang kulit. Beliau pernah membentangkan beberapa kertas-kerja tentang wayang kulit dalam seminar dan konferensi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Minatnya dalam bidang ini sangat mendalam. Pada masa ini beliau sedang menyiapkan sebuah buku tentang wayang kulit dan buku tersebut dijangka siap tidak lama lagi.

Keupayaan Hashim melibatkan diri dengan jayanya dalam dua bidang yang berlainan pada masa yang sama menjadikannya seorang insan yang begitu unik dan istimewa. Keistimewaan begini jarang dimiliki oleh golongan profesional yang berjaya seperti itu. Kejayaan yang dimiliki itu

sudah tentu mempunyai cerita yang menarik disebaliknya. Sudah tentu ramai yang ingin tahu bagaimana beliau boleh mencapai kejayaan sedemikian rupa. Oleh yang demikian, sudah sewajarnya kisah hidupnya diabadikan dalam sebuah biografi untuk diteladani oleh para pembaca.


Buku biografi ini menyingkap kisah pahit maung kehidupan yang telah ditempuh Hashim sebelum beliau memperoleh kejayaan seperti yang dikehendaki pada hari ini. Penulisan biografi ini dimulakan dengan kisah kedua ibubapa Hashim Yaacob kerana mereka berdua memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha mendidik Hashim sehingga mencapai ke tahap kejayaan yang membanggakan ini. Kedua ibubapa Hashim tidak berpelajaran, dan mereka hidup dalam keadaan miskin, tetapi mereka membimbangi Hashim sehingga berjaya mencapai cita-cita tanpa mengganggu perkembangan emosi-nya. Kegigihan kedua ibubapa Hashim patut dicontohi oleh ibubapa yang lain.

Dalam biografi ini ada juga diselitkan kisah hidup beberapa orang yang rapat dengan Hashim Yaacob, seperti isteri, anak-anak dan adik-beradiknya kerana mereka semua memainkan peranan yang sangat penting dalam hidup beliau. Peranan Hashim Yaacob dalam kehidupan mereka juga penting meramandangkan beliaulah menjadi harapan, tempat mereka mengadu dan mendapat pertolongan serta sokongan moral.

Penulisan biografi seperti ini memerlukan ketekunan, kesabaran, kekuatan mental dan emosi. Proses penulisannya bukan sahaja setakat duduk di hadapan meja dan menulis, tetapi harus keluar dan mengatur pertemuan dengan ramai orang. Kecekapan berinteraksi juga perlu untuk mendapatkan maklumat yang terperinci. Lagi pun penulisan ini melibatkan orang yang masih hidup. Cara penulisannya harus difikirkan dengan sebaiknya supaya ia bukan sahaja memuaskan hati pembaca, tetapi juga mereka yang turut menyumbangkan maklumat.

Normah Othman

April 1997





BAB SATU

SEJARAH HIDUP YANG PAHIT

PADA tahun 1930, lebih kurang tiga puluh dua ribu (32.000) dari sejumlah sembilan puluh satu ribu (91.000) ekar getah di negeri Kelantan dipunyai oleh syarikat-syarikat besar kepunyaan orang Eropah. Dari jumlah tersebut, lima puluh lapan ribu (58.000) ekar terdiri dari ladang-ladang getah yang kurang dari seratus (100) ekar dipunyai oleh syarikat-syarikat kecil dan juga orang Melayu. (Shahril Talib, 1995:147).

Walau pun jumlah tanah kepunyaan orang Melayu ternyata lebih banyak dari jumlah yang dipunyai oleh syarikat besar kepunyaan orang Eropah, ini tidak menjamin kehidupan yang senang kepada orang Melayu yang bekerja sebagai penoreh getah. Polisi tanah yang digubal oleh pemerintah British kerika itu memaksa petani-petani Melayu yang miskin agar terus bekerja di ladang. Keadaan ini menyebabkan sukar bagi penoreh getah yang hidup dalam kemiskinan untuk mengubah nasib hidup mereka kecuali mereka mempunyai sifat berani, rajin berusaha dan tabah menghadapi kesusahan dan dugaan.

Yaacob bin Taib dan isterinya, Aminah binti Yusof ialah di antara orang-orang Melayu yang hidup dalam serba kemiskinan kerana tidak dapat lari daripada kitaran hidup yang telah tersurat untuk mereka. Menyedari tentang hal ini mereka berusaha sedaya upaya mendidik anak-anak mereka dan seterusnya meletakkan harapan kepada mereka agar dapat mengubah nasib hidup dari terus terhimpit dalam kemiskinan. Usaha mereka tidak sia-sia kerana salah seorang anak mereka, iaitu Hashim bin Yaacob telah berjaya mengubah nasib hidup mereka sekeluarga.

IBU YANG BERJIWA SENI

Ibu Hashim yang bernama Aminah binti Yusof dikenali oleh orang Kampung Batu Hitam sebagai Mak Teh Minah. Bapanya, Yusof bin Haji Mat Saman terkenal sebagai seorang dalang wayang kulit yang ketika itu menjadi hiburan utama untuk rakyat Kelantan khasnya. Bapanya sering diundang untuk membuat persembahan di serata negeri. Mak Teh Minah sering dibawa

bersama oleh bapanya setiap kali membuat persembahan. Selalunya Mak Teh Minah duduk di belakang pentas dan segala yang berlaku di situ dapat difahaminya walau pun ketika itu Mak Teh Minah masih kecil. Kisah ibu yang berjiwa seni ini telah diceritakan oleh Hashim dalam puisinya "Darah Ibu" yang terdapat dalam antologi puisi *Air Penawar Sekacang Kelat*:

*Besarnya ibuku
dikeliling gong gedombak,
geduk gendang
tetawak kisi,
canang klenang,
indera wangsa
dan orang kaya ibrono.*

Mak Teh Minah bersama Hashim pada tahun 1956



Mak Teh Minah ialah seorang ibu yang berhati lembut, penyayang dan sabar. Sifat-sifat ini amat ketara sekali ada pada dirinya. Tidak banyak cerita tentang riwayat hidupnya dapat diperoleh kerana Mak Teh Minah tidak suka bercerita tentang kisah silam. Namun daripada apa yang digambarkan, dapat dibuat andaian bahawa Mak Teh Minah telah biasa menghadapi kesusaahan hidup.

Bapa Mak Teh Minah telah meninggal dunia ketika Mak Teh Minah masih terlalu kecil. Setelah itu Mak Teh Minah dijaga oleh ibunya, Habidah binti Abdullah yang bekerja sebagai penoreh getah. Kehidupan mereka sangat susah. Mak Teh Minah tidak berpeluang pergi ke sekolah.

Kesusahan hidup yang telah ditempuh oleh Mak Teh Minah ketika kecil tidak menghalangnya daripada memberi didikan dan kasih sayang yang sempurna kepada anak-anaknya, sebagaimana diceritakan oleh Hashim dalam puisinya *Ibuku Sipenoreh Getah*:

*Ibuku sipenoreh getah .
buta hurufnya sedari lahir
buta angkannya sedari kecil,
tapi cerah matanya bagai bulan purnama
terang hatinya bagaikan suria pagi*

(dipetik dari antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelati*)

Tangan yang menghayun buajan boleh mengoncangkan dunia. Begitulah juga dengan kebolehan Mak Teh Minah yang telah banyak menyumbangkan bakti kepada anak-anak yang telah diberi didikan yang baik dan sempurna, walau pun diri sendiri hidup dalam kesempitan. Sesungguhnya jasa ibu iniiah yang tetap dikenang oleh Hashim pada sepanjang hayatnya.

Kejayaan Mak Teh Minah mendidik anak-anaknya adalah juga kerana kerjasama yang baik dari seorang suami yang sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal keluarga. Seorang bapa yang sepatutnya menjadi pemimpin dalam sebuah keluarga harus mempunyai prinsip yang baik dan konsisten supaya anak-anak dapat dibentuk dengan jaya. Oleh itu tidak hairanlah Hashim membesar sebagai seorang yang berdisiplin, berani dan tegas, kerana bapanya juga seorang yang tegas dan berdisiplin.

BAPA YANG TEGAS

Bapa Hashim pula dikenali sebagai Pak Teh Akob dikalangan orang kampung dan saudara-maranya. Walau pun usianya sudah melewati tujuh puluh tahun, badan Pak Teh Akob masih tegap dan sihat. Waktu mudanya Pak Teh Akob pernah bekerja kuat untuk menyara hidup keluarga agar dapat memperoleh kesenangan hidup dan seterusnya mengubah nasib. Pada air mukanya tersembunyi seribu macam kesusahan yang anak-anaknya sendiri tidak ketahui.

Pak Teh Akob berasal dari keluarga yang sangat susah. Selama beberapa keturunan mereka bekerja sebagai penoreh getah. Kesusahan hidup bapanya telah diceritakan oleh Hashim dengan sungguh berkesan dalam sajaknya "Empat Puluh Tahun Bersama Ayah" yang terdapat dalam antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelat*. Antara kata-kata yang menyentuh perasaan ialah:-

*Empat puluh tahun dulu
aku terlahir
kedalam keluarga daif
yang terwaris turun temurun.
Ayah sering memikir
apakah anaknya itu
akan terus mewarisi
kejерihan hidup seperti juga?*

Dalam rangkap lain, Hashim menggambarkan secara simbolik bahawa beliau tidak mahu bapanya bersusah payah menoreh getah lagi:-

*Lima tahun dulu
ketika aku diangkat menjadi profesor
ayahpun membungkus mata pisau torehnya
dengan secebis kain semutar.
Lalu disangkutnya pisau
pada paku didinding dapur.*



Pak Teh Akob seorang bapa yang tegas (gambar tahun 1960)



Mak Teh Minah tahun 1956

Pisau penoreh getah yang disebut-sebutkan dalam sajak itu disimpan dengan cermat oleh Hashim. Pisau itu adalah sumber rezeki keluarganya secara turun-temurun. Pada masa akan datang pisau seperti itu mungkin sudah tidak digunakan lagi. Oleh itu beliau mahu menyimpannya sebagai satu kenangan yang tidak termilai harganya. Walau pun harga pisau itu tidak seberapa, namun Hashim menganggap bahawa itulah harta pesaka yang tidak termilai daripada hapannya.

Pak Teh Akob telah bekerja keras untuk memastikan anak-anaknya berjaya dan tidak lagi terus menjadi penoreh getah seperti dirinya. Pak Teh Akob sengaja menyembunyikan segala kesusahannya kerana tidak mahu mengganggu perkembangan emosi anak-anaknya. Tidak ada apa-apa yang lebih menggembirakan hati Pak Teh Akob selain daripada melihat kesenangan anak-anaknya. Pada masa ini, semua anak-anaknya sudah berkeluarga. Menyedari bahawa tanggungjawabnya mendidik anak sudah selesai, barulah Pak Teh Akob tidak keberatan menceritakan segala kesusahan yang pernah dilaluinya.

Pak Teh Akob lahir pada tahun 1922 di Kampung Pasir Panji, Tanah Merah, Kelantan. Ibunya meninggal pada tahun 1931, iaitu ketika Pak Teh Akob berumur hanya sembilan tahun. Kematian ibunya adalah satu tamparan hebat dalam hidupnya kerana ketika itu Pak Teh Akob masih memerlukan kasih sayang dan jagaan seorang ibu. Setelah ibunya meninggal dunia Pak Teh Akob telah berpindah ke rumah neneknya.

Ketika berumur tujuh belas tahun, Pak Teh Akob telah mengaji di sekolah pondok di Kampung Kenerak. Waktu itu, Pak Teh Akob sudah pun mula menoreh getah di kebun orang. Setelah mengaji selama tiga tahun di Kampung Kenerak, Pak Teh Akob berpindah ke Kampung Bukit Panau, di mana Pak Teh Akob telah mengaji di sebuah lagi sekolah pondok di situ. Semasa tinggal di Bukit Panau, Pak Teh Akob menoreh getah pada waktu pagi dan belajar waktu tengahari.

Dua tahun kemudian, Pak Teh Akob pulang ke rumah neneknya di Kampung Pasir Panji kerana tidak tahan tinggal di Bukit Panau. Tidak lama selepas itu Pak Teh Akob telah pergi semula ke Kampung Kenerak untuk mengaji selama setahun lagi. Setelah tamat, Pak Teh Akob pulang semula ke rumah neneknya di Kampung Pasir Panji. Tidak lama selepas itu Pak Teh berpindah pula ke rumah abangnya, iaitu Abdullah bin Taib atau Pak Da Dollah.

MERANTAU KE SIAM

Pak Teh Akob pernah juga merantau ke negeri Siam untuk mencari nafkah. Di Siam Pak Teh Akob tinggal selama lebih kurang setahun dan bekerja sebagai penoreh getah. Menurut Ibrahim Saad (1986:185) Jepun mula memasuki arena Perang Dunia II apabila mengebom pengkalan tentera Amerika di Pearl Harbour pada 7hb Disember 1941. Setelah pengeboman itu berlaku pertahanan Amerika di Pasifik lumpuh sama sekali. Ini memudahkan Jepun bertindak dengan berkesan di Timur Jauh dan Asia Tenggara. Pada 8hb Disember 1941 kumpulan askar-askar Jepun telah mendarat di Kota Bahru. Kelantan. Ketika awal perperangan ini Pak Teh Akob masih berada di Siam.

Pada 15hb Februari 1942, iaitu tujuh puluh hari selepas Jepun mendarat di Tanah Melayu, British di Malaya dan Singapura telah menyerah kalah (Zainal Abidin bin Abd Wahid, 1970:93). Tidak lama selepas peristiwa ini berlaku Pak Teh Akob pulang dari Siam. Pak Teh Akob kembali ke rumah bapanya. Kali ini Pak Teh Akob menanam padi serta menoreh getah sebagai menampung hidupnya.

Kesusahan hidup yang telah dilalui oleh Pak Teh Akob membuatnya rasa insaf dan sedar akan kepentingan mendidik anak-anak supaya tidak hidup dalam serba kesempitan sepertinya. Oleh itu beliau telah mendidik anak-anaknya dengan tegas dan berdisiplin.

PENGALAMAN PAHIT

Pak Teh Akob telah berkahwin dengan Mak Teh Minah pada tahun 1942. Ketika itu Jepun sedang bermaharajalela di Malaya. Penghidupan mereka tidak pernah tenteram. Berbagai dugaan, kesusahan dan pengalaman pahit telah ditempuh bersama, misalnya ketika Mak Teh Minah sedang mengandungkan anak sulung mereka pada tahun 1943, Jepun mahu mengambil Pak Teh Akob bekerja sebagai buruh di Burma.

Pengalaman Pak Teh Akob ketika masih kecil telah menyebabkan dia sedar bahawa seorang anak sangat perlukan kasih sayang kedua ibubapa. Jadi Pak Teh Akob enggan pergi kerana tidak mahu membiarkan anaknya yang bakal lahir dibesarkan tanpa kasih sayang seorang bapa. Abangnya, Pak Da Dollah yang ketika itu bertugas sebagai ketua kampung telah merayu

kepada penghulu kampung supaya tidak menghantar adiknya ke Burma. Penghulu kampung telah bersetuju melepaskan Pak Teh Akob, dan ketika itu hanya Pak Teh Akob seorang sahaja yang berjaya melepaskan diri.

Menurut Jogander Singh Jessy (1986:275) apabila Jepun menawan kawasan yang mengeluarkan getah dari tahun 1942 - 1945, timbul satu ancaman besar yang belum pernah dihadapi oleh perusahaan getah, iaitu getah tiruan. Amerika Syarikat telah memajukan perusahaan getah tiruan secara besar-besaran kerana harga getah terlalu tinggi. Apabila perkara ini berlaku, rezeki petani-petani kecil seperti Pak Teh Akob telah terjejas. Pak Teh Akob tidak menoreh getah ketika ini. Sebaliknya Pak Teh Akob bekerja sebagai kuli membuat perhentian feri di tepi sebuah sungai di Tanah Merah.

LARI BERSEMBUNYI

Mak Teh Minah telah melahirkan anak sulung mereka, Eshah binti Yaacob pada tahun 1944. Ketika anak sulung mereka baru dilahirkan, Pak Teh tidak dapat tinggal lama di rumah kerana takut dicari oleh orang Jepun. Walau pun Pak Teh Akob berjaya melepaskan diri, Jepun masih terus berusaha mencarinya. Jadi hidup Pak Teh Akob ketika itu tidak pernah tenteram. Pak Teh Akob hanya tinggal di rumah waktu malam dan lari bersembunyi di hutan pada waktu siang. Di rumahnya Pak Teh Akob telah membuat sebuah lubang di tengah-tengah rumahnya. Apabila mendengar Jepun datang, Pak Teh Akob akan keluar ikut lubang tersebut dan lari ke dalam hutan.

Setelah banyak kali gagal, Jepun telah menghentikan usaha mencari Pak Teh Akob. Jadi hidup Pak Teh Akob aman sekejab. Namun ketenteraman itu tidak berpanjangan. Sudah nasib Pak Teh Akob terpaksa menghadapi dugaan yang bertumpa-timpa terhadap dirinya. Oleh kerana terpaksa berhadapan dengan berbagai-bagai masalah di Kampung Pasir Panji. Pak Teh Akob terpaksa membawa Mak Teh Minah dan anak sulung mereka, Eshah berpindah ke Kampung Lubuk Besar.

Kampung Lubuk Besar ketika itu dikelilingi dengan hutan tebal. Untuk menjaga keselamatan mereka sekeluarga daripada gangguan binatang buas, Pak Teh Akob telah memelihara seekor anjing. Kisah ini telah dirakamkan oleh Hashim dalam sajaknya "Antara Anjing Dengan Kucing" yang

(terdapat dalam antologi sajak *Air Manik Astagina*. Sedutan dari sajak tersebut berbunyi:-

*Aku melihat anjing
tidak pada nama,
tapi pada setianya
pada tuan: tidak berbagi pada siapa.*

TIDAK CUKUP MAKANAN

Di Kampung Lubuk Besar, Pak Teh Akob dengan Mak Teh Minah telah menanam padi kerana ketika itu perusahaan getah masih di tahap tidak memuaskan. Makanan sentiasa tidak cukup. Menurut Joginder Singh Jessy (1986:267) harga barang dalam masa pemerintahan Jepun melambung naik. Orang-orang kampung ketika itu terpaksa makan nasi bercampur jagung, pisang dan ubi kayu.

Untuk mengatasi masalah kekurangan makanan, Pak Teh Akob telah membina sebuah pergi kecil berhampiran pondok yang dibinanya di kampung tersebut dan memelihara ikan di pergi tersebut. Tiap-tiap hari Pak Teh Akob akan menimba air dari pergi tersebut dan dapatlah seekor atau dua ekor ikan kecil untuk diberi makan kepada isteri dan anaknya, Eshah. Kadang-kadang Pak Teh Akob pergi mencari belalang untuk dibuat lauk. Begitulah susahnya penghidupan Pak Teh Akob dan orang-orang kampung ketika itu.

SERAMBI RUMAH RUNTUH

Setelah lebih kurang dua tahun tinggal di Kampung Lubuk Besar, Pak Teh Akob membawa isteri dan anaknya berpindah ke Kampung Batu Hitam di Tanah Merah, di mana mereka sekeluarga tinggal sehingga ke hari ini. Sewaktu mula sampai di Kampung Batu Hitam, Pak Teh Akob tidak mempunyai tempat tinggal. Dengan pertolongan saudara-maranya, Pak Teh Akob telah membina sebuah pondok kecil di atas sekeping tanah kepunyaan abangnya, Pak Da Dollah. Pondok itu terlalu uzur sehingga pada satu hari serambinya pernah runtuhan ketika beberapa orang jiran mereka datang menziarah. Pak Teh Akob terpaksa membina semula pondok tersebut selepas peris-

niwa ini. Pada masa ini, pondok buruk itu telah berubah menjadi sebuah rumah yang besar dan selesa, kerana Hashim telah memperbaikinya.

Semasa Mak Teh Minah sedang mengandungkan anak kedua mereka, tatu Hashim. Pak Teh Akob bekerja sebagai buruh di kilang balak kepunyaan seorang tauke Cina. Hidup mereka masih hidup dalam keadaan serba dhait. Oleh kerana tidak mempunyai wang untuk membeli peralatan kayu. Pak Teh Akob telah membina sebuah gerai (tempat salai) daripada buluh sahaja, sebagai persediaan menghadapi ketahiran anak kedua mereka.

HARIMAU GANAS

Di kilang kepunyaan tauke Cina itu Pak Teh Akob bekerja menggeraji kayu balak supaya menjadi papan selebar lapan kali lapan inci ($8'' \times 8''$). Bagi setiap keping papan yang siap itu Pak Teh Akob mendapat upah sebanyak empat ringgit. Kebiasaannya Pak Teh Akob bekerja sehingga lewat malam untuk menyiapkan sekeping papan dalam masa dua hari. Sehingga Hashim dilahirkan, Pak Teh Akob masih bekerja di kilang tersebut.

Pak Teh Akob terpaksa berulang-alik dari rumah ke tempat kerja tersebut dengan berjalan kaki sejauh sebelas batu tiap-tiap hari. Semasa berjalan itu Pak Teh Akob terpaksa berhadapan dengan bahaya kerana hutan tebal yang dilaluinya itu didiami oleh harimau yang semuanya menganas. Selepas enam bulan bekerja di kilang balak kepunyaan tauke Cina itu Pak Teh Akob berhenti kerana tidak tahan menghadapi bahaya dalam perjalanan ke tempat kerja ini.

Setelah berhenti bekerja di kilang tersebut, Pak Teh Akob bekerja dengan orang Inggeris di Jeli pula. Pak Teh Akob bekerja sebagai buruh membina jalan dengan gaji sebanyak empat puluh lima ringgit sebulan. Oleh kerana terlalu jauh, Pak Teh Akob terpaksa tinggal di Jeli dan balik ke Kampung Batu Hitam seminggu sekali dengan berjalan kaki sambil meredah hutan tebal. Pada masa ini mungkin tidak ada orang yang sanggup berjalan kaki dari Kampung Batu Hitam ke Jeli kerana jaraknya sangat jauh.

HARGA GETAH NAIK

Setelah dua bulan bekerja di Jeli, Pak Teh Akob berhenti dan balik

semula ke Kampung Batu Hitam. Ketika itu harga getah sudah naik. Jadi Pak Teh Akob pun menoreh getah dengan pendapatan dua ringgit sehari. Tidak beberapa lama selepas itu Pak Teh Akob berkenalan dengan seorang tauke Cina yang telah sudi membantunya dengan memberi sedikit wang sebagai modal. Dengan modal itu Pak Teh Akob telah membeli getah daripada orang kampung dan membawanya ke Kusial dengan berbasikal ikut jalan keretapi. Setiap kali pergi ke Kusial, Pak Teh Akob berjaya memperoleh keuntungan sebanyak dua puluh ringgit.

Oleh kerana Pak Teh Akob tekun bekerja, tauke Cina itu telah menawarkan pertolongan lagi. Kali ini tauke itu telah memberi sedikit lagi wang sebagai modal untuk bermiaga secara runcit. Pak Teh Akob telah membina sebuah bangsal di hadapan pondoknya. Di bangsal tersebut, Pak Teh Akob tolong menjual barang-barang yang diberi oleh tauke Cina itu. Pak Teh Akob berjaya memperoleh keuntungan dari hasil jualan itu.

Setelah beberapa lama bermiaga secara kecil-kecilan, Pak Teh Akob telah membesarakan bangsalnya dan mula menjual barang runcit seperti gula, beras, biskut dan budu. Barang-barang yang dijual oleh Pak Teh Akob sangat laku. Adakalanya Pak Teh Akob menjual sehingga dua tempayan budu sehari. Semenjak bermiaga secara runcit itu, kehidupan Pak Teh Akob sekeluarga beransur senang sedikit. Walau bagaimana pun Pak Teh Akob masih terus menoreh getah pada sebelah pagi bersama Mak Teh Minah. Pak Teh Akob hanya membuka kedai runcitnya setelah selesai menoreh.

PINJAM WANG

Pak Teh Akob akui pernah meminjam wang untuk memenuhi keperluan anak-anaknya. Orang yang telah banyak membantu Pak Teh Akob meminjam wang ialah Yaacob bin Salam. Yaacob bin Salam bukan ada pertalian persaudaraan dengan keluarga Hashim tetapi mereka bersahabat baik. Yaacob bin Salam ialah seorang pembeli getah berlesen. Pak Teh Akob mula meminjam wang daripada Yaacob bin Salam semenjak Hashim mendapat tawaran melanjutkan pelajaran dalam kelas Special Malay Class (SMC) di Sekolah Kebangsaan Sultan Yahya Petra di Kuala Kerai pada tahun 1960.

Semasa menuntut di Kuala Kerai Hashim terpaksa menumpang di rumah Haji Idris dengan bayaran bulanan sebanyak \$30.00. Pak Teh Akob

meminjam wang daripada Yaacob bin Salam tanpa pengetahuan Hashim. Sehingga Yaacob bin Salam meninggal dunia. Pak Teh Akob masih tidak sempat menjelaskan semua hutangnya. Hashim hanya mengetahui tentang hutang tersebut setelah beliau menjadi profesor. Walau pun Yaacob bin Salam telah sempat menghalalkan hutang-hutang tersebut sebelum meninggal dunia. Hashim tetap mahu menjelaskannya. Oleh itu beliau telah segera menjelaskan baki hutang tersebut kepada isteri Yaacob bin Salam.

RAHSIA

Pak Teh Akob dan isterinya sentiasa berusaha memenuhi segala keperluan anak-anaknya walau pun terpaksa berhutang kerana mereka tidak mahu anak-anak mereka hidup dalam kesusahan seperti mereka. Hashim dan adik-beradiknya yang lain tidak pernah merasa kesusahan yang dirasai oleh ibubapa mereka kerana ibubapa mereka merahsiakan kesusahan mereka.

Menurut Sharifah Alwiah Alsagoff (1987:290), ibubapa yang sentiasa mencuba memenuhi keperluan anak-anak mereka akan secara tidak langsung membantu anak-anak tersebut meningkatkan penyesuaian dengan segala keadaan yang ditempuh. Perhubungan emosi yang mesra di kalangan adik-beradik dan antara anak-anak dengan ibubapa juga dapat dipupuk dengan baik.

Pak Teh Akob dan Mak Teh Minah tidak lagi menoreh getah pada masa ini. walau pun ada ketikanya mereka terlalu ingin melakukannya. Ini disebabkan pekerjaan itu sudah sebat dengan hidup mereka. Namun bagi menghormati kehendak Hashim, mereka terpaksa melupakan pekerjaan itu. Harapan Hashim supaya ibubapanya tidak lagi menoreh getah telah dinyatakan dalam rangkap akhir sajaknya "Empat Puluh Tahun Bersama Ayah":

*Ayah mengucapkan selamat tinggal
pada kebun getah
mungkin untuk selamanya.*

Untuk mengisi masa lapangnya, Pak Teh Akob dan Mak Teh Minah memelihara salah seorang cucu lelaki mereka dan mengambil berat tentang persekolahannya, sama seperti mereka menjaga anak-anak mereka dahulu. Pak Teh Akob pula mengajar budak-budak mengaji Al Quran di sebuah madrasah di Kampung Batu Hitam, Tanah Merah.



Mak Teh Minah dan Pak Akob sudah tidak lagi menoreh getah seperti dahulu

BAB DUA

PELAJAR YANG PINTAR

POLISI Pendidikan yang diperkenalkan oleh Penasihat Inggeris pada tahun 1930 di negeri Kelantan dibuat untuk memastikan bahawa anak-anak orang Melayu terus menjadi nelayan dan petani. Amat sukar sekali bagi anak-anak Melayu yang pandai dan berpotensi untuk mendapat pelajaran yang lebih tinggi untuk lepas daripada cengkaman polisi ini. Mereka terus terperangkap dalam kitaran hidup yang miskin melarat (Shahril Talib, 1995:158).

Hashim Yaacob ialah diantara beberapa ramai anak Melayu yang mempunyai potensi untuk berjaya dengan lebih cemerlang dalam bidang akademik sekiranya diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di sekolah yang baik seperti Malay College Kuala Kangsar (MCKK). Malangnya beliau berasal dari sebuah keluarga yang miskin. Namun kepintaran, ketekunan dan kekuatan semangatnya untuk berusaha telah menghasilkan kejayaan yang membanggakan keluarga dan orang kampungnya.

Kejayaan yang dikecapi oleh Hashim sekarang ini bukan sahaja disebabkan oleh kegigihan ibubapanya mendidik, tetapi juga kerana beliau memang seorang yang pintar. Walau pun didikan yang diberi oleh ibubapanya kepada semua adik-beradiknya sama rata, ternyata beliau lebih berjaya daripada adik-beradiknya yang lain. Kepintarannya itu memang sudah terserlah semenjak beliau masih kecil lagi.

NAKAL DAN KUAT MENYUSU

Hashim dilahirkan pada kira-kira pukul sepuluh malam 12hb Mei 1949. Pada petang itu Pak Teh Akob pulang awal ke rumah. Ketika Mak Teh Minah rasa kesakitan hendak bersalin pada waktu maghrib hari itu. Pak Teh Akob telah keluar memanggil bidan. Hashim telah dilahirkan secara song-sang. Orang tua dahulu percaya bahawa anak lelaki yang dilahirkan songsang boleh menjadi bomoh dan mengubat orang sakit. Kepercayaan tersebut ternyata benar berlaku dalam hidup bayi itu kerana akhirnya berjaya menjadi seorang doktor.

Semasa masih bayi lagi Hashim sangat kuat menyusu. Ibubapanya yang menyedari akan kekurangan hidup mereka tidak mahu membiarkan anak lelaki kesayangan mereka membesar tanpa cukup makanan. Jadi mereka telah meminta seorang jiran, Fatimah untuk menyusukan Hashim ketika mereka pergi menoreh getah. Ketika itu Fatimah menyusukan anaknya sendiri, Rokiah binti Othman. Ketika sama-sama menyusu dengan Rokiah, Hashim seringkali mengalahkannya kerana beliau lebih kuat menyusu.

Menurut Atan Long (1988:331), bayi berumur kurang dari dua tahun yang mendapat layanan baik, makanan dan kasih sayang yang cukup, ia akan menjadi seorang yang mempercayai, mempunyai rasa selamat dan bersifat optimis. Hashim bernasib baik kerana ibu susuannya itu sangat sayang kepadanya. Hashim dijaga dengan baik. Beliau tidak pernah ketandusan kasih sayang atau kekurangan makanan semasa kecilnya.



Rokiah binti Othman, adik susuan Hashim yang rapat dengannya ketika kecil.

Hubungan rapat Hashim dengan adik susuannya terus kekal sehingga ke hari ini. Ketika kecil mereka selalu pergi ke sekolah bersama. Bapa Hashim sering mengantar mereka berdua ke sekolah dengan basikal. Hashim duduk di hadapan dan Rokiah di belakang. Hashim tidak lupa membantu adik susunya itu jika menghadapi apa-apa kesusahan.

Ketika kecil Hashim tersangat inginkan seorang adik. Beliau mahukan teman untuk bermain. Oleh kerana terlalu inginkan adik, beliau telah 'berkawan' dengan seekor ayam jepun peliharaan bapanya. Beliau memanggil ayam kesayangannya 'adik pun'. Pada setiap petang beliau bermain dengan ayam tersebut sehingga ayam itu pun seolah-olah faham perasaan Hashim terhadapnya. Oleh kerana terlalu sayangkan ayam tersebut, Hashim tidak membenarkan orang menyembelihnya. Maka jadilah ayam itu kawan baiknya sehingga ayam jepun itu mati dilanggar kereta ketika cuba menyeberang jalan di hadapan rumah Hashim. Peristiwa itu menyebabkan Hashim tersangat sedih. Beliau masih mengingati peristiwa itu sehingga ke hari ini.

Pada peringkat umur empat hingga enam tahun, kanak-kanak sudah mula meluaskan kemahiran mereka melalui permainan dan fantasi. Ada yang suka menjadi ketua dan ada pula yang suka menjadi pengikut sahaja. Jika sikap yang ditunjukkan pada peringkat ini dipupuk secara positif, mereka akan mempunyai dayautama dan berani mengemukakan pendapat (Atan Long, 1988:331). Sejak kecil lagi Hashim sudah mula menunjukkan sifat kepimpinan dan keberaniannya. Hashim tidak suka berkawan dengan orang yang tidak sehaluan atau sependapat dengannya. Beliau selalu mahu menang kalau bergaduh dengan kawan-kawan dan tidak suka orang menentangnya.

Walau pun pada peringkat awal, Hashim seorang kanak-kanak yang sangat nakal, beliau bertukar menjadi seorang yang pendiam dan suka bersendirian apabila mula bersekolah. Menurut Atan Long (1988:332), perlakuan seperti ini biasa berlaku di peringkat umur enam hingga dua belas tahun. Sifat autonomi ini perlu untuk seseorang belajar dengan mudah dan rajin tanpa gangguan. Seseorang kanak-kanak peringkat umur ini yang minat membaca akan tahu menghargai masa dan lebih suka bersendirian dan tidak suka di-ganggu.

SUKA MEMBACA

Oleh kerana menyedari pentingnya masa dan waktu untuk bersendirian, Hashim tidak suka melihat orang ramai datang ke kedai runcit bapanya. Seringkali beliau menghalau orang-orang yang tidak disukainya. Walau bagaimana pun setelah beliau bersekolah di Kuala Kerai beliau sudah mula tahan bahawa perbuatannya menghalau orang itu tidak baik. Jadi setiap kali orang ramai datang ke kedai bapanya beliau akan keluar ikut pintu belakang supaya tidak bertembung dengan orang yang datang beramai-ramai ke kedai runcit bapanya itu. Kemudian beliau akan pergi ke pondok-pondok usang atau di bawah pokok-pokok rendang di mana beliau boleh bersendirian dan membaca buku tanpa gangguan orang ramai.

Semenjak kecil lagi Hashim sangat suka membaca. Beliau akan membaca apa sahaja yang terjumpa, tidak kira majalah, kertas akhbar lama yang telah dibuang atau kertas membungkus makanan. Sikap rajin membaca ini telah menarik perhatian ramai orang terhadapnya.

Hashim udak berkesempatan untuk bergaul bebas seperti kanak-kanak sebayanya di kampung kerana dikawal ketat oleh bapanya. Hashim udak dibenarkan bermain jauh-jauh seperti kanak-kanak lain yang sebayanya. Masa beliau kecil, kawan-kawan sebayanya suka melastik burung di dalam hutan dan menangkap ikan di sungai. Hashim sangat ingin mengikut kawan-kawannya itu tetapi udak dibenarkan oleh bapanya. Peraturan ketat ini membuat Hashim sedar akan keperluan disiplin diri. Menurut Atan Long (1988:331) peraturan seperti ini memang perlu untuk kanak-kanak peringkat umur enam hingga dua helas tahun supaya kanak-kanak itu belajar hidup berperaturan dan tidak terjebak dalam pergaulan yang terlalu bebas.

Sejak kecil lagi ibuhapa Hashim sudah mendidik supaya anak-anaknya berbaik-baik antara satu dengan lain. Eshah suka berbelanja manakala Hashim seorang yang sangat cermat. Beliau selalu menyimpan wang belanja sekolahnya. Eshah pula selalu meminta wang daripada Hashim. Sebagai seorang adik, Hashim rasa serba salah. Oleh kerana tidak mahu perkara itu berterusan Hashim telah buat keputusan untuk mengadu kepada ibunya.

Pada satu hari, ketika balik dari sekolah, Hashim mengayuh basikalnya dengan laju dan meninggalkan kakaknya. Sampai di rumah beliau terus

mengadu kepada ibunya tentang kakaknya. Menyedari temanang ketampanan siat kedua-dua anak kesayangannya itu, Aminah telah berusaha memenuhi kehendak Eshah agar tidak lagi meminta daripada Hashim. Ibu bapa Hashim telah membeli tiga buah basikal untuk Eshah sepanjang hayat persekolahannya. Sementara Hashim pula tetap kekal dengan sebuah basikal sehingga lah beliau tamat persekolahan.

TEKUN BERUSAHA

Hashim mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tanah Merah pada tahun 1956 sehingga 1959. Oleh kerana Hashim seorang pelajar yang pintar, beliau telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran di Sekolah Rendah Sultan Yahya Petra di Kuala Kerai pada tahun 1960.

Pak Teh Akob telah berusaha untuk mencari rumah tumpangan untuk Hashim di Kuala Kerai. Setelah gagal mendapat bilik sewa di beberapa tempat, mereka sampai ke sebuah rumah yang beralamat No. 142 Jalan Ah Sang (sekarang Jalan Stesen Keretapi) Kuala Kerai, yang dipunyai oleh Haji Idris. Ketika sampai di rumah tersebut mereka berdua sudah sangat keletihan. Pak Teh Akob benar-benar berharap akan berjaya kali itu.

Ketika mereka sampai, rumah tumpangan tersebut sudah penuh. Pada mulanya Haji Idris mahu menolak tetapi menukar fikiran setelah memerhatikan tingkahlaku Hashim. Ketika mula sampai ke rumah Haji Idris, Hashim yang sangat suka membaca telah terlihat sekeping kertas di bawah meja. Beliau terus merangkak ke bawah meja tersebut, mengambil kertas itu dan membacanya. Haji Idris tertarik dengan sikap rajin membaca itu, lalu bersetuju untuk mengambil Hashim tinggal bersamanya.

Semasa menumpang di rumah Haji Idris di Kuala Kerai, Hashim disayangi oleh Haji Idris dan rakan-rakan serumahnya. Ibu ialah kerana beliau seorang yang rajin dan suka membantu orang lain. Encik Ghatar bin Ismail ialah seorang pekerja di hospital Kuala Kerai. Beliau pernah tinggal serumah dengan Hashim di rumah Haji Idris selama tiga tahun. Menurut Ghatar, Hashim suka buat kerja gotong royong yang selalu dibuat di sekitar kawasan rumah mereka tunggal. Pada hujung minggu, jika mereka tidak balik kampong, Hashim dan kawan-kawan serumah akan membantu Haji Idris membuat kerja di kebunnya. Hashim seorang yang pandiam dan tidak suka buang masa

dengan kerja yang tidak berfaedah. Beliau tekun berusaha. Pada waktu malam Hashim hanya mengisi masanya dengan membaca buku-buku pelajaran.



Hashim (berdiri nombor 2 dari kanan) bersama rakan yang menginap di rumah Allahyarham Haji Idris.

KEPUTUSAN CEMERLANG

Semasa menuntut dalam Special Malay Class I (SMC I) di sekolah tersebut, beliau telah menerima biasiswa daripada kerajaan negeri Kelantan sebanyak sepuluh ringgit (\$10) sebulan. Biasiswa itu terus diterima sehingga beliau menuntut dalam Form Five. Biasiswa tersebut telah berjaya, diperolehnya bukan sahaja kerana beliau berasal dari sebuah keluarga miskin, tetapi kerana kecemerlangannya dalam pelajaran. Pada masa itu hanya beliau seorang sahaja dalam kelasnya yang dapat memperoleh biasiswa tersebut. Dalam kelasnya Hashimlah yang paling miskin tetapi beliau juga yang paling cerdik. Beliau sentiasa dapat nombor satu dalam setiap keputusan peperiksaan. Pada masa itu tidak ada sesiapa pun yang dapat mengalahkannya.



Hashim (duduk nombor 3 dari kiri) sebagai ketua darjah Special Malay Class II di Sekolah Rendah Yahya Petra pada tahun 1961. Di sebelah kiri Hashim ialah Encik Siddique Merican guru besar sekolah tersebut.

Walau pun Hashim mendapat keputusan cemerlang dalam setiap peperiksaan sekolah rendah, beliau telah tidak terpilih memasuki mana-mana sekolah berasrama penuh. Hashim pernah cuba memohon untuk memasuki Malay College Kuala Kangsar (MCKK) pada tahun 1962 iaitu ketika menuntut dalam Standard Six. Pada hari temuduga diadakan, Hashim telah ditemani oleh ahang iparnya, Cikgu Wan Ibrahim untuk pergi ke Kota Bharu. Perjalanan mereka jauh dan mereka hanya bermotosikal sahaja. Jadi mereka terpaksa bangun pukul lima pagi dan bertolak ketika hari masih gelap kerana temuduga bermula pukul lapan pagi.

Abang ipar Hashim telah berjanji untuk membawanya makan di restoran Sun Too, sebuah restoran yang masyhur dengan mi rebus, sekiranya berjaya dalam temuduga tersebut. Malangnya Hashim gagal dan mereka pulang dengan hati yang hampa. Hasrat Hashim untuk makan mi rebus tidak terlaksana. Sehingga ke hari ini, Hashim masih tidak berkesempatan untuk menjajakan kaki ke restoran itu.



Hashim menerima hadiah sebagai pelajar terbaik dalam Tingkatan Satu (tempat pertama dalam ujian akhir tahun seluruh tingkatan) pada tahun 1963. Hadiah disampaikan oleh Datin Lela Jasa Pengetua sekolahnya. Encik Bapoo Hashim duduk di kiri.

Oleh kerana gagal mendapat tempat di sekolah berasrama penuh, Hashim telah meneruskan pelajarannya di Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra sehingga Form Five. Semasa menuntut dalam Form One sehingga Form Three, Hashim terus kekal menduduki tempat pertama dalam setiap peperiksaan persekolahannya. Dalam keputusan Lower Certificate of Education (LCE), Hashim telah mendapat lima *distinctions*, iaitu dalam matapelajaran Ugama Islam, Geography, General Science, History dan English. Walau pun mendapat keputusan yang begitu cemerlang, Hashim masih tidak berkesempatan untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh. Jadi beliau terus belajar di Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra sehingga Form Five.

Semasa menuntut di sekolah menengah Hashim sangat meminati matapelajaran History, Ugama Islam, Bahasa Kebangsaan dan English. Beliau selalu mendapat keputusan cemerlang dalam Bahasa Kebangsaan dan English. Tetapi Hashim sangat lemah dalam matapelajaran Mathematics. Semasa dalam Form Four dan Form Five Hashim belajar dalam kelas Sains Tulin. Mathematics pada masa itu ialah matapelajaran wajib dalam kelas Sains Tulin, dan Hashim terpaksa bersaing dengan pelajar berbangsa Cina yang lebih pintar daripadanya dalam matapelajaran tersebut. Oleh kerana lemah dalam matapelajaran tersebut, Hashim telah dikalahkan oleh pelajar bangsa Cina. Beliau tidak lagi menduduki tempat pertama dalam kelas tetapi jatuh ke tempat ketiga, keempat dan kadang-kadang kelima. Hashim rasa malu hendak balik berjumpa ibubapnya kerana telah jatuh ke nombor tiga.

ROMBONGAN KE KUALA LUMPUR

Ketika menuntut dalam Form Four, Hashim telah terpilih untuk menyertai program pertukaran pelajar anjuran kerajaan negeri Kelantan. Program tersebut bertujuan untuk mengintergrasikan berbagai-bagai kaum. Mereka diempatkan di rumah ibubapa angkat yang berlainan kaum. Dengan cara ini diharapkan agar pelajar-pelajar yang terpilih itu dapat menyesuaikan diri dengan cara penghidupan kaum lain. Seramai dua belas orang pelajar Form Four hingga Form Six telah terpilih dari sekolah yang berlainan dari seluruh negeri Kelantan.

Ketua rombongan pelajar tersebut ialah Pahamin A. Rejab, yang sekarang bertugas sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalanraya. Menurut Hashim, Pahamin A. Rejab telah menunjukkan kepimpinan yang sangat cemerlang semasa mengetuai rombongan tersebut. Oleh itu tidak hairanlah kalau sekarang ini beliau boleh menerajui kepimpinan sebuah jaba-tan yang besar.

Semua ahli rombongan tersebut telah berpeluang menaiki kapal terbang untuk pergi ke Kuala Lumpur. Peluang seperti ini amat jarang diperoleh oleh pelajar-pelajar dari luar bandar, dan Hashim rasa sungguh bertuah kerana mendapat peluang tersebut. Hashim telah ditempatkan di rumah seorang bangsa Portugis bernama de Alvis yang ketika itu tinggal di Jalan Pahang. Isteri de Alvis berbangsa Cina.

Hashim tinggal selama dua minggu di rumah ibubapa angkatnya itu. Walau pun tinggal dalam cara penghidupan yang sungguh asing, Hashim dapat menyesuaikan diri. Keluarga de Alvis telah melayannya dengan baik. Setelah pulang, mereka masih berurus surat. Hashim telah menulis sebuah artikel berkenaan lawatan tersebut, dan artikel tersebut telah diterbitkan dalam majalah sekolahnya. Ketika Hashim menuntut di ITM Shah Alam, beliau telah berusaha untuk mencari ibubapa angkatnya di Jalan Pahang. Malangnya beliau tidak dapat mengesan mereka kerana ketika itu terdapat banyak perubahan berlaku di kawasan Jalan Pahang. Lagi pun, sebagai seorang budak kampung yang baru datang ke Kuala Lumpur, beliau tidak biasa dengan keadaan sibuk di bandar.

AKTIF DALAM SUKAN

Ketika di bangku sekolah, Hashim seorang yang aktif dalam sukan. Beliau pernah mewakili sekolah dalam pasukan bola sepak dan bola tampar. Beliau juga telah mewakili sekolah dalam acara larian 100m, 200m dan lari berganti-ganti 4 x 100m.

Hashim juga telah menjadi pengawas sekolah ketika menuntut dalam Form Three. Ketika dalam Form Five, beliau telah dilantik menjadi ketua

pengawas. Pada tahun 1966 iaitu ketika memuntut dalam Form Four beliau telah terpilih sebagai pelajar terbaik di sekolahnya berdasarkan keputusan cemerlang yang telah diperolehnya dalam peperiksaan LCE.



Hashim (berdiri nombor 2 dari kiri) dalam Pasukan Bola Sepak Sekolah Rendah Sultan Yahya Petra pada tahun 1962. Guru besarnya ialah Encik Siddique Merican (duduk nombor 3 dari kanan) dan guru pelatih bola sepak ialah Encik Yeoh Thean Hoe (duduk nombor 3 dari kiri).

Hashim menerima hadiah tempat kedua dalam acara lari 100m pada hari sukan Sekolah Menengah Yahya Petra pada tahun 1966. Hadiah disampaikan oleh Tengku Pemangku Raja Kelantan.



Hashim (duduk di kanan sekali) sebagai pengawas asrama Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra bergambar bersama rakan-rakan pada tahun 1967.



Hashim (nombor 2 dari kanan) dalam Pasukan Bola Tampar Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra pada tahun 1966.



Hashim (berdiri nombor 2 dari kanan) dalam pasukan pelari jarak dekat Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra pada tahun 1966.

BERCITA-CITA MENJADI DOKTOR

Hashim telah lulus peperiksaan Malaysian Certificate of Education (MCE) dengan cemerlang. Dalam peperiksaan tersebut, beliau telah mendapat Gred Satu. Beliau telah mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di Institut Teknologi MARA, Shah Alam pada 1968. Di institusi tersebut beliau telah melanjutkan pelajaran dalam Form Six sehingga tahun 1969.



Hashim lulus peperiksaan Malaysia Certificate of Education (MCE) dengan cemerlang

Semasa Hashim belajar di Institut Teknologi MARA Tan Sri Arshad Ayub yang ketika itu menjadi Pengarah ITM selalu memberi dorongan kepada pelajar-pelajar di ITM supaya belajar dengan rajin. Beliau selalu memanggil pelajar-pelajar yang tidak lulus supaya tampil ke hadapan dan memberi penjelasan. Post-mortem yang dijalankan oleh Tan Sri Arshad Ayub ini telah banyak memberi dorongan kepada Hashim supaya tekun belajar. Ketika itu beliau berazam untuk menunjukkan kepada Tan Sri Arshad Ayub bahawa beliau boleh berjaya. Sehingga ke hari ini, beliau masih menghargai apa yang telah dilakukan oleh Tan Sri Arshad Ayub.

Semasa menuntut dalam Form Six Hashim sudah mula bercita-cita untuk menjadi doktor perubatan. Hasratnya itu telah diberitahu kepada bapanya. Bapanya berasa bangga dengan cita-cita anak kesayangannya itu, lalu menceritakannya kepada orang di Tanah Merah. Malangnya mereka telah mengejeknya. Kata mereka tidak mungkin Hashim boleh menjadi seorang doktor kerana sebelum itu belum ada seorang pun di Tanah Merah yang boleh sampai ketaraf itu. Lagi pun keturunan bapa Hashim pun tidak ada yang bekerja lain daripada menoreh getah. Ejekan orang itu telah menyebabkan bapa Hashim tersinggung. Namun dia merahsiakan hal itu daripada Hashim kerana khuatir anaknya akan patah semangat.



Semasa menuntut dalam Tingkatan Enam (Form Six) di ITM Shah Alam, Hashim sudah mula bercita-cita menjadi doktor perubatan.

Setelah tamat pengajiannya dalam Form Six, Hashim telah menerima tawaran biasiswa dari MARA untuk melanjutkan pelajaran di University of Otago di New Zealand pada tahun 1970. Tetapi Hashim rasa keberatan untuk pergi kerana beliau lebih berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Universiti Malaya. Ketika mendapat tawaran ke New Zealand beliau telah membuat permohonan untuk masuk ke Universiti Malaya. Hashim serba salah ketika itu. Beliau mahu menunggu keputusan permohonannya ke Universiti Malaya tetapi takut pula untuk menolak tawaran ke New Zealand kerana khuatir tidak dapat langsung peluang melanjutkan pelajaran.



Hashim dengan gaya berpakaian tahun 1960an.

Pada masa itu amat sukar bagi seorang pelajar miskin dari kampung seperti mendapat bimbingan dan nasihat tentang pelajaran dan kerjaya. Oleh itu beliau telah berusaha sendiri pergi berjumpa dengan seorang pegawai MARA yang bernama Tajuddin Ali untuk mendapatkan pandangan. Tajuddin Ali telah menasihatkannya supaya pergi ke New Zealand kerana berpendapat Ali mungkin tidak berpeluang melanjutkan pelajaran di tempat lain. Jadi Hashim mungkin tidak berpeluang melanjutkan pelajaran di tempat lain. Jadi dengan hati yang berat Hashim pun bersetuju untuk pergi ke New Zealand.



Adalah amat sukar bagi seorang pelajar miskin dari kampung seperti Hashim mendapatkan bimbingan dan nasihat tentang pelajaran dan kerjaya.

Orang kampung Hashim berasa sungguh bangga dan gembira apabila mendapat tahu Hashim telah mendapat tawaran belajar di luar negeri. Itulah pertama kali anak penoreh getah dari kampung mereka mendapat peluang seperti itu. Pada hari Hashim hendak bertolak ke New Zealand, semua orang kampung telah bersama-sama menghantarnya ke stesen keretapi Tanah Merah. Dari stesen keretapi itu, Hashim bersama Pak Teh Akob dan seorang tauke Cina yang telah banyak membantunya telah pergi ke lapangan terbang di Kuala Lumpur.



Orang kampung Batu Hitam sangat gembira apabila Hashim sebagai anak penoreh getah yang pertama dari kampung mereka dapat melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

Disebalik kegembiraan hati orang kampung Batu Hitam, tuhan sahaja tahu betapa sedihnya hati Hashim ketika itu kerana tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya. Di hati anak muda itu sudah nekad untuk menjadi seorang doktor. Walau pun gagal ke Universiti Malaya, cita-citanya belum terkubur begitu sahaja. Beliau masih menyimpan harapan.



Hashim rasa keberatan pergi ke New Zealand kerana beliau bercita-cita melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Universiti Malaya


TERIMA SURAT

Pemergian Haslom telah disaksikan oleh Pak Teh Akob dengan penuh riba. Di hati kecil bapa itu terasa juga bimbang kerana anaknya itu tidak pernah pergi sejauh itu. Macam mana agaknya bila sudah lepas ke negeri orang? Bolehkah anaknya menyesuaikan diri di rantaui orang? Walau pun bimbang, Pak Teh Akob tidak menunjukkan perasaan itu di hadapan anaknya kerana khatul akan mefumpuhkan semangatnya.

Sementara Hashim pula masih dalam kebingungan. Sepanjang perjalannya itu beliau seperti di awang-awangan. Ke mana gerangan beliau akan pergi agaknya? Macam mana rupanya negeri orang yang sedang dituju itu? Apa yang boleh dilakukan setelah tamat belajar di New Zealand nanti? Bolehkah cita-citanya untuk menjadi seorang doktor tercapai? Pertanyaan-pertanyaan itu bermain di kepalanya. Namun sebagai seorang budak kampung yang telah biasa dengan kesusahan hidup segalanya kepayahan akan tetap dihadapi juga dengan mudah.

Beberapa bulan setelah Hashim sampai di New Zealand, iaitu pada ~~periengahan~~ tahun 1970, Hashim menerima surat yang menyatakan bahawa ~~beliau~~ berjaya mendapat tawaran belajar di Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Pada ketika itu juga Hashim mahu segera pulang ke Malaysia untuk menerima tawaran tersebut. Malangnya beliau tidak dibenarkan buat begitu. ~~Lagi pun~~ beliau tidak mampu untuk membeli tiket kapal terbang untuk pulang ~~sendiri~~.

Di New Zealand ketika itu bidang perubatan tidak ditawarkan ~~seada~~ pelajar-pelajar asing. Walau bagaimana pun Hashim tetap dianjurkan ~~dan~~ diterima masuk dalam bidang pergigian sekiranya mendapat keputusan ~~dalam~~ pengajian tahun pertama. Walaupun bidang pergigian bukan ~~nya~~, Hashim terpaksa menerima tawaran itu kerana sudah tidak ada ~~an~~ lain. Minatnya pada bidang perubatan masih kuat dan beliau tahu ~~ng~~ untuknya belajar dalam bidang itu sangat tipis. Jadi beliau berazam ~~terus~~ berusaha agar tidak terlepas peluangnya menjadi doktor pergigian



Hashim (pada tahun 1972) semasa menuntut di University of Otago di New Zealand.

Berkat ketekunannya Hashim telah berjaya terpilih memasuki bidang perggian dalam pengajian tahun kedua, iaitu pada tahun 1971 sehingga 1974. Akhirnya beliau berjaya memperoleh ijazah Bachelor of Dental Surgery (BDS) daripada universiti tersebut. Pada masa itu Hashim mungkin rasa terkilan kerana tidak dapat menjadi seorang doktor perubatan. Tetapi pada masa ini beliau harus rasa bangga kerana bidang yang telah dipilihnya itu telah membawanya ke mercu kejayaan yang menaikkan namanya di peringkat antarabangsa.



Hashim bergambar bersama
ibubapanya ketika pulang bercuti
dari New Zealand.



Hashim I duduk di barisan hadapan nombor 3 dari kiri) semasa dalam tahun tiga pengajiannya di University of Otago pada tahun 1972.

BERVISI JAUH

Hashim pulang ke tanah air pada Disember 1974. Sekembalinya ke tanah air, Hashim terus memohon untuk menjadi pensyarah di Fakulti Pergigian Universiti Malaya. Hashim telah berjaya mendapat tawaran untuk menjadi pensyarah di fakulti tersebut pada tahun 1975.

Hashim sentiasa mempunyai visi tertentu dalam menjalankan tugas sehariannya. Beliau percaya bahawa seseorang yang mahu meniti kejayaan harus bermula dengan mempunyai azam, dan seterusnya berusaha ke arah apa yang dihajatinya. Semasa menuntut di New Zealand, Hashim pernah bercerita-cita dan berazam untuk memperoleh ijazah sarjana pada tahun 1976 dan Fellowship in Dental Surgery of Royal College (FDSRC) pada tahun 1979. Cita-citanya itu dicatatkan di atas fail yang masih disimpan dengan baik sehingga ke hari ini.



Hashim bersama rakannya ketika menuntut di New Zealand.

Walau pun gagal mencapai impian tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan, beliau masih mampu memperolehnya beberapa tahun kemudian. Ijazah sarjana yang diumpikan itu berjaya diperoleh dari University of London pada tahun 1978, sementara Fellowship in Dental Surgery of Royal College (Glasg) pula diperoleh dari The Royal College of Physicians and Surgeons of Glasgow, United Kingdom pada tahun 1986.

Sikap rajin belajar, berpandangan dan bervisi jauh dan tidak suka membuang masa yang ada pada Hashim ini telah menarik perhatian seorang gadis yang cantik dan bijak bernama Sri Nurestri binti Abd. Malek untuk berkawan dengannya semasa sama-sama menuntut di New Zealand. Persahabatan itu terus menjadi erat sehingga menjalin perasaan yang lebih mesra antara mereka berdua. Persahabatan yang kekal selama lebih tujuh tahun itu akhirnya membawa mereka ke jinjang pelamin.



Hashim (berdiri di barisan belakang nombor 1 dari kiri) bergambar bersama pelajar-pelajar Melayu di University of Otago , New Zealand. Sri Nurestri duduk di barisan tengah nombor 3 dari kanan

BAB TIGA

CINTA, KASIH DAN SAYANG

Di sebalik sifat tegas, berani dan cekal hati yang diwarisi dari bapanya, Hashim juga mewarisi sifat ibunya yang penyayang dan berjiwa tembut. Beliau bukanlah orang yang suka bercerita mengenai "Cinta", tetapi perasaan kasihnya terhadap keluarga dilaughkan dalam sajak-sajak tulisan yang sudah cukup menggambarkan jiwanya yang pengasih dan penyayang.

Sajak-sajak cinta yang ditulis untuk isterinya dalam antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelat* dan *Air Manik Astagmu* melambangkan kesucian dan keagungan kasih sayang seorang suami terhadap isteri. Kata-kata unik yang dipilih dalam sajak-sajak cintanya melambangkan kelembutan jiwanya, keikhlasan rasa kasih dan kejujuran dalam pengakuan yang diutarakan. Gambar istei yang tertera di muka hadapan buku antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelat* melambangkan penghargaan seorang suami terhadap isteri. Tajuknya yang mencerminkan tema penawar terhadap segala duka dan kesusahan memberi pengertian bahawa kehadiran seorang isteri dalam hidup seorang lelaki boleh menjadi penawar segala kesusahan. Lantaran itulah nama isterinya, Sri Nurestri sering menjadi sebutan dalam sajak-sajak cinta tulisannya.

SRI NURESTRI

Sri Nurestri binti Abd Malek dilahirkan pada 18hb Mei 1950 di Teluk Intan, Perak. Ibunya, Pem Sumestri binti Darmo Sumarto berasal dari Jogjakarta dan telah dilahirkan di situ. Manakala bapanya, Haji Abd. Malik bin Haji Arsat pula berasal dari Kalimantan Selatan tetapi telah dilahirkan di Malaysia. Walau pun keluarganya telah lama menetap di Malaysia, mereka masih mempunyai sandaya mara yang rapat di Indonesia.

Sri Nurestri ialah anak kedua dari sebelas orang adik beradik yang terdiri dari tujuh perempuan dan empat lelaki. Salah seorang dari adik perempuannya bertugas sebagai seorang doktor gigi di Bachok, Kelantan, manakala seorang adik lelakinya bertugas sebagai seorang pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia.

Sri Nurestri menganggap dirinya sungguh bermasih baik kerana kedua ibubapanya mengambil berat tentang pelajaran kesemua adik beradik nya, tidak kira lelaki atau perempuan. Untarhan itu kesemua adik beradiknya telah mendapat peluang pendidikan yang baik. Sri Nurestri menganggap kejayaan yang diperolehnya dalam akademik pada hari ini adalah berkat galakan dan dorongan kedua ibubapanya.

Ibunya, Peni Sunestri sanggup berkorban masa untuk menggalakkan anak-anaknya belajar. Peni Sunestri tidak pernah menyuruh anak-anaknya membuat kerja di rumah kerana khawatir akan mengganggu pelajaran mereka. Semasa anak-anak menghadapi peperiksaan, Peni Sunestri akan turut berjaga sehingga larut malam untuk menemui anak-anaknya yang mahu belajar. Pada masa ini, setelah kesemua anak-anaknya tamat belajar, Peni Sunestri memenuhi masa lapangnya dengan membuka perniagaan sendiri. Beliau mengusahakan sebuah toko buku di Taiping, Perak. Toko buku tersebut menjual berbagai jenis buku, tetapi lebih banyak memfokuskan kepada topik-topik berkaitan agama Islam.

Haji Abd. Malik yang bertugas sebagai seorang guru Bahasa Arab di sekolah agama pula sentiasa memberi galakan kepada semua anak-anaknya supaya belajar dengan tekun. Semasa Sri Nurestri sedang belajar dalam Darjah Empat di Bagan Serai, Perak, Haji Abd. Malik telah membuat keputusan untuk membawa keluarganya berpindah ke Taiping semata-mata kerana mahu memberi peluang kepada anak-anaknya bersekolah di tempat yang lebih baik. Di Taiping Sri Nurestri dan adik-beradiknya yang lain telah dihantar ke sekolah aliran Bahasa Inggeris. Haji Abd. Malik mahu kesemua anak-anaknya mendapat jaminan pelajaran yang lebih baik di sekolah tersebut.



Ibu bapa Sri Nurestri mengambil berat tentang pelajaran anak-anak.

SEKOLAH BERASRAMA PENUH

Sri Nurestri telah bersekolah di Taiping dari Standard Four (Darjah Empat) sehingga Form Three (Tingkatan Tiga). Semasa mula memasuki Form Four (Tingkatan Empat), beliau mahu masuk ke sekolah berasrama penuh supaya dapat memberi tumpuan yang lebih baik kepada pelajarannya. Jadi Sri Nurestri telah menulis surat permohonan kepada pengetua sekolahnya untuk belajar di Kolej Tunku Khursiah di Seremban. Permohonannya itu berjaya dan beliau telah belajar di sekolah tersebut sehingga Form Five (Tingkatan Lima).

Setelah tamat Form Five, Sri Nurestri berjaya di terima masuk ke **kelas Form Six** (Tingkatan Enam) dalam aliran sains. Ketika itu Kolej Tunku Khursiah tidak menawarkan kelas Form Six dalam aliran sains. Jadi Sri

Nurestri telah balik semula ke Taiping dan seterusnya melanjutkan pelajarannya dalam Form Six selama dua tahun di situ.


Setelah tamat Form Six, Sri Nurestri berjaya mendapat biasiswa Colombo Plan untuk melanjutkan pelajaran di New Zealand, di mana beliau telah berjumpa dengan Hashim. Sri Nurestri belajar di New Zealand pada tahun 1970 sehingga 1974. Pada tahun pertama beliau mengambil jurusan Sains dan apabila masuk ke tahun kedua beliau mengambil bidang Kimia. Seterusnya Sri Nurestri meneruskan pengajiannya ke peringkat sarjana dalam bidang Kimia Organik.

PROFESOR MADYA

Semasa masih menuntut dalam tahun akhir di New Zealand, Sri Nurestri telah membuat permohonan secara bertulis ke pada Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menjadi pensyarah. Permohonannya itu diterima. Jadi apabila Sri Nurestri pulang ke tanah air, beliau sudah pun mendapat tempat di universiti tersebut. Beliau mula bekerja sebagai pensyarah di Jabatan Kimia dalam Fakulti Sains di universiti tersebut pada bulan Jun 1975.

Pada tahun 1978 Sri Nurestri telah berpeluang melanjutkan pelajaran peringkat Doktor Filosafah (Ph.D) dalam bidang Kimia Organik di University of London. Beliau pulang semula ke tanah air pada tahun 1981 dan menyambung perkhidmatannya di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada tahun 1984, Sri Nurestri telah dinaikkan pangkat menjadi Profesor Madya. Pada masa ini beliau giat menjalankan penyelidikan tentang tumbuhan yang ada sifat hius (anestetik) dan berpotensi untuk dijadikan ubat. Pada masa yang sama, Hashim pula berminat membuat penyelidikan tentang tumbuhan yang boleh digunakan untuk menyembuh luka dan menahan pendarahan luar. Jadi suami isteri ini telah berganding bahu dan bekerjasama membuat penyelidikan tersebut.



Sri Nurestri semasa menuntut dalam tahun kedua di University of Otago New Zealand pada tahun 1971. Gambar ini telah diberi kepada Hashim sebagai ingatan kasih sayang ketika mereka sedang bercinta.

PERTEMUAN PERTAMA

Hashim dan Sri Nurestri mula bertemu dalam bilik kuliah di University of Otago, New Zealand pada tahun 1970. Ketika itu mereka sama-sama belajar dalam satu kuliah. Pertemuan pertama dalam kuliah tersebut telah membawa tali persahabatan yang kekal sepanjang pengajian di New Zealand. Sepanjang tempoh persahabatan mereka, Sri Nurestri dapat Hashim begitu serius menumpukan perhatian pada pelajaran. Beliau tidak suka membuang masa dengan berpeleseran tidak tentu arah, tetapi sentiasa mengisi masa dengan kerja-kerja yang berfaedah. Sifat seperti inilah yang menarik perhatian Sri Nurestri untuk terus bersahabat dengan Hashim.

Apabila masuk ke tahun kedua pengajian, mereka tidak lagi belajar dalam kuliah yang sama kerana Sri Nurestri mengambil bidang kimia dan Hashim pula memilih bidang pergigian. Walau bagaimana pun persahabatan mereka terus kekal. Ketika itulah perasaan saling menyintai mula terjalin, sehingga akhirnya mereka membuat keputusan untuk bertunang setelah kembali ke tanah air.

Hashim sengaja menangguhkan perkahwinannya, walaupun sudah tekad untuk mengambil Sri Nurestri sebagai isteri, kerana beliau memerlukan masa untuk membantu keluarganya yang masih hidup dalam serba kesusahan. Mereka telah mendirikan rumah tangga pada bulan September 1977 setelah bertunang selama setahun. Seminggu selepas mendirikan rumah tangga, Hashim telah berlepas ke United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran. Kiranya lima bulan selepas itu, Sri Nurestri menyusul dengan tujuan yang sama. Kedua-duanya pulang dengan membawa kejayaan dalam bidang masing-masing,



Hashim dan Sri Nurestri dihari perkahwinan mereka pada September 1977. Seminggu selepas mendirikan rumah tangga berlepas ke United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran.

HATI PANAS

Sedangkan Ihdah lagi tergigit, inikan pula suami-isteri. Setiap pasangan suami-isteri pasti menempuh peristiwa suka duka dalam hidup. Namun ketenangan dalam melayari bahtera hidup terpulang kepada kebijaksanaan suami-isteri tersebut memainkan peranan masing-masing. Seperti pasangan lain juga, Hashim dan Sri Nurestri tidak lepas dari menempuh gelombang dalam kehidupan berumahtangga. Namun kedua-duanya dapat bertahan lama kerana ada toleransi dan persefahaman dalam beberapa aspek.

Hashim seorang yang berhati panas. Sifat ini diwarisi dari bapanya, seperti yang diceritakan dalam sajaknya "Tolong Aku Ayah, Tolong Aku Ibu":

*Hati panas turunan ayah
kini membakar seuruh tubuhku.
Kalau upinva berterusan begitu
bulang nantilah jasad anakmu ini.*

Sajak tersebut jelas membayangkan bahawa Hashim sedar akan kelemahan dirinya yang tidak dapat diatasi. Beliau sedar bahawa ramai orang yang dikasihinya tersinggung dengan sifat pemarahnya. Namun segala-galanya berlaku bukan dengan kerelaan hatinya. Sesetapa yang rapat denganannya sudah sedia maklum bahawa sifat pemarahnya tidak membahayakan, kerana disebalik sifat pemarah itu beliau juga memiliki jiwa yang lembut dan penyayang seperti ibunya.

ROMANTIK

Sri Nurestri akui bahawa Hashim seorang yang serius dan tegas dalam segala aspek penghidupannya. Dalam banyak keadaan Sri Nurestri banyak menunjukkan sifat sabar dan toleransi terhadap suaminya. Dengan ini tidak hairanlah Hashim sangat menyantungi budi-pekerjanya isterinya, sebagaimana yang diceritakan dalam sajaknya "Hutangku Seluas Laut Biru (Buat Sri Nurestri)" yang terdapat dalam antologi sajak *Air Muniik Astagina*. Tajuk sajak tersebut sahaja sudah cukup memberi gambaran kepada pembaca bahawa Hashim terhutang budi dengan Sri Nurestri yang telah banyak memberi sokongan dalam hidupnya.

Sajak ini pernah dideklamasikan oleh Tan Sri Awang Had Salleh dengan penuh emosi di majlis pelancaran buku antologi *Air Manik Astagina* yang diadakan Seremban. Sedutan kata-kata indah dan romantik yang terdapat dalam sajak itu ialah:-



Hashim dan Sri Nurestri

*Sanjung pujiku padamu
tidak bisa kaudengar
kalau kaupasang hanya telinga.
Cuba kausuluh, kekasihku
dengan lampu matamu
di hujung kalbu
pada wajahku.*

Sajak tersebut memang memberi pengertian yang mendalam. Dari sedutan sajak tersebut, dapat kita tahami bahawa Hashim tidak mudah melaksanakan kata-kata cinta di mulut sahaja. Beliau juga bukan jenis manusia yang suka menanam tebu di bibir. Sebaliknya jiwanya dapat diselami setelah mengenal hau budinya yang mulia dan berhemah tinggi.

Walau pun bersifat tegas dan serius, Hashim seorang suami yang romantik. Beliau suka memberi hadiah kepada isteri dan anak-anak, terutama setelah kembali dari bertugas di luar negara. Kasih sayangnya terhadap isteri dan anak-anak jelas terpancar dari sajak-sajak tulisannya yang sentiasa menyebut nama isteri dan anak-anak. Beliau seorang yang henar-henar prihatin terhadap kasih sayang dan kehajikan keluarga.

Sri Nurestri dapat menyelami perasaan sebenar Hashim melalui tulisan sajak-sajaknya. Ini disebabkan Hashim pandai menyusun kata-kata cinta dalam sajak tulisannya. Antara kata-kata indah dalam sajak "Cintakasih Ku Pada Sri Nurestri" yang dipetik dari antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelat* ialah seperti berikut:-

*Begitu jugalah aku, Sri Nurestri.
Cintakasihku padamu
bagaikan cinta Sri Rama,
bagaikan kasih Jentayu,
pada Sita.
Tentunya tetap akan bersemi
tetap terabadi
Walau musim silih berganti.*

Kedua-dua sajak yang ditujukan khas untuk isterinya itu patut dibaca dan dihayati oleh semua lelaki kerana mesejnya begitu mendalam dan kesan dari pemilihan kata-kata yang datang ikhlas dari seorang suami itu sepatutnya dijadikan pedoman.



Tiga orang anak kesayangan Hashim dan Sri Nurestri.

CAHAYA MATA

Seperti pasangan suami-isteri yang lain, Hashim dan Sri Nurestri juga mahu menimang cahaya mata. Namun kesebukan mereka belajar telah menyebabkan mereka terpaksa membuat keputusan menangguhkannya. Walau pun telah berumahtangga pada tahun 1977, anak sulung mereka lahir pada tahun 1983, iaitu setelah enam tahun berumahtangga.

Kehadiran anak-anak telah menambahkan seri dalam hidup mereka sebagaimana yang digambarkan oleh Hashim dalam sajaknya "Anak Anak Ku" dalam antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelat*. Sedutan dari sajak tersebut menggambarkan betapa gembiranya hati mereka dengan kehadiran tiga orang anak yang comel dan bijak:-

*Kehadiran mu anak anak ku
udalah pembawa cahaya
yang bersinar,
menyuluh matahati
kearah satu destinasi.
dalam hidupku dan ibumu.*

ILI HANA

Ili Hana ialah anak sulung Hashim dengan Sri Nurestri. Ili Hana telah dilahirkan pada 18hb Januari 1983 di Petaling Jaya, Selangor. Sebagai cahaya mata yang pertama, Ili Hana sangat manja dengan kedua-dua ibubapanya, terutama sekali dengan Hashim. Ketika kecil, Ili Hana sangat rapat dengan bapanya sehingga selalu duduk di ribaan bapanya ketika sedang berehat.

Apabila sampai ke saat Ili Hana mula mendapat "tanda kedewasaan", dia kurang bermanja dengan bapanya. Pada mulanya perubahan Ili Hana membuat Hashim tertanya-tanya, dan hanya mengerti setelah dijelaskan oleh Sri Nurestri. Ketika itu Hashim sayu dan sedih kerana beliau terasa seolah-olah akan kehilangan anaknya itu. Disaat itu juga beliau terfikir bahawa perasaan seperti itu mungkin akan berulang ketika Ili Hana akan berumahtangga. Perasaan yang dialami oleh Hashim itu melambangkan kegungan kasih sayang seorang bapa terhadap seorang anak perempuan.

Pada masa ini Ili Hana sedang belajar dalam Tingkatan Dua di sebuah sekolah swasta di Cheras, Selangor. Seperti bapanya juga, gadis yang berwajah manis dan berkulit cerah ini ialah seorang pelajar yang cemerlang dalam akademik dan aktiviti ku-kurikulum. Dalam keputusan peperiksaan di sekolahnya, Ili Hana sentiasa mendapat tempat atas dari nombor lima dalam kelasnya. Dalam sukan di sekolahnya pula Ili Hana sentiasa memenangi tempat pertama acara larian 100m dan 200m. Manakala dalam bidang permainan, Ili Hana pernah mengambil bahagian dalam bola jaring dan bola haling di Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD).

Ili Hana juga telah mewarisi darah seni yang mengairi kuat dalam tubuh bapanya. Kalau bapanya sangat berminat dalam seni wayang kulit dan puisi, Ili Hana pula sangat meminati muzik dan tarian balet. Pada masa ini Ili Hana sudah mencapai gred lima dalam pelajaran pianonya. Dia telah mula berlatih menari balet sejak berumur lima tahun dan pernah mengambil bahagian dalam sebuah persembahan tarian balet yang diadakan di Petaling Jaya sempena meraikan sebuah majlis. Pada masa ini Ili Hana sedang belajar di sebuah sekolah tarian balet di Petaling Jaya. Selain piano, Ili Hana juga gemar bermain organ.

Gadis tinggi, lampai, periang dan peramah ini bercita-cita menjadi seorang peguam. Ili Hana tertarik dengan profesion tersebut setelah beberapa kali menonton drama bersiri kegemarannya, "Dark Justice", "Law and Order" dan "L.A. Law". Cita-cita tersebut sangat sesuai dengan perwatakannya.

Hashim dan Sri Nurestri meletakkan harapan yang sangat besar kepada anak gadis sulungnya ini supaya apabila dewasa nanti menjadi seorang yang baik budi pekerji, seperti yang ditulis dalam sajak "Pesan Mama" yang terdapat dalam antologi sajak *Air Manik Astagina*:

Pesan mama pada Ili:

Berpayunglah di bawah namamu hana.

Judilah kau Siti Dewi.

Halus pekerji, rendah hati.

pandai jaga diri

suci bak puteri dewi.

Di mana pun berada, orang tetap sudi.

ADI DAN INDERA

Hashim dan Sri Nurestri juga mempunyai dua orang anak kembar lelaki yang comel. Mereka ialah Adi Sukma dan Indera Sukma yang telah dilahirkan pada 18hb April 1990 di Subang Jaya, Selangor. Kedua adik-beradik kembar ini tidak seiras rupa dan juga berlainan watak. Adi berbadan kecil dan berwajah mirip Hashim sementara Indera lebih besar dan wajahnya pula mirip Sri Nurestri. Adi cepat marah seperti bapanya tetapi Indera seorang yang sahar seperti ibunya.

Kedua-dua adik-beradik kembar ini bukan sahaja berwajah dan berperwatakan seperti ibubapa mereka, tetapi juga dalam hal-hal lain seperti kegemaran. Seperti Hashim, Adi suka makan buah-buahan dan makanan pedas dan masam. Sementara Indera puas suka makanan kegemaran ibunya dan tidak suka makan buah-buahan.

Dari segi pelajaran pula kedua-duanya sama nandat, tetapi Indera lebih rajin belajar dari Adi. Walau pun baru berumur enam tahun, mereka berdua sudah diantar sekolah di sebuah sekolah swasta di Cheras, Selangor. Sekiranya diteliti dari segala segi, ternyata Indera boleh diamanahkan sebagai seorang abang yang bertanggungjawab terhadap adik. Lantaran itu melalui sajaknya "Bilamana Kau Dewasa" dalam antologi sajaknya *Air Penawar Sekacang Kelat* Hashim telah berpesan padanya:-

*Indera, jangan kau upakan adikmu Adi,
andamana buatan Tuah pada Jebat.
Terawis pada Sari. Begitu juga Adi pada Indera.*

Hashim juga telah mengabadikan nasihat untuk kedua-dua adik-beradik kembar ini dalam sajaknya "Peser Mama". Dalam sajak tersebut Hashim telah berpesan:-

*Peser Mama pada Adi dan Indera:
bernaunglah di bawah namamu sukma
Jadilah kalian Sri Rama dan Laksemanta.
Tajam mata, terus telinga.
Baik hudi bahasa, terab manus
tutur kata.*

PEMBANTU RUMAH

Hashim dan Sri Nurestri pernah mengambil Masi binti Jumeno dari Indonesia untuk bekerja sebagai pembantu rumahnya. Masi telah mula bekerja dengan mereka semenjak Adi Sukma dan Indera Sukma baru dilahirkan pada tahun 1990. Hashim sekeluarga telah menganggap Masi seperti salah seorang ahli keluarga mereka juga. Lantaran itu Hashim dan Sri Nurestri sentiasa mengambil berat tentang kebijakan keluarganya.

Masi mempunyai seorang anak perempuan yang bernama Elvy. Ketika dia bekerja di rumah Hashim, anak gadisnya itu terpaksa ditinggalkan di Indonesia. Lantaran itu anak tersebut tidak mendapat jagaan yang baik. Masi susah hatu memikirkan nasib anaknya itu dan telah menceritakan kepada Hashim. Oleh kerana merasa bertanggungjawab ke atas keluarga Masi dat juga atas dasar simpati. Hashim bersetuju membawa Elvy tinggal bersamanya dan menjaganya seperti anaknya sendiri.

Elvy telah dihantar ke sekolah swasta yang sama seperti anaknya iu Hana. Hasil dari jagaan dan bimbingan yang baik disampaikan keluarga ini. Elvy lulus Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). Walau pun tidak mencapai ke tahap cemerlang dalam pelajaran, sekurang-kurangnya Elvy mendapat peluang menikmati pendidikan yang tidak mungkin diperoleh sekiranya dia terus tinggal berasingan dari ibunya. Di sekolah, Elvy aktif dalam sukan. Dia pernah memenangi tempat pertama dalam larian 400m dalam sukan sekolahnya.

Walau pun Masi dan anaknya Elvy sudah tidak tinggal bersama Hashim lagi, mereka tetap diingati oleh anak-anaknya yang telah dijaga dengan baik. Bagi Hashim pula khidmat mereka tetap dikenang. Belau juga rasa puas hati kerana sekurang-kurangnya dapat memberi peluang Elvy menerima pendidikan baik.

Selain membantu keluarga yang susah seperti Masi dan anaknya, Hashim juga bertanggungjawab terhadap semua ahli keluarganya yang lain. Belau tidak pernah lupa kepada adik-beradiknya, walau pun belau sendiri sudah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam hidupnya. Belau adalah tempat adik-beradiknya mengadu dan mendapat sokongan moral. Lantaran itu belau dihormati oleh semua adik-beradiknya.

BAB EMPAT

HARAPAN DAN KEBANGGAAN KELUARGA

HASHIM sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal keluarganya. Semasa kecil beliau lebih banyak menumpukan perhatian dan masanya terhadap pelajaran. Tetapi setelah kehidupannya stabil, beliau menjadi orang yang bertanggungjawab terhadap keluarga. Jadi tidak hairanlah kalau semua ahli keluarga meletakkan harapan yang tinggi kepadanya. Beliau iatah tunggak harapan seluruh ahli keluarganya.

NASI LAUK BELALANG GORENG

Hashim sangat rapat dengan kakak sulungnya Eshah. Ketika kecil mereka bersama-sama mengharungi kesusahan yang dirasai oleh ibubapa mereka. Eshah pernah berbaju koyak bertampal-tampal ketika berumur tiga hingga empat tahun. Walau pun masih kecil, Eshah faham akan kesusahan ibubapanya yang menyebabkan dia terpaksa berpakaian begitu. Dengan bahasa yang pelat dia seringkali merungut kepada ibunya tentang malang nasihnya kerana tidak dapat berbaju cantik seperti kanak-kanak sebaya dengannya.

Eshah dan Hashim juga pernah merasa makan nasi berlaukan belalang goreng ketika mereka dalam kesempitan dahulu. Walau pun pernah juga merasanya Hashim sudah tidak ingat akan rasanya kerana ketika itu beliau masih kecil. Tetapi apabila sudah dewasa Eshah selalu menceritakan kepada Hashim tentang keenakaff lauk belalang itu.

Sewaktu ibubapa Hashim pergi menoreh getah, Eshah yang ketika itu berusia lima tahun terpaksa menjaga Hashim yang masih berusia lebih kurang setahun. Kebiasaan Pak Teh Akob dan Mak Teh Minah kunci rumah sebelum pergi menoreh kerana khawatir kedua-dua anak mereka itu merayau merata-rata. Eshah yang bertubuh kecil dan kurus seringkali terpaksa menggendong adiknya Hashim yang berbadan gemuk, gempal dan berat. Walau pun kelihatan sungguh membebankan, Eshah tetap lakukan demi kasih sayangnya terhadap adik.

BERAK DALAM KELAS

Eshah dan Hashim bersekolah di tempat yang sama. Ketika kecil Hashim pergi ke sekolah dengan menaiki beca manakala Eshah pula berbasikal. Semasa belajar dalam Darjah Satu, Hashim pernah terbuang air besar dalam kelas. Kakaknya Eshah telah dipanggil untuk membersihkannya. Ketika itu Eshah terasa sangat malu, tetapi kerana adik terpaksalah ditahan juga perasaan tersebut. Selepas kejadian tersebut, Hashim pula diejek oleh kawan-kawannya "Hashim berak dalam kelas".

Apabila Eshah dipaksa oleh bapanya supaya berhenti sekolah setelah tamat Darjah Enam, Hashim terasa benar kehilangan tempat untuk bergantung ketika di sekolah. Kehilangan itu lebih dirasai setelah Eshah mendirikan rumah tangga dan Hashim pula bersekolah di Kuala Kerai. Walau pun sedih Hashim terpaksa menerima hakikat tersebut lama-kelamaan. Walau bagaimana pun hubungan baik mereka tetap kekal sehingga mereka dewasa.

Keakraban hubungan kedua beradik inilah yang menyebabkan Hashim terlalu menyayangi kakaknya. Walau bagaimana pun Hashim akui bahawa beliau tidak terlepas dari menyakiti hati kakaknya kerana sifatnya yang pemarah dan berhati panas. Sebagai kakak yang lebih tua, Eshah pernah menangis kerana tidak tahan dengan kata-kata pedas adiknya. Namun kakak yang bersifat lemah lembut ini faham benar tentang perangai adiknya yang berhati baik dan berjiwa bersih. Jadi dia tidak pernah ambil hati.

Hashim memang selalu bersifat begitu terhadap orang-orang yang rapat dengannya dan dikasihinya. Sifat pemarahnya bukan sahaja ketara ke atas kakak dan isterinya tetapi juga kadangkala terhadap ibunya. Hashim selalu rasa bersalah diatas kekasarannya tetapi beliau tidak dapat membendung sifat semulajadinya itu. Walau bagaimana pun setelah usia semakin meningkat beliau dapat mengawal perasaan dengan lebih baik.



Eshah binti Yaacob, kakak sulung yang sangat rapat dengan Hashim

INGATAN SAYANG

Sajak tulisannya berjudul "Kakak Yang Sudah Selesa" yang terdapat dalam antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelur* telah ditujukan khas untuk kakaknya Eshah. Sajak tersebut telah mula ditulis pada tahun 1968, walaupun ketika itu masih menuntut dalam Tingkatan Enam di Institut Teknologi MARA Shah Alam. Tulisan asal sajak tersebut masih disimpan dengan baik sehingga ke hari ini.

Pada tahun 1993 Hashim telah melengkapkan tulisan sajak tersebut untuk dimuatkan dalam antologi sajaknya yang pertama diterbitkan. Sedutan menarik yang terdapat dalam sajak tersebut berbunyi:-

*Suatu hari dimenara gading
aku terkenangkan kakak
yang tidak terwarna hari depan
lantaran tidak berpelajaran.

Aku pun tukik
dengan kalam pada kertas
kata-kata lipur
yang hingga kini rapi tersimpan
dengan ingatan sayang:*

Sajak tersebut menggambarkan tentang kesedihan Hashim di atas kesusahan hidup yang dilalui oleh kakaknya. Ketika kecil Eshah seorang pelajar yang sangat pintar. Guru-guru di sekolah sangat sayang kepadanya. Walau bagaimana pun Eshah telah dipaksa supaya berhenti sekolah kerana ketika itu Pak Teh Akob percaya bahawa anak perempuan tidak harus diberi didikan yang terlalu tinggi.

Guru Eshah pernah datang ke rumah Pak Teh Akob dan memujuknya supaya menyambungkan persekolahan Eshah, tetapi Pak Teh Akob tetap berkeras dengan keputusannya. Eshah terpaksa akur dengan keputusan bapanya walaupun hatinya sendiri berat.

ANAK-ANAK YANG CEMERLANG

Eshah telah berkahwin dengan Wan Ibrahim bin Wan Yusof, yang bertugas sebagai seorang guru sekolah rendah pada tahun 1961. Walaupun

Eshah tidak berpeluang untuk belajar ke peringkat tinggi seperti Hashim, dia telah berusaha mendidik anak-anaknya supaya mendapat pendidikan ke tahap yang tinggi. Tiga orang anaknya telah berjaya mendapat pendidikan ke peringkat universiti dan sudah pun bekerja. Anak sulungnya ialah seorang jurutera, yang kedua seorang pakar komputer, ketiga seorang doktor perubatan dan keempat seorang jururawat. Dua orang lagi anak mereka masih bersekolah.

Kesenangan yang diperoleh oleh kakaknya itu turut dirasai oleh Hashim seperti digambarkan dalam sajaknya, "Kakak Yang Sudah Selesa":-

*Aku pun tunjang gembira
melihat gerimus hidupmu
kini sudah beredarganti
dengan sinar mentari pagi*

SEDIH

Wan Norlida binti Ibrahim ialah anak ketiga Eshah dengan Cikgu Wan Ibrahim. Wan Norlida pernah menuntut di Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Hashim amat berharap agar anak saudaranya ini berjaya dalam pelajarannya dan seterusnya dapat menjadi seorang doktor perubatan. Malangnya Wan Norlida tidak lulus ketika dalam tahun akhir pengajiannya dan dia tetapi diberhentikan daripada berkursus di universiti tersebut.

Eshah sangat bersedih apabila mendapat tahu anaknya tidak lulus lalu segera menelefon Hashim. Dengan tangisan yang tidak berhenti-henti Eshah telah menceritakan tentang anaknya itu. Hashim sungguh terkejut mendapat tahu perkara tersebut kerana anak saudaranya sendiri tidak membeberitahuinya. Hashim segera pulang ke rumah kakaknya di Kampung Wakar Berangan di Pasir Putih setelah mendapat berita tersebut.

AIR MATA MENGALIR

Ketika dalam perjalanan ke rumah kakaknya beliau tidak dapat menahan sebak di dada memikirkan nasib anak saudaranya. Beliau mahu anak saudaranya itu berusaha mengulang, tetapi beliau rasa sangsi kerana Wan

Norlida, ketika itu sudah melahirkan anak sulungnya Hashim kluang katau katau Wan Norlida tidak mahu mengulang pelajarannya.

Ketika dalam perjalanan tersebut, iaitu dalam teks beliau sempat melalui Hospital Kubang Kerian. Ketika itu tidak disedarmya air matanya mengalir. Beliau terasa sangat hampa kerana sangat berharap anak saudaranya dapat menjadi doktor di hospital itu. Kesedihan yang dirasai oleh Hashim ini telah diabadikan dalam sajaknya "Piu Di Hospital Kubang Kerian" (Binc Norni). Air mata ayahsu me di Kubang Kerian mengadi saksi' yang terdapat dalam antologi *Arc Manik Astigma*. Sedutan sanak tersebut berhunyi:

*Metewati Hospital Kubang Kerian:
piu mataku menyesal hatiini.
duku hatiku mengharti rasa.
kelu hatuku mengeceri suda...*

Sebaik sampai ke rumah kakaknya, Hashim segera berjumrah ibu saudaranya dan memuunku supaya mengulang. Hashim berjaya meminum anak saudaranya dan seterusnya memuunkan cara membuat perniptionan untuk mengulang. Atas nasihat bapa saudaranya Wan Norlida bersetuju untuk mengulang dan kini dia sudah menjadi seorang doktor setelah tamat belajar pada buatan Msi. 1994 dan sedang berkhidmat di Hospital Kubang Kerian sebagaimana yang dikehendaki oleh Hashim.

ADIK TANPA NAMA

Semasa Hashim berusia lebih kurang lima tahun, ibunya telah merantarkan seorang anak lelaki. Hashim sangat gembira sehinggakan sanggup melakukan apa sahaja yang disuruh oleh ibunya ketsaka itu. Tiap-tiap malam beliau tidur bersama ibunya di atas pangkink buloh kerana mahu berada dekat dengan adiknya yang baru lahir itu. Adiknya tu hanya mempunyai empat jari di tangan kanannya. Pak Teh Akob pernah memberitahu Hashim bahawa orang yang dilahirkan begini akan menjadi pemimpin besar apabila dewasa.

Malangnya anak yang dikasih oleh semua ahli keluarga Hashim itu tidak sempat hidup lama. Tuhan lebih menyayanginya. Seminggu selepas dilahirkan, anak yang masih belum bernama itu telah menghembuskan nafasnya yang terakhir. Mak Teh Minah telah memberitahu Hashim bahawa adiknya itu meninggal dunia kerana demam panas.

Walau pun telah lama meninggal dunia, ingatan Hashim terhadap adiknya itu masih kekal, tetapi beliau tidak dapat mengingati wajahnya kerana ketika itu Hashim masih kecil. Hashim juga pernah cuba membayangkan rupa adiknya yang berusia empat puluh tahun itu sekiranya masih hidup. Di fikirannya sentiasa tumbul persoalan: mirip siapa agaknya rupa dan perangai adiknya itu? Berjayakah hidupnya menjadi pemimpin besar seperti yang diramalkan oleh bapanya? Yang pastinya ialah Hashim yakin beliau menyayangi adiknya itu sama seperti beliau menyayangi kakak dan adik-adiknya yang lain.

Pada Hari Raya Aidil-Fitri 1996 yang lalu, Hashim sekeluarga telah menziarah pusara arwah adiknya itu di Kampung Cherang Kali Tanah Merah, Kelantan. Hati Hashim begitu sayu apabila terkenangkan adiknya yang tidak bernama itu. Ketika masih berada di tanah perkuburan pada hari itu Hashim telah membuat keputusan untuk menamakkannya Abdullah. Semoga Allah cucuri rahmat ke atas roh Abdullah bin Yaacob.

JAUH DI PERANTAUAN

Saleha ialah adik Hashim yang keempat. Tidak seperti Hashim dan Eshah, Saleha seorang yang lemah lembut dan tidak pemarah. Kulitnya gelap seperti bapa mereka. Saleha telah belajar sehingga ke Tingkatan Enam. Ketika belajar dalam Tingkatan Enam pada tahun 1981 dan 1982, Saleha tinggal bersama Hashim sekeluarga di Kuala Lumpur. Setelah tamat belajar, Saleha telah bekerja di sebuah bank di Kuala Lumpur dan tinggal bersama kawan-kawan di sebuah flat di Kampung Baru.

Ketika bekerja di bank tersebut, Saleha telah bertemu dan bercinta dengan Che Abdullah Nawi, seorang pegawai bank yang bertugas di tempat yang sama. Mereka telah mendirikan rumah tangga pada tahun 1986. Sebaik sahaja mendirikan rumah tangga, mereka telah berlepas ke Amerika kerana Che Abdullah Nawi melanjutkan pelajaran peringkat sarjana dalam bidang akaun. sementara Saleha terpaksa berhenti kerja dan menjadi suri-rumah sepanjang masa. Pada masa ini mereka sudah mempunyai tiga orang cahaya mata.

Semenjak pergi ke Amerika pada tahun 1986 sehingga ke hari ini, Saleha tidak pernah pulang ke tanah air. Hashim dan keluarganya sangat

merindui Saleha yang sedang berada jauh di perantauan. Hashim tahu adiknya itu mempunyai seorang suami yang baik, penyayang dan telah memimpin rumah tangga mereka dengan anuan dan damai, tetapi beliau sekeluarga sangat berharap agar Saleha dapat pulang menemui keluarga di tanah air. Kesedihan dan kerinduan Hashim terhadap adiknya itu telah diceritakan dalam sajaknya "Pulanglah Saleha" yang terdapat dalam antologi sajak *Air Manik Astagina*. Sedutan sajak tersebut ialah:-

*Kami di kampung
sudah lama merinduimu.
Pulanglah Saleha
sudah lama kami menunggu.*



Saleha, adik Hashim yang sedang berada jauh di perantauan.

ADIK KEMBAR

Hashim juga mempunyai dua orang adik lelaki kembar yang tidak seiras dan juga berlainan watak. Mereka ialah Zulkifli dan Sazali. Kedua adik-beradik ini telah dilahirkan pada 1hb Januari 1964. Ketika ini Hashim sedang belajar dalam Form Two (Tingkatan Dua).



Ibu bapa Hashim bergambar bersama Sazali dan Zulkifli pada tahun 1971

Sebelum kedua beradik ini dilahirkan tidak ada sestäpa yang mengetahui bahawa Mak Teh Minah mengandungkan anak kembar. Sazali lahir pada waktu pagi dan telah disambut oleh seorang bidan kampung. Selepas melahirkan Sazali, Mak Teh Minah masih dalam kesakitan yang sangat teruk. Bidan hospital yang datang kemudiannya telah menyambut Zulkifli yang telah lahir tujuh jam kemudian.

Ketika hendak melahirkan Zulkifli, Hashim dapat merasakan kesakitan yang dirasai apabila mendengar ibunya menangis dan memanggil nenek Hashim kerana kesakitan yang tidak dapat ditahaninya. Pak Teh Akob tersentak apabila mengetahui bahawa isterinya melahirkan anak kembar. Mak Teh Minah pula telah menceritakan kepada semua yang ada di rumah pada hari itu bahawa dia rasa scotah-olah hendak putus nyawa kerana hendak melahirkan kedua beradik kembar itu.

Ketika kedua beradik ini kecil, Mak Teh Minah tidak cukup susu untuk menyusukan keduanya. Jadi dia terpaksa membeli susu tin yang ketika itu sangat mahal bagi sebuah keluarga petani miskin sepertinya. Namun Pak Teh Akob tetap mengusahakan supaya kedua beradik ini tidak dibuang kelaparan.

Setelah besar, kedua-dua beradik ini hebat dalam sukan. Sazali juga bermain bola sepak dan sepaktakraw, sementara Zulkifli pula dalam permainan bola sepak dan acara sukan merentas desa. Sazali mendapat pendidikan setakat Tingkatan Lima, dan kemudiannya telah melanjutkan pelajaran ke Politeknik Ungku Omar di Ipoh Perak. Zulkifli pula mendapat pendidikan sehingga Tingkatan Enam. Seperti Saleha, kedua-duanya juga pernah tinggal bersama Hashim di Kuala Lumpur.

Sazali kini tinggal di Terengganu, Pahang bersama isterinya Mahanom yang berasal dari Muar Johor dan anak perempuan mereka. Dia bertugas sebagai seorang *senior executive* di sebuah kilang, sementara isterinya pula sebagai *personal executive* di kilang yang sama.



Sazali bersama isteri dan anak.

Zulkifli pula telah berkahwin dengan Norhayati, anak bapa saudara sepupu Hashim yang dikenali sebagai Pak Sar, yang tinggal berdekatan dengan rumah Pak Teh Akob. Mereka mempunyai empat orang anak. Salah seorang dari anak mereka tinggal bersama Pak Teh Akob yang telah menjaganya sejak kecil. Zulkifli yang bertugas sebagai pembantu pengurus sebuah kedai, tinggal bersama keluarganya di Ulu Tersat Kuala Brang, Trengganu.

Hashim sangat menyayangi kedua-dua orang adiknya itu. Kasih sayangnya itu telah diabadikan dalam sajaknya "Demi Masa" yang terdapat dalam antologi sajak *Air Manik Astagina*. Diantara kata-kata beliau dalam sajak tersebut ialah:-

Kau kini adikku, sudah 30 pada usia.

Sudah timang cahaya mata:

kau abangnya, sudah bertiga

adikmu, satu saja.

Hashim rasa sangat terkilan kerana kedua-dua orang adik kembaranya itu tidak dapat meneruskan pengajian ke peringkat universiti, walau pun ibubapa dan beliau sendiri sudah berusaha membantu mereka dalam pelajaran. Sehingga ke hari ini, beliau masih berperasaan begitu. Namun beliau tetap berharap agar kedua-dua orang adiknya itu dapat berusaha meningkatkan kejayaan dalam kerjaya mereka, walau pun mereka tidak berkelulusan tinggi sepertiinya.



Zulkifli bersama isteri dan anak-anak mereka.

NENEK YANG MANJA

Sajaknya "Mengingati Wo" ditujukan khas untuk neneknya yang sudah kembali ke rahmatullah. Sajak ini terdapat dalam antologi *Air Manik Astagina*. Antara kata-kata yang tersusun dalam sajak tersebut ialah:-

*Masih kuingat lagi, Wo
di rumah burukmu itulah kau
menggilis sambal kecupu kepala ikan kering
membuat tepung daun nilir
memasak tepung bungkus inti nyiur
menggontel buah gomok
setiap hari
dari malam hingga pagi
untuk jualan di kedai kopi.*



Nenek Hashim yang manja dengannya.

Keistimewaan sajak dalam antologi tersebut ialah gambar neneknya yang disertakan bersama. Dalam gambar tersebut, neneknya sedang menggobek sirih. Terdapat juga sebuah cekati yang terletak bersebelahan dengan tepak sirih di gambar itu. Gobek dan cekati itu masih disimpan dengan cermat oleh Hashim sebagai mengingati Wo yang sangat dikasihinya.

Neneknya meninggal dunia ketika Hashim sudah menjadi seorang doktor. Ketika hayatnya, Wo sangat manja dengan Hashim. Setiap kali Hashim balik kampung dia akan meminta Hashim belikan macam-macam makanan untuknya. Neneh tersebut juga mengambil kesempatan untuk bermanja dengan cucunya setiap kali beliau balik ke kampung.

PUKUL EMPAT PAGI

Hashim bukan sahaja menjadi tempat mengadu dan bergantung harapan bagi keluarganya, tetapi juga bagi semua orang Kampung Batu Hitam yang kebanyakannya terdiri dari saudara-maranya sendiri. Setiap kali Hashim balik ke kampung, orang-orang kampung akan datang beramai-ramai ke rumah bapanya untuk berjumpa dengan Hashim. Ketika itu mereka mengambil peluang untuk mengadu tentang berbagai masalah. Ketika milah Hashim merasakan beliau perlu mengambil berat tentang semua yang datang kerana mereka bergantung harapan kepadanya.

Hashim sentiasa mengambil peluang berbual dengan orang kampungnya setiap kali balik kampung. Kadang-kadang beliau berbual dengan rakan-rakan dan orang kampungnya sehingga pukul empat pagi dan menimbulkan kerisauan kepada Pak Teh Akob. Pak Teh Akob khawatir kalau orang kampung rasa jemu melayan Hashim bercakap. Walau bagaimana pun tidak sedikit pun rungutan keluar dari mulut orang kampung. Sebaliknya mereka gembira kerana dapat peluang berbual dengan Hashim yang suka membantu mereka.

Sifat Hashim yang suka berbual ini sangat berlaiman dengan waktu kecilnya yang pendiam, tidak suka bergaul dengan orang ramai dan suka bersendirian di pondok-pondok usang. Ini disebabkan ketika kecil Hashim merasakan perlu menumpukan perhatian pada pelajaran tanpa gangguan. Setelah peroleh kejayaan yang diingini, Hashim rasa itulah masa beliau mahu berbakti kepada masyarakat.

KAIN SEMUTAR

Ketika kecil, Hashim tidak berpeluang berjalan-jalan dari permainan dengan bebas bersama teman-teman dan orang kampungnya. Pak Teh Akob sentiasa mengawal tingkah-lakunya dengan ketat. Kini setelah Hashim dewasa, keinginan untuk buat demikian tumbul di hatinya. Setiap kali apabila balik kampung, Hashim akan berjalan-jalan atau berbasikal ke sekeliling kampung untuk menziarah saudara-mara dan sahabat-handai. Ketika berbasikal atau berjalan kaki, Hashim suka memakai kain semutari (kain lilit kepala).

JERING KERING

Semasa kecil, Hashim sangat berhati-hati apabila berbelanja. Beliau tidak suka berbelanja boros dan wang yang diberi oleh ibubapanya disimpan dengan cermat. Tetapi pada masa ini berlainan pula sitatnya. Beliau suka membelanjakan wangnya untuk orang-orang kampung. Setiap kali berjumpa dengan saudara-maranya beliau pasti menghulurkan wang kepada mereka.

Hashim juga mudah rasa simpati terhadap orang-orang kampung yang sering dijumpai di sekitar kampung. Misalnya apabila beliau terjumpa orang tua yang menjual jering yang sudah kering atau petoi yang sudah layu pun, beliau membeli juga kerana simpati dengan orang tua yang memua itu. Serengkah pula apabila beliau membeli sesuatu daripada mereka, beliau tidak mengambil wang baki.

CACAT BIBIR

Sifat Hashim ini diakur juga oleh bapa saudara sepupunya, Jaafar bin Mamat. Menurut Jaafar, yang lebih dikenali dengan panggilan Pak Sar, Hashim selalu memberi wang kepada saudara maranya setiap kali balik kampung. Hashim mudah rasa simpati terhadap kesusahan orang lain. Apabila melihat kanak-kanak sakit, beliau akan pergi berjumpa dengan ibubapa kanak-kanak tersebut dan memujuk mereka supaya membenarkannya cuba membantu.

Hashim sering mendekati orang-orang yang cacat bibir (bibir rekah atau sumbing) dan menawarkan mereka rawatan percuma di Universiti

Malaya. Ini dilakukan atas rasa simpati melihat keadaan orang yang terbiasa begitu tanpa mendapat kesempatan menerima rawatan. Dikalangan mereka yang ditemui Hashim, ada yang menerima tawarannya dan ada juga yang menolak. Walau pun Hashim tidak berjaya memujuk sesetengah dari mereka itu, beliau tetap senang hati kerana sekurang-kurangnya telah dapat menunjukkan jalan ke arah mendapatkan rawatan.

Menurut Pak Sar, Hashim selalu menggalakkan budak-budak kampungnya supaya belajar rajin-rajin dan dia memang mahu memberi peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Sekiranya ada di kalangan anak buahnya yang mempunyai kelulusan yang baik, Hashim akan berusaha untuk membantu mereka supaya berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Dengan ini kejayaan Hashim bukan sahaja membawa rahmat kepada semua ahli keluarganya, tetapi juga kepada semua orang Kampung Batu Hitam, lebih-lebih lagi kepada mereka yang mahu berusaha sepertinya untuk mengubah nasib hidup.

BAB LIMA

FAKULTI TERUNGGUL DI MALAYSIA

FAKULTI Pergigian Universiti Malaya telah ditubuhkan pada lewat tahun 1971. Ketika mula ditubuhkan, Dr. Ibrahim bin Haji Mohd Yassin telah dilantik menjadi dekannya yang pertama yang diamanahkan untuk membina kerja-kerja perancangan penubuhan fakulti yang terunggul di Malaysia ini. Ketika kerja-kerja perancangan sedang dijalankan, kumpulan pertama pelajar-pelajarnya yang seramai tiga puluh dua (32) orang telah diambil pada bulan Mei 1972. Walaupun baru ditubuhkan, peralatan fizikal yang sedia ada sudah boleh memenuhi keperluan pentadbiran dan pembelajaran untuk pelajar-pelajar yang baru diambil itu.

Kerja-kerja pembinaan untuk fakulti yang baru ditubuhkan itu mula dijalankan pada bulan Februari 1973. Upacara perletakan batu asas yang diadakan pada bulan November 1973 telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu, iaitu Dato Hussein Onn. Pada bulan Julai 1975, bangunan dan peralatan fakulti tersebut siap sepenuhnya. Pada masa yang sama, kumpulan pelajar seramai tiga puluh orang yang pertama diambil itu sudah masuk ke dalam pengajian tahun ketiga. Mereka sudah mula menjalankan latihan klinikal ke atas pesakit-pesakit dengan pengawasan pensyarah-pensyarah yang terlatih.

Fakulti Pergigian Universiti Malaya dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, iaitu Tun Haji Abdul Razak bin Dato Hussein. Kumpulan pelajar yang pertama diambil itu bergraduat dengan ijazah Bachelor in Dental Surgery pada bulan June 1976. Semenjak tahun 1982, pengambilan pelajar tahun pertama fakulti tersebut meningkat kepada enam puluh empat (64) orang. Untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar tersebut, bangunan tambahan telah dibina dan siap pada tahun 1982 juga.

Fakulti Pergigian Universiti Malaya ditubuhkan untuk melatih pelajar-pelajar tempatan untuk menjadi doktor pergigian. Setelah bergraduat mereka perlu berkhidmat untuk negara dan masyarakat. Dari peringkat awal lagi pelajar-pelajar tersebut telah dilatih untuk melayan pesakit-pesakit mereka sebagai orang yang mempunyai hak dalam masyarakat, yang memerlukan perkhidmatan mereka untuk kesihatan diri, bukan sebagai "bahan kajian kes".

PROFESOR MUDA

Ketika Hashim mula berkhidmat di Fakulti Pergigian Universiti Malaya pada tahun 1975, fakulti tersebut mempunyai sembilan belas orang pensyarah. Sekarang setelah lebih dua puluh tahun fakulti ini ditubuhkan, sudah ada lebih kurang tujuh puluh orang pensyarah di fakulti tersebut.

Pada tahun 1978 Hashim telah berpeluang melanjutkan pelajaran pada peringkat sarjana dalam bidang patologi dan perubatan mulut di University of London, United Kingdom di bawah skim latihan kakitangan akademik Universiti Malaya. Kemudian beliau telah memperoleh fellowship dalam bidang kepakaran pergigian dari Royal College of Surgeons di United Kingdom.

Hashim pulang ke tanah air pada Januari 1980 dan menyambung perkhidmatannya di Universiti Malaya. Tidak lama selepas pulang ke tanah air, Hashim telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Patologi dan Perubatan Mulut pada 16.6.80. Beliau terus memegang jawatan tersebut sehingga 1983. Beliau telah dilantik sebagai Profesor Madya pada 1hb Julai 1982 dan dilantik sebagai profesor pada tahun 1987. Ketika itu beliau hanya berusia tiga puluh tujuh tahun dan usia itu dianggap masih muda untuk jawatan yang sangat berprestij itu.

Sebagai seorang Profesor, Hashim mahir dalam bidang Patologi dan Perubatan Mulut. Selama lebih dua puluh tahun berkhidmat di Fakulti Pergigian Universiti Malaya, Hashim telah membuat banyak penyelidikan saintifik khususnya dalam bidang Patologi dan Perubatan Mulut. Beliau telah berjaya menghasilkan puluhan buah artikel dalam jurnal berbentuk akademik dan profesional yang diterbitkan di dalam dan di luar negara. Selain itu beliau juga aktif membentangkan kertas-kerja sama ada secara bersendirian atau usahasama dalam seminar dan konferensi di dalam dan di luar negara.

DEKAN

Sebagai dekan di Fakulti Pergigian Universiti Malaya, Hashim mempunyai beberapa wawasan untuk menaikkan nama fakulti tersebut. Beliau mahu menjadikan fakulti tersebut sebagai pusat kecemerlangan dan pengembangan ilmu untuk seluruh rantau Asia, di mana cerdik pandai dalam ilmu

pergigian berkumpul dan bertukar-tukar pendapat. Untuk tujuan tersebut, berbagai konferensi peringkat antarabangsa dalam bidang *Lasers, implantology*, pergigian forensik dan lain-lain telah diadakan. Dengan adanya konferensi seperti itu, Fakulti Pergigian Universiti Malaya menjadi pusat penyuarahan ilmu.

Untuk mencapai tujuan yang sama juga, Fakulti Pergigian Universiti Malaya telah mengadakan kerjasama dengan universiti-universiti yang malu di dunia seperti di Tokyo, Australia, Britain, Amerika, New Zealand dan Indonesia dalam bidang penyelidikan, pengajaran, penerbitan dan perkhidmatan profesional.

Fakulti ini juga telah diiktirafkan oleh Britain sebagai sebuah hospital yang mampu melatih doktor-doktor pergigian melawakkan diri untuk mengambil peperiksaan *Fellowship in Dentistry* di Britain. Selain universiti di Singapura, fakulti ini ialah satu-satunya di Asia Tenggara yang diberi pengiktirafan seperti itu.

Pada masa ini, Fakulti Pergigian Universiti Malaya sedang dalam perancangan untuk menubuhkan sebuah hospital pergigian swasta kepujian Universiti Malaya. Dengan tertubuhnya hospital tersebut adalah menjadi harapan Fakulti Pergigian untuk memberi rawatan pakar kepada pesakit-pesakit yang datang dari seluruh rantau Asia.

Sebagai Dekan juga, Hashim berharap agar pelajar-pelajar lulusan fakulti ini dapat diberi peluang meningkatkan kelulusan mereka ke peringkat ijazah yang lebih tinggi seperti ijazah sarjana dan doktorat (Ph.D). Perkara ini sedang diusahakan.

Sebagai ketua di fakulti ini, Hashim berharap agar beliau dapat menjaga kebijakan semua kakitangan dan pelajar, dan memastikan mereka boleh bekerja dan belajar dalam suasana yang aman dan harmoni. Hashim mahu kakitangan yang bekerja di bawahnya gembira dengan tugas yang diajarkan. Selain itu beliau mahu pelajar-pelajarnya diberi peluang berinteraksi sesama mereka dan juga pensyarah-pensyarah mereka dengan baik.

TEGAS DAN BERDISIPLIN

Sebagai seorang pensyarah, Hashim sentiasa berusaha gigih untuk memastikan pelajar-pelajarnya lulus dengan baik. Beberapa orang bekas pelajarnya mengakui akan keprihatinan beliau terhadap prestasi pelajaran semua pelajar-pelajarnya yang terdiri daripada berbagai bangsa.

Dr.Mohd Ariffin bin Mar Seman yang bertugas di sebuah klinik swasta di Pasir Mas Kelantan pula ialah bekas pelajar Hashim yang bergraduat pada tahun 1989. Katanya cara syarahan Hashim pendek tetapi padat. Hashim selalu memberi nasihat kepada pelajarnya terutama jika ada yang ponteng kelas. Hashim seringkali memanggil pelajar-pelajar berketauan berjumpanya dan menasihatkan mereka.

Menurut Dr. Mohd Ariffin lagi, Hashim sangat menitik-beratkan soal disiplin dalam kelas. Pada minggu pertama kubah bermula, Hashim sentiasa pastikan semua pelajarnya datang menepati masa. Sesiapa yang lewat, walaupun lima minit, akan dihalau keluar. Semasa sedang mengajar pula, Hashim sentiasa memastikan semua pelajarnya menumpukan perhatian. Sekiranya ada dikalangan pelajarnya yang tidak memberi perhatian ketika beliau sedang mengajar, beliau akan menyatakan pelajar tersebut berkali-kali di dalam kelas. Dengan disiplin yang begitu pelajar yang belajar dengan Hashim cukup menghormatiinya.

Walaupun bagaimana pun Dr. Mohd Ariffin menegaskan bahawa sungguh pun Hashim seorang yang tegas, beliau tidak terlalu lokek dengan markah. Hashim sentiasa memastika pelajar-pelajarnya tidak terkandas. Sekiranya ada pelajar yang perlu mendapat perhatian lebih atau kurang memahami pengajarannya, beliau memanggil pelajar tersebut berjumpa dengannya.

RAJIN MENULIS

Dr. Abdul Laziz bin Jaiil yang bertugas di sebuah klinik kerajaan di daerah Jerantut Pahang ialah juga bekas pelajar Hashim. Abdul Laziz pernah belajar dengan Hashim selama setahun taitu pada tahun 1987. Menurutnya, Hashim ialah seorang pensyarah yang aktif kerana rajin menulis dan membuat penyelidikan.

Dr. Abdul Laziz juga mendapati pengajaran Hashim sungguh berkesan kerana cara petcakapannya menarik minat pelajar untuk mendengar. Hashim banyak menggunakan slaid ketika mengajar. Hashim suka berhincang cara bersemuka dengan pelajarnya. Beliau menggalakkan pelajarnya datang berjumpa dengannya. Sekiranya ada pelajarnya yang datang bertanya tentang sesuatu perkara, Hashim akan memberi penerangan sehingga pelajarnya benar-benar tahan.

Seperti juga Dr. Mohd Ariffin, Dr. Abdul Laziz juga bersetuju bahawa Hashim sangat tegas dengan pelajar-pelajarnya. Semasa Hashim sedang memberi syarahannya dalam bilik kuliah, beliau tidak suka pelajar-pelajarnya buat bising atau main-main.

Dr. Abd. Rahim bin Ahmad yang juga bertugas di klinik kerajaan di daerah Jerantut Pahang salah bekas pelajar Hashim yang bergraduat pada tahun 1993. Menurutnya, Hashim sentiasa bersedia dengan peralatan mengajar yang lengkap sebelum masuk ke bilik kuliah. Cara interaksinya dengan pelajar sangat baik dan berkesan. Ketika menuntut dalam tahun akhir, Dr. Abd Rahim berada di bawah pengawasan Hashim.

POST-MORTEM

Hashim sentiasa mencari jalan supaya matlamat dan wawasannya tercapai. Sebagai Dekan di Fakulti Pergigian, Hashim berkuasa menentukan beberapa kaedah untuk membaki prestasi pelajar-pelajar di fakulti itu. Salah satu cara yang beliau telah jalankan untuk memastikan semua pelajarnya mengambil berat tentang pelajaran dan lulus dalam peperiksaan ialah membuat post-mortem setiap kali selepas keputusan peperiksaan diperoleh. Ramai pelajar memperoleh manfaat dari post-mortem ini. Walau bagaimana pun ada juga pihak tertentu yang kurang senang dengan apa yang dilakukan oleh Hashim ini dan menjadikannya sebagai alasan untuk memburukkannya ketika beliau sedang dilanda masalah.

Ketika post-mortem tersebut dijalankan semua pelajar dan pensyarah di Fakulti Pergigian berkumpul dalam sebuah dewan. Kemudian pelajar-pelajar yang tidak lulus dipanggil ke hadapan dan dikehendaki memberi penjelasan tentang mengapa mereka tidak lulus. Pada masa ini pelajar-pelajar yang tidak mengambil berat tentang pelajaran sudah tentu merasa malu kerana tidak

dapat memberi penjelasan yang memuaskan hati. Tetapi bagi pelajar yang benar-benar menghadapi masalah walaupun telah berusaha kuat sudah pasti mendapat manfaat kerana mereka dapat mengenalpasti kelemahan mereka dan meminta pandangan dari pensyarah-pensyarah yang semuanya ada ketika itu.

Dengan adanya post-mortem ini pelajar-pelajar di Fakulti Pergigian berusaha belajar dengan lebih tekun kerana takut dan malu dipanggil ke hadapan khalayak ramai untuk memberi penjelasan. Ini adalah satu cara Hashim menanamkan rasa keinsafan di hati pelajar-pelajarnya tentang pentingnya pelajaran. Pelajar-pelajar yang kurang bermotivasi untuk belajar juga memperoleh manfaat dari post-mortem ini.

Dr. Wong Chye Phene yang bertugas di sebuah klinik swasta di Kota Bharu Kelantan ialah bekas pelajar Hashim yang telah bergraduat pada tahun 1990. Beliau sempat belajar dari Hashim selama tiga tahun. Dr. Wong Chye Phene amat amat menghargai kaedah post-mortem ini kerana beliau dapat mengenalpasti dan memperbaiki kelemahannya. Menurut Dr. Wong lagi, semasa post-mortem dijalankan, Hashim selalu memberi nasihat dan gafakan kepada semua pelajarnya tidak mengira bangsa. Nasihat dan galakan itu amat berkesan dan benar-benar menaikkan semangat pelajar-pelajarnya.

KERUSI KOSONG

Sebagai seorang anak Melayu bersemangat juang yang kuat Hashim sentiasa memastikan pelajar-pelajar yang berbangsa Melayu berusaha lebih kuat untuk menaikkan taraf hidup. Belau rasa kesal dengan sikap sesetengah pelajar sebangsa dengannya yang tidak mengambil berat tentang pelajaran. Kekesalannya itu diceritakan dalam sajaknya "Kerusi Kosong Siapa Punya" yang terdapat dalam antologi *Air Manik Astagima*:

*Dari sudut kedut mata tuu
tujuh murid tiada.
Dihisab dihitung, nyata
kerusi kosong milik siapa:
yang pertama Melayu yang punya
yang kedua Melayu yang punya
yang ketiga Melayu yang punya
yang keempat Melayu yang punya*

*yang kelima Melayu yang punya
yang keenam Melayu yang punya
yang ketujuh Melayu yang punya*

Hashim sentiasa mahu memastikan semua pelajar Melayu lulus dan berjaya menjadi doktor. Dengan itu beliau sentiasa berusaha membantu mereka yang memerlukan bantuan. Beliau pernah membawa seorang pelajar yang ada masalah keluarga tinggal bersamanya dan cuba memberi semangat kepada pelajar tersebut supaya tidak putus asa dalam pelajaran.

Hashim pernah membantu seorang pelajar yang telah dibuang kerana tidak lulus dalam pengajian tahun akhir. Ketika itu Hashim tidak berkuasa untuk membantunya kerana beliau tidak memegang jawatan dekan. Tetapi sebagai seorang profesor beliau masih menjadi anggota senat. Jadi dengan kedudukan tersebut beliau telah berusaha membantu pelajar yang telah diberhentikan itu.

Hashim telah pergi berjumpa ibubapa pelajar berkenaan dan menunjukkan jalan kepada mereka supaya beruktiar membantu anak mereka supaya mengulang pengajian. Hashim berjaya memujuk keluarganya. Dengan dapat mengulang pengajian, Hashim juga kes pelajar berkenaan telah berjaya dibawa ke pertolongan Hashim juga. kes pelajar berkenaan telah sebulat suara menerimati di Dewan Senat dan persidangan tersebut telah sebulat suara menerima supaya mengulang pengajiannya yang hanya tinggal setahun sahaja lagi. Sekarang pelajar tersebut sudah menjadi seorang doktor yang bertugas di Kelantan.

Sebenarnya kebanyakan pelajar-pelajar seperti ini bukan tidak ada potensi untuk lulus, tetapi mereka seringkali menghadapi masalah peribadi yang menggugat ketenangan mereka. Sekiranya pelajar-pelajar ini diberi peluang, sudah tentu lebih ramai anak-anak Melayu yang berasal dari keluarga yang susah dapat menjadi doktor.

PRINSIP HIDUP

Walau pun bersemangat juang yang kuat terhadap kemajuan bangsa-nya, Hashim tetap berlaku adil terhadap semua pelajar lain, tanpa mengira bangsa dan keturunan. Beliau tidak pernah menunjukkan sikap pilih kasih.

jauh sekali bersikap tidak adil. "Inilah sikap seorang pemimpin yang patut dicontohi, dan saya benar-benar kagum dengan prinsip hidupnya", kata Dr. Ngor Kian Cheang, bekas pelajar Hashim yang bergraduat pada tahun 1991 dan kini sedang bertugas di klinik swasta di Klang dan Banting Selangor.

Ngor Kian Cheang berasal dari sebuah keluarga yang miskin. Setelah bapanya meninggal dunia, ibunya terpaksa bekerja untuk menanggung perbelanjaan hidup mereka sekeluarga. Ngor Kian Cheang bercita-cita untuk menjadi seorang doktor gigi. Setelah membuat permohonan kepada Fakulti Pergigian Universiti Malaya, Ngor Kian Cheang telah menulis surat kepada Hashim, yang ketika itu menjadi Dekan Fakulti Pergigian, dan mencentarkan tentang kesusahan keluarganya, serta harapan dan cita-citanya untuk menjadi doktor supaya dapat membantu keluarga dan berbakti kepada masyarakat.

Apabila Hashim menerima surat Ngor Kian Cheang, beliau rasa terharu mengenangkan pelajar ini berasal dari sebuah keluarga yang miskin seperti juga. Tanpa memberitahu Ngor Kian Cheang terlebih dahulu, beliau telah pergi ke rumahnya untuk menyiasat kedudukan yang sebenar. Setelah sampai ke rumah Ngor Kian Cheang, yakinlah Hashim bahawa keluarga ini memang susah. Memandangkan kelulusan Ngor Kian Cheang baik dan atas rasa helas kasihan dan bertimbang-rasa, Hashim telah menerima Ngor Kian Cheang masuk ke pengajian tahun pertama.

Pada hari ini, Dr. Ngor Kian Cheang berikrar untuk memenuhi janjinya pada Hashim supaya berbakti kepada masyarakat dengan ijazah yang telah diperolehnya hasil pertolongan Hashim. Dia sentiasa mengikuti perkembangan hidup Hashim yang sangat disanjungi melalui akhbar tempatan dan sentiasa berharap agar Hashim lebih maju dalam kerjayanya. Dr. Ngor Kian Cheang yakin bahawa Hashimlah orang yang bertangungjawab menaikkan nama Fakulti Pergigian kerana beliau telah membawa banyak pembaharuan dalam fakulti tersebut.

BAIK HATI

Kesusahan dan kesempitan hidup yang pernah dialami oleh Hashim telah mendorongnya supaya menabur lebih bakti khasnya kepada orang yang benar-benar memerlukan pertolongan. Sebagai seorang doktor, beliau sangat

prihatin terhadap kesusahan yang dialami oleh sesetengah keluarga miskin yang tidak mampu menerima rawatan yang memerlukan belanja besar. Oleh itu beliau sentiasa berusaha membantu mereka yang datang berjumpa dengannya sebagai pesakit.

Kepekaannya terhadap kesusahan orang lain diabadikan dalam sajaknya "Tempat Kau Di Syurga" yang terdapat dalam antologi *Air Manik Astagina*:

*Melihat kau
aku makin yakin manusia
ditakdirkan lahir tidak sama.
Bagi kau, hidup erti seksa
dunia ini neraka.*

Sajak ini benar-benar menguris perasaan dan menimbulkan keinsafan. Dalam sajak ini Hashim membuat perbandingan antara kehidupan anaknya sendiri yang tidak pernah kelaparan dengan Salim, seorang kanak-kanak yang bernasib lebih malang daripada seekor kucing terbuang. Perbandingan ini amat simbolik dan realitinya memang berlaku di dunia ini sekarang.

Kepekaan Hashim terhadap kesusahan orang lain diakui oleh Encik Shunmugam a/l Iyamderumal, seorang juruteknik am yang bertugas di Fakulti Pergigian Universiti Malaya. Ketika Hashim dengannya pergi makan tengahari bersama-sama, Hashim selalu menunjukkan rasa simpatinya terhadap kanak-kanak yang terpaksa bekerja di tepi-tepi jalan untuk mendapatkan makanan. Beliau rasa terharu kerana tidak dapat melakukan apa-apa untuk menolong nasib kanak-kanak seperti itu.

Walau pun beliau tidak dapat menabur bakti kepada orang-orang yang tidak bernasib baik seperti itu, Hashim telah berusaha menabur bakti kepada pesakit-pesakit yang datang berjumpa dengannya. Hashim melayani semua pesakitnya dengan sangat baik. Beberapa orang pesakitnya mengakui tentang perkara ini.

Dr. Mohd Ariffin yang pernah menjadi pelajarnya sempat memerhatikan cara Hashim melayan pesakitnya. Pesakit yang datang berjumpa dengannya puas hati dengan layanan yang diterima. Adakah pesakit datang berjumpa dengannya, bukan kerana sakit gigi sahaja, tetapi mengadu

tentang masalah peribadi. Sebagai seorang doktor, Hashim tetap melayan keranah pesakit-pesakit seperti ini dan setalunya pesakit-pesakit tersebut berpuas hati dengan layanannya.

Menurut Encik Shunmugam, Hashim sentiasa berusaha membantu pesakit-pesakitnya sehingga benar-benar sembuh. Encik Shunmugam pernah membawa seorang pesakit yang bernama Ponniachi Hameed yang telah lama menderita kerana mengidap sakit dalam mulut untuk berjumpa Hashim. Sebelum berjumpa Hashim, Ponniachi telah puas berubat di beberapa tempat lain, tetapi tidak juga baik. Hashim telah memberi rawatan selama lebih kurang tiga bulan kepada pesakit berkenaan sehingga benar-benar sembuh. Oleh kerana terlalu gembira, Ponniachi Hameed telah menulis kepada sebuah akhbar tempatan untuk merakamkan rasa sukacita dan terima kasihnya kepada Hashim.

BERTIMBANGRASA

Semenjak kecil lagi Hashim telah menunjukkan bakat kepimpinan di kalangan kawan-kawan dan saudara-mara yang sebaya dengannya. Sifat kepimpinan ini telah dipupuk dengan baik oleh kedua ibubapanya. Kesusahan hidup yang telah dilalui semasa kecil telah membuat Hashim lebih peka terhadap kesusahan dan masalah yang dihadapi oleh pekerja bawahannya. Jadi beliau telah berupaya menjadi ketua pejabat yang baik.

Sebagai seorang dekan, beliau mengetuai semua kakitangan yang bertugas di Fakulti Pergigian Universiti Malaya. Hashim disenangi oleh pekerja-pekerjanya. Puan Wan Lan atau lebih dikenali dengan Mrs. Ching, yang telah bertugas sebagai setiausaha Dekan Fakulti Pergigian Universiti Malaya semenjak tahun 1973, telah berkata bahawa Hashim ialah seorang ketua yang sangat bertimbangrasa dan boleh memahami masalah pekerja-pekerjanya dengan baik. Hashim bersedia berjumpa sesiapa sahaja yang mahu berjumpa dengan beliau untuk mengadu tentang masalah yang berkaitan dengan kerja atau masalah peribadi.

Menurut Mrs. Ching lagi, Hashim selalu datang awal ke pejabat dan pulang lewat malam. Baginya bekerja hingga pukul lapan malam di pejabat adalah perkara biasa. Pada masa-masa tertentu, apabila kerjanya banyak,

beliau tidak keluar makan tengahari, tetapi cuma makan mi segera sahaja di pejabatnya. Adakalanya Hashim tidur di pejabat sekiranya terpaksa bekerja sehingga larut malam.

Hashim boleh bergaul dengan semua kategori pekerjanya, tidak kira kakitangan akademik atau pun kakitangan biasa, dengan baik, adil dan saksama. Encik Shunmugam a/l Iyamderumal yang telah bertugas di Fakulti Pergigian Universiti Malaya semenjak tahun 1974 telah mula mengenali Hashim sejak beliau mula bertugas di fakulti tersebut pada tahun 1975. Ketika itu Encik Shunmugam selalu ditugaskan menghantar surat kepada Hashim. Mereka terus menjadi rapat dan Hashim selalu mengajak Encik Shunmugam makan tengahari bersama dengannya.

Menurut Encik Shunmugam, Hashim seorang yang mudah memberi pertolongan kepada sesiapa sahaja, terutama kepada mereka yang benar-benar dalam kesusahan dan kesempitan wang. Baginya memberi wang setakat lima puluh atau seratus ringgit kepada orang yang betul-betul memerlukan adalah perkara biasa. Jarang sekali beliau menuntut wang sebanyak itu dikembalikan, walaupun pada mulanya berniat untuk memberi pinjam.

Ternyata Hashim sangat disayangi oleh pekerja-pekerja bawahnya. Beliau pandai mengurus dan mentadbirkan sebuah organisasi kerja dengan baik dan licin. Dengan itu tidak hairanlah ada pekerja di bawah jagaannya yang menangis apabila mendapat tahu beliau ditimpa musibah.



Sebagai seorang doktor pengigian, Hashim mengambil berat tentang kebijakan pesakit-pesakitnya.

BAB ENAM

DOKTOR PENYAIR

PADA masa ini, Hashim bukan sahaja terkenal dalam dunia perubatan pergi-gian, tetapi juga dalam dunia sastera tanah air. Jarang sekali seorang doktor yang berjaya seperti dia boleh bergiat aktif dalam dua bidang yang sangat jauh berbeza. Penglibatannya dalam dunia sastera tanah air telah menarik perhatian ramai pencinta seni yang kagum dengan keupayaannya menceburinya dua dunia yang berbeza. Oleh itu tidak hairanlah beliau dikenali dengan panggilan "doktor penyair" di kalangan pencinta puisi.

SENI MILIK SEMUA ORANG

Sastera adalah satu bentuk ekspresi yang kekal dalam perkataan yang terbit daripada pemikiran atau perasaan atau ide tentang kehidupan dan dunia. Sesebuah karya sastera yang baik setalunya mengandungi kualiti seperti kebenaran dari sudut psikologi atau mencerminkan alam semula jadi, ketulusan, kesematan dan kesedaran tentang nilai moral (R.J. Ross, 1973:9).

Carter dan Long (1991:2-3) puja berpendapat bahawa sastera adalah bentuk ekspresi ide dan sentimen manusia yang paling penting. Carter dan Long juga percaya bahawa sastera boleh memainkan peranan sebagai model untuk perkembangan seseorang individu, hubungannya dengan orang lain, dan juga dengan insitusi-insitusi di sekeliling mereka.

Scholes, Comley, Klaus dan Silverman (1986:xvii) dengan tegasnya berpendapat bahawa penghayatan dalam bidang sastera dapat menambahkan pengalaman hidup seseorang kerana sastera dapat meningkatkan keupayaan seseorang untuk lebih memahami eru hidup dan juga kepentingan komunikasi. Pendapat ini pun disokong oleh Collie dan Slater (1987:3) yang menyatakan bahawa sastera melahirkan banyak hasil karya yang mencenarkan tentang isu-isu penghidupan penting yang dapat dijadikan pedoman selama-lamanya. Bukan untuk sementara sahaja.

Jika dmelihat sedalamnya pendapat sarjana-sarjana tersebut, ternyata bahawa sastera memainkan peranan penting dalam hidup seseorang. Pengha-

yatan terhadap bidang sastera tidak tertiad kepada orang-orang tertentu sahaja, tetapi terbuka luas kepada setiap yang meminatiinya. Lagi pun setiap orang melalui pengalaman hidup yang berbeza dan sudah tentu mereka mempunyai keuntulan sendiri dari segi menghasilkan karya yang mencerahkan tentang pengalaman.

Selain dapat menguasai bahasa dengan baik, seseorang yang mahu menceburu bidang seni tulisan sajak haruslah mempunyai naturi sem yang mendalam. Naturi seni hanya terbit daripada jiwa yang meminati sem. Lantaran itu tidak sewajarnya orang yang menganggap diri mereka sebagai golongan sasterawan mengatakan bidang ini hanya milik mereka. Sesama sahaja boleh menceburu bidang yang tidak memerlukan kepakaran yang diperoleh daripada pendidikan semata-mata, tetapi terbit daripada jwa halus yang meminati sem.

Menyedari tentang hakikat ini, Hashim tidak teragak-agak untuk menceburu dunia sastera tanah air, walaupun bidang profesionnya sangat jauh berbeza. Beliau percaya bahawa sem adalah milik semua orang manakala profesi hanya boleh dimiliki oleh orang-orang tertentu sahaja. Penglibatannya dalam dunia sastera banyak membantunya dari segi komunikasi dengan masyarakat sekeling, kerana puisi tulisannya banyak menceritakan tentang berbagai pengalaman hidup pahit yang patut dijadikan teladan.

BUKAN UNTUK MENCARI REZEKI

Hashim akui bahawa penglibatannya dalam dunia sastera tanah air adalah terbit dari keinginan dan minatnya yang mendalam terhadap seni. Selain itu bakat semulajadi yang ada padanya menjadi pendorong utama untuk beliau bergiat aktif. Kegiatannya dalam dunia sastera bukanlah untuk mencari rezeki tetapi sekadar menyokong perkembangan sastera negara.

Hashim memang sudah menampakkan minatnya terhadap seni sejak di bangku sekolah lagi, tetapi belum tekah memilih untuk belajar dalam bidang sains kerana keperluan negara ketika itu yang berkehendakkan lebih ramai bumiputera belajar dalam bidang sains. Puisi yang telah ditulis ketika masih di bangku sekolah lagi adalah bukti yang menunjukkan beliau benar-benar meminati sem.

—(CHERIA LIPUR AYAH)—

Ayah,
da-puruma laju di-kuala Lumpur,
atau dia-panggil ka-tanu duga.

Beresta bantanya diafa engkau...
lalu... k... mengarau...
Engku... berduka berhati lama...
Yang perti... chita... laua... telau...
Yang keperciayaan... mimpi...
Tapi hanya... laua... menghalau... setia...!

Lalu Ayerken bantanya lagi:
Entang kuala... entang kubit...
Tentu engku... laua... telau...
Kerana engku... k... laua... k... telau...
Yang k... alih... k...
ber... mengarau... laua... k...
Yang setia...
ber... k... laua... mengarau... laua... k...

G... minggi... peradiam...
dia... teman... ya... pacak... laua...
Sekar... kula... engku...
ti...
maka... dia... juga... laua...
dia... kuala... kuala... ayah...
ber... dia... dia... dia...
dia... dia... dia... dia... masing...
ber... dia... dia... pacak... dia... untuk dia... masing

Tapi dia buktungku ayah!
hanya... dia... dia... dia...
chita... dia...
mimpi... dia... dia...
benaga... dia...

Jatai dia! !
Tenaga-mu yang... lela... menghalau... kaya?
bukan-mu... sanggup... mengulang... dia! !

Holding... jasasab...
pro... Universiti... sains
Malaysia...
Polestar... Jaya...
20/7/1969

Tulisan asal Sajak "Cheria untuk Ayah" yang telah ditulis oleh Hashim pada 30hb September 1969, ramai ketika beliau sedang belajar di ITM Shah Alam

SAJAK-SAJAK AWAL

Antara sajak yang terawal Hashim ialah "Cerita Untuk Ayah" yang telah ditulis pada 30hb September 1969, iaitu ketika behau sedang belajar di ITM Shah Alam. Dalam sajak tersebut Hashim telah menceritakan tentang kegalanannya dalam temuduga semata-mata kerana bapanya hanya seorang petani miskin. Kisah sedih yang digambarkan dalam sajak tersebut ialah:-

Ayah,

Sa-purnama lalu di-Kuala Lumpur.

aku di-panggil ka-temu duga.

Mereka bertanya siapa engkau.

lalu aku menjawab:

Engkau peladang lurus.

yang punya chitu huas melaut.

yang kaya dengan mimpi2.

Tapi hanya tahu Menghayun Sabut!

Lalu Mereka bertanya lagi:

Tentang kerabat-mu, tentang milik2-mu.

Tentu engkau tahu jawubku ayah!

keruna engkau sendiri lebeh mengataui,

yang kerabat2-mu:

bukan Manusia berdarah biru.

Yang milik2-mu:

Sa-bidang tanah penapak rumah.

Sa-minggu kemudian.

aku terima sa-pucuk surat.

Tahu-kah engkau isi-nya ayah?

Ah!

Anak-mu gagal lagi!

Sajak ini ditulis oleh Hashim setelah beliau gagal dalam sebuah temuduga untuk mendapat biasiswa. Ketika itu beliau sedang menuntut di ITM Shah Alam. Beliau rasa kesal kerana tidak terpilih, walhal beliau memang dari sebuah keluarga yang miskin. Sajak tersebut menunjukkan bahawa Hashim memang berbakat menghasilkan sajak yang baik. Pemilihan kata-kata dan susunan ayatnya sungguh menarik. Kata-kata yang dikeluarkan adalah datang dari hati sedih seorang remaja lelaki yang berjiwa halus. Tulisan asal sajak ini dan beberapa sajak yang lain masih disimpan dengan cermat oleh Hashim.

Sebuah lagi sajak tulisan Hashim telah ditujukan khas untuk ibunya. Sajak itu juga telah ditulis ketika beliau masih menuntut di ITM Shah Alam. Sedutan dari sajak tersebut berbunyi:-

*Ah ibu,
Hari ini aku tidak bisa memberi-mu bahagia.
Hari ini engkau hidup Penuh derita.
Persabar-kan hati-mu ibu.
Lantaran hari esuk akan menjelang.
Lantaran di-hari esuk:-
akan ku runtuh-kan segala Penderitaan,
akan ku kering-kan keringat sejuk-mu di-badan,
akan ku chari Penawar Pengobat kejerihan.
Dan Untuk-mu ibu.
Kan ku bina istana impian.
Hanya dari-mu ku pinta.
Iring-ku dengan doa restu-mu.
Agar di-saat genting perjuangan-ku.
Tak-kan terhempas ka-Jalan buntu.*



86 J. B. LEE

Hari ini kamu tidak bisa memberi-kamu bantuan
Hari ini engkau tidak boleh berjalan

Persabarikan henti... tua,
Lantaran hari esek... tua, mudiknya.
Lantaran di-hari esek...
Akar ke rebuk... kan sebab kerdilah
Akar ke keris... kan kerisnya sebagus apa-apa
Akar ke chari... kenatak... kisab kacirah...
Dan untuk... tua,
Kan ke bin... ikana intian.

Hanya jadi satu kec. Blora,
lalu kita datang ke doa restu-e:
Bazar di "sant" genting Prambanan
Tak-kau bantemras la...-chun bo...-

Al. No...
Kris-nata taster, Rendahnya kue,
Kris-nata kue blak, "an halangnya rasa di-Pusara
Kris-nata kue blak, anis Merahnya dedemnya,
Pekatnya kue blak, "an kue merah,
Pekatnya kue blak, "an kue merahnya.

Hari ini juga,
Akhirnya berjengah di sepanjang
Pada pagi hari, dia menemui dan bertemu
Dilarang untuk mengambil barang-barang
Setelah lama berjengah, dia pun

Lain-lain juga.
Lain-lain.
Kesemuaan sendiri ke Raja-tarani,
Yang berkuasa ini di kari ini,
Ketika dia tan-akur kaching kurap ketataran

25th August 1969

Engr. Anil Yacob
Post-University Science
Inst., Technical Maha
Festival Jalsa
MNL-A4518

Sajak "tu" yang ditulis oleh Hashim pada 25hb Januari 1960.

Dari sajak yang tertera di atas dapat kita lihat bahawa Hashim sudah menggunakan perkataan "penawar" sejak mula menulis sajak lagi. Perkataan "pengobat" mencerminkan bahawa jiwanya hampir dengan dunia perubatan yang diminatinya. Dalam sajak ini juga Hashim dengan berani dan yakin telah berikrar bahawa beliau tidak akan mensia-siakan hidup ibunya:-

*Ah Ibu,
Kira-nya engkau mendahului-ku.
Kira-nya ku biarkan tulang-mu reput di-Pusara.
Kira-nya ku biarkan ranjau Menikam dada-mu.
Maka dari chelah nisan-mu.
Kirim-kan-lah segala sumpah seranah-mu.*

Azamnya untuk membantu ibubapanya jelas diceritakan dalam sajaknya untuk ibu. Janji-janji yang ditulis itu sememangnya sudah ditunaikan sekarang kerana ibunya sudah tidak lagi hidup dalam kesusahan seperti dahulu. Keberaniannya menggunakan perkataan seperti "sumbah seranah" dalam sajak tersebut memberi kesan yang mendalam kepada pembaca. Kata-kata itu menunjukkan keyakinan yang ada pada diri Hashim apabila berjanji dengan seseorang.

Katau sajak-sajak tulisannya pada hari ini banyak menyebut nama steri dan anak-anaknya selain dari ibubapanya. sajak-sajak awalnya pula lebih banyak memperkatakan tentang orang-orang yang paling hampir dalam hidupnya ketika itu, iaitu ibubapa. Selain itu kakaknya juga sangat rapat dengannya, dan beliau telah menulis sebuah sajak khas untuk kakaknya yang bertajuk "Tercipta khas untuk Kakak, yang sentiasa hidup menderita". Antara yang tertulis dalam sajak tersebut salah:-

*Ah Kakak.
Katau bahagia di-hari ini bukan untuk-mu.
Lantaran besar-mu dari lurah siamang berlegar
Lantaran besar-mu dari pucuk2 liar menghijau
Atau sering kulit-mu di-guris ranjau nan tajam,
Percaya kak Percaya-lah.
Bahawa tuhan tidak membuat-mu!
Dan bagi-ku kak?
Biar kau timbul biar tenggelam
Kan ku ikut bergelombang bersama-mu!*

Tercipta khas untuk kakak
Yang sentiasa hidup menderita.

KAKAK,

Pertama kali ku lihat paras-mu,
Seribu mendung merunduk wajah-mu.
Pertama kali ku bandingi mata-mu,
Siala sinar sa-selintir cihaya.
Lantaran dari kelutuk -mu
Sa-titis rayer mata menimpa dada!

Ah Kakak,

Kalau bahagia di-hari ini bukan untuk-mu,
Lantaran datang-mu dari luhur sianang berlesur
Lantaran besar-mu dari buguk laut keruh-lau
Atau sering kulit-mu di-juris ranau, tanah lahan,
Perluwa hak percaya-ih,
Bahan-bahan tidak pernah ada!

Dan bazi-kankanti

Biar kau tumbi biar besar-lah...
Ah kau ke kau berglambaran bertambah-lah!

Kehilangan berasam
Rambut rontok
Jeda-jeda menggigil kau
Dalam-dalam lantau-nada...
Banyak-banyak jukai-lain-lain ilmu

Penulis : S. S. S.
H.A.C. 1970



Sajak "Tercipta Khas untuk kakak yang sentiasa hidup menderita" yang ditulis pada 23hb Mac 1970

PEMIMPIN YANG DISANJUNG

Sajak-sajak awal tulisan Hashim juga mewernakan perwatakan beliau ketika itu. Beliau tidak seperti anak-anak muda yang sebayanya ketika itu yang suka menulis sajak-sajak cinta. Sebaliknya sajak-sajaknya menggambarkan beliau berfikiran lebih jauh. Harapan dan cita-citanya tinggi. Salah sebuah sajak yang telah ditulis ketika itu telah ditujukan khas untuk seorang pemimpin yang disanjunginya. Sajak tersebut yang ditulis semasa memulut di New Zealand bertajuk "Untuk YB Tun Abdul Razak Hussein Al-Haj". Dalam sajak tersebut, Hashim telah memuji pemimpin tersebut:

*Di-kala bangsa-mu merintih keteriban
kau iaksana pahlawan nur ggiti.
Ketua pagi-nya
kau-lah pembela turunan rai-nya.
O! Tun!
Pada mu-lah kesatria nur-talmi.
Kamu semuakan segala harapan! //*

Hashim telah menulis sajak ini kerana beliau berpendapat Allahyarham Tun Abdul Razak telah banyak mendongong orang-orang Melayu yang susah seperti ini. Beliau yakni baha'wa kejayaannya memasuki ITM Shah Alam adalah kerana usaha Allahyarham Tun Abdul Razak yang telah berusaha memastikan orang Melayu bolch mendapat peluang beliau ke peringkat tinggi seperti itu. Sajak tersebut sebenarnya ditulis dengan ikhtisar dan piut. Namun pujiannya terhadap Allahyarham Tun Abdul Razak adalah sebenarnya terbaik dari hati yang ikhlas dan tidak mengharapkan gambaran dan bahasan dari orang yang diperpuji.

Dalam sajak-sajak tulisan Hashim ini, jelas dapat dilihat bahawa Hashim sentiasa memikirkan tentang "harapan", "cita-cita" dan "impian". Beliau sentiasa menyimpan azam. Selain itu, dari awal lagi Hashim memang suka menyertai gambar bersama sajak-sajak tulisannya. Baginya gambar dapat menghiasi tulisan dan menarik perhatian pembaca. Sekiranya dari awal lagi beliau bergiat aktif dalam dunia sastera sudah pasti banyak sajak yang telah berhasil. Tetapi seruan negara yang memerlukan tenaga kepakaran yang ada pada dirinya harus didahulukan.

Untuk YB. Tun
Abdul Razak Hussein
Al-haj.



Di-kala sinar bangsa-mu kian menudar,
Kau laksana dian di-malam gelita.
keria badi-nya!
Kau-lah Peryuluh hati jantung-nya!

Di-kala bangsa-mu merintik kejirikan,
Kau laksana Pahlawan rai Syah.
keria basi-nya:
Kau-lah Pembela turunan jati-nya.

Oh Tun!

Pada mu-lah kesatria rai tulin,
Kami semai-kur secalu harapan!!!



Universiti of Oslo
Luarnece - N. J.
1 - APRIL 1970

Sajak "Untuk YB Tun Abdul Razak Hussein Al-haj" ini ditulis oleh Hashim pada 1hb April 1970

DARAH SENI

Sebagai seorang profesor pergigian Hashim ialah seorang yang sangat serius, tetapi sebagai seorang insan biasa beliau memiliki jiwa seni yang diwarisi dari ibunya, seperti yang diceritakan dalam sajak "Darah Ibu" yang terdapat dalam antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelat*.

Didalam tubuh senja

ibuku

mengalir darah seni

Darah yang mengalir dalam tubuhmu ibu.

telah tumpah kedalam tubuh ku.

Darah seni yang mengalir di tubuhnya terpancar dalam segala aspek penghidupannya. Cara beliau menghiaskan pejabatnya begitu simbolik dan melambangkan kehalusan jiwanya. Begitu juga dengan huasan di rumah melambangkan kehalusan jiwanya. Di satu-sudut rumahnya disediakan satu tempat untuk beliau duduk mencari ilham. Sudut itu diletakkan dengan sebuah papan tanda yang tertulis "sudut ilham" di atasnya. Di sudut tersebut dihiasi dengan hasil karya lukisan anak-anaknya dan juga dengan watak-watak wayang kulit.

Pemilihan pakaianya menunjukkan bahawa beliau seorang yang amat teliti. Misalnya tali leher berwarna coklat dan mempunyai gambar dua ekor gajah yang berdiri berhadapan sambil gading masing-masing diketemu kan sengaja dipilih kerana katanya gambar itu boleh dianggap sebagai simbol kekuatan yang ada pada diri seseorang untuk mempertahankan maruah diri, keluarga dan bangsa.

CEPAT TERKENAL

Hashim mula bergiat aktif dalam dunia sastera tanah air sejak tahun 1993, tetapi namanya cepat terkenal oleh kerana kelainan yang terdapat pada puisi-puisi tulisannya. Profesor Ishak Haron ialah salah seorang rakan-rakan Hashim yang telah pertama sekali mendorong Hashim untuk menulis puisi. Beliau pernah membaca puisi tulisannya yang bernama "Geita Jati, Gading Wak dan Sakda Roka" yang terdapat dalam antologi *Air Penawar Sekacang Kelat* dan memuji puisi berkenaan.

Dr. Wan Mokhtar bin Wan Yusof, seorang pensyarah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ialah juga salah seorang rakan Hashim yang telah menggalakkannya supaya menulis puisi secara serius. Beliau telah mencadangkan supaya Hashim menerbitkan puisi tulisannya. Dr. Wan Mokhtar yang memiliki Furada Publishing House telah menerbitkan antologi puisi Hashim yang pertama iaitu *Air Penawar Sekacang Kelat* pada tahun 1993.

Antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelat* telah memuatkan empat puluh buah sajak tulisan Hashim yang kebanyakannya menceritakan tentang pengalaman pahit yang telah pernah dilaluinya. Hashim telah memilih gambar isterinya, Sri Nurestri untuk menghiasi kulit buku antologi ini kerana isterinya adalah penawar baginya di masa susah dan senang.

Dr. Wan Mokhtar juga telah berusaha mengetengahkan buku antologi ini sehingga dilancarkan oleh Tan Sri Awang Had Salleh pada Hari Sastera yang diadakan di Shah Alam pada bulan Mei tahun 1993. Semenjak itu Hashim berusaha untuk mengukuhkan kedudukannya dalam dunia sastera. Beliau mula menulis dalam akhbar-akhbar dan majalah tempatan seperti *Dewan Sastera*, *Dewan Budaya* dan *Mastika*.

Pada tahun 1994 antologi puisinya yang kedua *Air Manik Astagina* pula diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama GAPE-NA. Hashim mengambil masa enam buian menulis puisi untuk antologi ini. Dalam masa itu Hashim tidak memperuntukkan waktu-waktu yang khusus untuk berkarya. Beliau seringkali menulis dalam perjalanan ke pejabat kerana ketika itu beliau mempunyai seorang pemandu sendiri.

Antologi sajak ini menarik, bukan sahaja kerana isinya unik, tetapi Hashim telah menyelitkan gambar-gambar yang sesuai dengan tema sajak-sajaknya. Kulit buku tersebut juga adalah hasil kreatif Hashim sendiri. Sesuai dengan tajuknya *Air Manik Astagina*, secara simbolik Hashim telah menggambarkan setitik air menyirami bunga yang hampir layu.

Antologi sajak *Air Manik Astagina* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dilancarkan oleh Tan Sri Mohd. Isa Abd. Samad pada tahun 1994 di Allson Kelana Resort, Seremban, Negeri Sembilan. Dalam majlis yang sama, dua buah lagi buku antologi puisi, *Melati dan Bahang* karya Rahman Shaari dan *Suara Hati* karya Mahaya Mohd Yassin juga telah dilancarkan. Sempena



Ijashim sentiasa mendeklamasikan sajak yang memperkatakan kasih sayang terhadap keluarga.

majlis itu Tan Sri Profesor Awang Had Salleh telah membicarakan buku antologi puisi karya Hashim, dan Hashim sendiri telah mendeklamasikan puisi tulisannya.

MISI UNIVERSITI MALAYA

Setelah herjaya menghasilkan dua buah antologi sajak hasil tulisannya sendiri, Hashim telah berusaha menghasilkan sebuah antologi puisi yang memuatkan hasil tulisan beberapa orang penulis. Dengan itu lahirlah sebuah antologi puisi hasil penyelenggaraannya yang berjudul *Misi* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1996. Antologi puisi telah dilancarkan bersama lima puluh satu buah buku ian hasil karya kakitangan Universiti Malaya pada 7hb Ogos 1996 di Auditorium Perdanasiswa. Pelancarannya telah disempurnakan oleh Tuanku Pro-Cancellor, DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Raja Nazrin Shh.

Hashim mendapat ide menghasilkan antologi ini setelah memikirkan bahawa Universiti Malaya harus mendokumentasikan misinya dalam bentuk buku. Sekiranya diabadikan dalam bentuk buku yang kekal, sudah pasti kesannya lebih mendalam dari hanya ditampal pada poster dan dipamerkan pada masa-masa tertentu sahaja. Sebelum ini belum ada yang membuat deklarasi seperti ini dalam bentuk antologi puisi. Deklarasi seperti itu sudah tentu menjadi sesuatu yang istimewa sekiranya dilaksanakan. Oleh itu Hashim bertekad untuk melaksanakan impiannya.

Sebagai langkah pertama, Hashim telah mengiklankan dalam buletin keluaran Universiti Malaya tentang hasratnya ini dan menjemput kakitangan universiti tersebut menyumbang puisi tulisan mereka. Setelah menunggu lebih kurang lima bulan, Hashim telah menerima respon daripada lapan belas orang kakitangan Universiti Malaya. Semua puisi mereka diterima oleh Hashim untuk dimuatkan dalam antologinya itu.

Sebanyak tiga puluh sembilan puisi hasil tulisan sembilan belas orang termasuk Hashim, yang terdapat dalam antologi ini merangkumi pelbagai aspek Universiti Malaya dari persepsi penulis yang datang dari bidang yang berlainan. Masing-masing mengutarakan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian untuk pembangunan universiti. Hashim telah menyumbangkan sebanyak enam buah sajak dalam antologi ini.

Sajak-sajak yang dikemukakan oleh Hashim dalam antologi ini sangat menarik dari segi pemilihan latar-belakang. Misalnya sajak "Binalah Kembali Melakamu" berlatar-belakangkan zaman Tun Perak, tetapi mesejnya berkisar pada harapannya pada Universiti Malaya, agar berkembang maju dengan kekuuhan dan ikatan kesetiaan tanpa diganggu gugat oleh hasutan dan tirnah. Sedutan dari sajak tersebut berbunyi:-

*Kalau datang Kerma Wijaya
membawa fitnah
datang Mendeliar
menghembus seranah.
Berbentenglah kau Tun Perak,
pada Si Tuah yang setiu.*

Sajak Hashim yang bertajuk "Menggamit Bintang" pula berlatar-belakangkan alam semula jadi. Sajak ini bertambah indah dengan hiasan lukisan mentari menyinar yang melambangkan kegembiraan. Secara halus Hashim menceritakan tentang kegembiraannya setelah keduaan yang menumpa diri telah berlalu kerana:-

*Telah datang
angin kencang
membasuh awan
bergelumang hitam bersekian.*

Dalam antologi puisi *Misi*, Hashim juga telah menghiasinya dengan gambar-gambar yang menarik dan sesuai dengan tema sajak-sajak yang dipaparkan dalam buku tersebut. Gambar yang menghiasi kulit luar buku ialah hasil lukisan anak sulungnya, Ili Hana. Hashim memilih lukisan tersebut kerana tiga batang pokok di tepi tasik yang terdapat dalam lukisan itu melambangkan ketenangan jiwa. Warna-warnanya juga sejuk di pandangan mata. Kebetulan pula lukisan tersebut bersesuaian dengan sajak "Berdiri di Puncak Keyakinan" hasil karya Yahya Hussin (Jihat Ayadi) yang terdapat dalam antologi tersebut. Sedutan dari sajak tersebut berbunyi:-

*Tiba-tiba
sang hari menurunkan wajah baru
dengan pandangan mendalam
jauh dan tajam
pedih lama segera terawat
persekitaran menjadi taman pelangi
mengangkat minat membina azam.*

MUDAH DIFAHAMI

Rahman Shaari adalah salah seorang dari kalangan orang sastera yang menjadi teman Hashim semenjak beliau mula mencebur duni sastera tanah air pada tahun 1993. Semasa antologi puisi Hashim yang pertama, iaitu *Air Penawar Sekacang Kelat* dilancarkan pada Hari Sastera 1993 yang diadakan di Shah Alam, Rahman Shaari telah diminta membuat ulasan tentang buku tersebut dimajlis itu.

Ketika Rahman Shaari diminta membuat ulasan tentang buku *Air Penawar Sekacang Kelat* beliau masih belum mengenali Hashim secara dekat, sebaliknya hanya mengenali hasil karyanya sahaja. Dari penelitian yang dibuat ke atas buku tersebut, Rahman Shaari dapat ada beberapa kelainan pada puisi tulisan Hashim. Menurut beliau Hashim telah menggunakan imej wayang kulit secara bersungguh-sungguh jika dibandingkan dengan penulis-penulis lain.

Seterusnya Rahman Shaari menjelaskan bahawa kebanyakan penulis yang iain tidak meletakkan tema secara jelas, tetapi lebih memfikberatkan stil dan kesenian bahasa yang menarik. Jadi sesetengah puisi tulisan mereka sukar difahami kecuali pemnaca tahu tentang kisah hidup penulis tersebut. Hashim puas lebuh mengutamakan maksud perkara yang hendak disampaikan dalam puisi-puisinya. Jadi puisi tulisannya tidak sukar difahami. Walau bagaimana pun Rahman Shaari tidak menafikan bahawa sebelum Hashim memang ada penulis yang menghasilkan puisi yang mudah difahami, seperti Rejab E.I. yang sering membicarakan kisah masyarakat dan hal peribadi secara terang.

Berkenaan dengan profesion Hashim yang sangat berbeza dari dunia seni, Rahman Shaari berpendapat bahawa ramai penulis lain dalam dunia sastera tanah air yang menjawat profesion berlaman dari sastera, contohnya Dr. Che Husna dan Dr. Firdaus Abdullah. Jadi tidak seharusnya timbul isu bahawa golongan seperti ini boleh menggugat kedudukan penulis lain yang sedia ada dalam dunia sastera. Malah kehadiran mereka boleh memeriahkan lagi dunia sastera tanah air.

Ketika diminta mengulas tentang puisi Hashim yang banyak memetik kata-kata dalang yang bernama "Dollah Baju Merah", Rahman Shaari menjelaskan bahawa sebelum ini ada pemuisi lain yang memetik kata-kata

orang lain dalam tulisan mereka sendiri). Ia dilakukan kerana mahu memberi penghormatan kepada orang yang diminati. Lagipun pembaca yang tidak tahu tentang wayang kulit mungkin berminat untuk mengetahui lebih lanjut lagi setelah membaca petikan kata-kata dalang yang terdapat dalam puisi tulisan Hashim.

Sebagai seorang teman, Rahman Shaari berpendapat bahawa Hashim ialah seorang yang sangat serius. Ketika sama-sama merancang untuk membuat persembahan puisi, Hashim sentiasa berwaspada dan mengambil berat tentang segala perancangan supaya tidak terjadi perkara yang tidak diingini. Misalnya ketika merancang untuk menganiurkan Malam Apresiasi Seni, Hashim telah berkali-kali menelefon ke rumah Rahman Shaari kerana bimbang tentang berbagai perkara.

MEMBAWA PEMBAHARUAN

Kehadiran Hashim dalam dunia sastera tanah air telah menarik perhatian ramai tokoh sastera. Penglibatannya dalam majlis-majlis sastera mendapat liputan yang meluas dalam akhbar dan majalah tempatan. Harry Aveling menganggap Hashim sebagai seorang pejuang seni yang telah benar-benar berjaya membawa pembaharuan dalam era seni. Memirutnya lagi, Hashim ialah lelaki *renaissance* kerana beliau bukan sahaja seorang pemuisi yang baik, tetapi juga seorang pensyarak, doktor gigi, pegawai tentera dan juga pencinta budaya tradisional.

Harry Aveling juga berpendapat bahawa puisi tulisan Hashim menunjukkan ketulian yang begitu unik, menarik, padat dan mudah ditafsir. Menurut beliau puisi tersebut banyak membincarkan hal peribadi dan sosial yang meliputi kisah cinta, kemattian, kemiskinan dan kebesaran Tuhan. Tema seperti ini biasa terdapat dalam puisi Melayu yang lama. Sejain itu beliau berpendapat bahawa gambar-gambar yang terdapat dalam analogi puisi *Abi Manik Astagina* menunjukkan bahawa Hashim mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Jadi tidak hairanlah kalau beliau dapat menguasai dunia yang diceburinya dengan baik.

Zurinah Hassan pula berpendapat bahawa Hashim telah berjaya membincarkan masalah-masalah yang berlaku pada zaman ini dalam puisi yang berbentuk tradisional. Gaya mantera yang digunakan oleh Hashim dalam sesetengah puisinya juga menarik.

Kemala berpendapat kehadiran Hashim dalam dunia sastera tanah air amat mengejutkan kerana secara tiba-tiba sahaja beliau sudah muncul dengan sebuah antologi. Namun Hashim telah berupaya menunjukkan kelainannya dalam bentuk persembahan. Hashim banyak menggunakan unsur teater apabila mendeklamasi sajak-sajaknya. Teknik-teknik yang digunakan sangat menarik dan ini membuat persembahan Hashim menjadi begitu unik dan berlainan daripada pendeklamasi sajak yang lain.

Menurut Kemala lagi, Hashim bukan sahaja bijak bermain dengan kata-kata dalam penulisan sajak tetapi sangat pandai menarik perhatian penonton dengan gaya percakapannya. Seringkali penonton akan terpukau dengan daya tarikannya apabila beliau berkata-kata. Walau pun Hashim seorang doktor, beliau peka dengan elemen budaya. Sajak-sajak tulisan Hashim ada mencerminkan pertembungan budaya Melayu dengan budaya Nusantara.

PENAWAR

Hashim ibaratkan puisi tulisannya sebagai penawar. Lantaran itu kedua-dua tajuk antologi sajaknya mengambil sempena nama dua jenis penawar yang biasa disebut dalam persembahan wayang kulit iaitu *air penawar sekacang kelat* dan *air manik astagina*. Hashim bercadang untuk menghasilkan antologi sajak yang akan dinamakan sempena dengan sejenis penawar juga iaitu *air melor jaya*.

Rahman Shaari berpendapat judul yang terdapat pada kedua-dua antologi puisi Hashim itu mencerminkan identiti beliau sebagai seorang penyair yang memberi tumpuan terhadap perubatan. Seterusnya Rahman Shaari percaya bahawa penawar yang dikemukakan oleh Hashim itu bertujuan untuk mengubah jiwa dan caranya berdasarkan fikiran tentang hal-hal budaya (Hashim Yaacob, 1994:xi)

Hashim menganggap sesetengah puisi tulisannya sebagai pembakar semangat perjuangannya. Beliau tidak bersetuju dengan pendapat bahawa penulisan kreatif adalah hasil khayalan. Sesetengah puisinya menunjukkan bahawa beliau telah membuat penyelidikan yang mendalam tentang sejarah tanah air dan juga tentang wayang kulit.

Hashim tidak suka membaca puisi yang kabur maksudnya. Beliau berpendapat bahawa puisi harus membawa pengertian yang mudah supaya mesejnya dapat ditaham umum. Pendapatnya ini mungkin dipengaruhi oleh kerjayanya sebagai seorang doktor yang bertugas berlandaskan bukti-bukti konkret dan nyata.

Dalam sebahagian besar puisi tulisan Hashim, beliau lebih suka menggunakan watak-watak yang paling hampir dengan hidupnya seperti ibuhapa, isteri dan anak-anaknya, saudara-mara dan kawan rapat. Tetapi sebenarnya mesej yang hendak disampaikan jauh dan meliputi kehidupan seluruh alam. Sajak-sajaknya juga melambangkan keperibadiannya yang berhati lebur, pengasih dan penyayang terhadap ibuhapa, adik-beradik, isteri, anak-anak, kawan-kawan dan juga makhluk tuhan yang bernyawa seperti anjing.

Salah sebuah sajak yang terdapat dalam antologi *Air Penawar Sekacung Kelat* ialah "Selamat Jalan Teman" yang ditulis khas sempena mengingat Allahyarham Zukifli Abdul Rahman, seorang kawan baik yang telah kembali ke rahmatullah:

*Disuatu petang gerumis diLumat, sampailah
berita kau telah berpulang. Semuda usia
empat puluh kau telah tiada, meninggalkan
isteri mendakap lima puteraputerimu dengan iwang
air duka dari mata, yang masih belum
terpuas dahaga kash mesra.*

Sajak ini mencerminkan kehalusan jiwa Hashim yang mudah tersentuh dengan kejadian-kejadian yang menimpah orang yang rapat dengannya. Walau pun kisah tersebut berlaku pada kawan rapatnya sendiri, mesej yang hendak disampaikan ialah tentang kepayahan hidup orang-orang yang kehilangan tempat bergantung setelah kematiian ketua keluarga. Mesej yang hendak disampaikan oleh Hashim ialah orang-orang begini perlu mendapat perhatian masyarakat.

PERSEMBAHAN YANG UNIK

Hashim semuanya membawa kelainan dalam bentuk persembahan

deklamasi puisi. Beliau sering menggunakan slaid untuk mengiringi deklamasi sajaknya. Cara persembahan yang unik seperti ini mungkin dipengaruhi oleh cara Hashim mengajar di bilik kuliah, di mana beliau sering juga menggunakan slaid.

Selain menggunakan slaid, Hashim juga berupaya menghafalkan sajak-sajak tulisannya, yang mana jarang dilakukan oleh pendeklamasi sajak yang lain. Dalam acara Deklamasi Puisi Pendidikan III beliau telah menghafal tiga puisi tulisannya, iaitu "Masih Adakah Papa", "Ibuku Sipenoreh Getah" dan "Buat Isteriku Nurestri".

Selain itu Hashim juga pernah mendeklamasikan sajak dengan iringan persembahan wayang kulit dan silat. Ide ini dilakukan untuk menarik minat penonton untuk mendengar deklamasi sajak. Setiap persembahannya mendapat sambutan baik dari penonton.



Allahyarham Zulkifli Abdul Rahman (kiri) bersama Jusoh Mamat pada tahun 1971

MALAM APRESIASI SENI

Malam Apresiasi Seni telah diadakan pada 17hb September 1995 di Auditorium Kompleks Perdanasiswa Universiti Malaya. Malam persembahan yang bertema "Pancaran Seni Kehalusan Budi" itu telah diilhamkan oleh Hashim dan dijayakan oleh Persatuan Pelajar Islam Pergigian Universiti Malaya (PPIPUM) dengan bantuan Fakulti Pergigian. Yang berbahagia Dato Dr. Haji Abdullah Sanusi Ahmad, Naib Canselor Universiti Malaya telah merasmikan malam persembahan tersebut.

Pada malam tersebut beberapa tokoh dalam bidang yang bertainan telah mendeklamasikan sajak masing-masing dengan cara tersendiri. Profesor Tan Sri Awang Had Salleh telah mendeklamasikan sajak ciptaan beliau sendiri. Caranya yang tenang dan susunan kata-kata yang menyentuhkan perasaan dalam sajaknya telah menarik perhatian penonton.

Dato Nordin Razak tidak dapat hadir, tetapi telah menghantar anaknya, Norsyuhaida Suria untuk mendeklamasikan sebuah sajak Bahasa Inggeris yang telah ditulisnya sendiri. Norsyuhaida Suria telah berjaya menyampaikan sajak tulisan bapanya dengan lancar dan berkesan sekali. Ternyata anaknya itu juga berbakat seperti bapanya.

Profesor Madya Dr. Firdaus Abdullah telah menyemarakkan dewan dengan semangat patriotiknya. Sajak-sajak yang dideklamasikan olehnya pada malam tersebut mengingatkan penonton kepada beberapa tokoh terkenal seperti Usman Awang, Boestaman dan Aminuddin Bakri. Profesor Madya Dr. Firdaus Abdullah juga telah mendeklamasikan sajak untuk anak-anaknya.

Profesor Madya Rahman Shaari muncul membawa kelainan dalam bentuk persembahannya yang sungguh melucukan. Penonton nampaknya terhibur dengan gaya dan kata-katanya yang mencuit hati. Sajaknya *Milah Anak Mak Som* menghiburkan dan kata-katanya memberi pengertian yang sungguh mendalam.

Zubir Ali yang memang terkenal dengan lagu ciptaan yang menyentuh perasaan telah muncul dengan lagu puisi yang mempesonakan penonton. Penonton terpukau dengan nyanyian dan petikan gitarnya. Kata-kata yang menyentuh perasaan juga terdapat dalam puisinya yang membicarakan tentang

kehidupan tradisional yang telah tercemar dengan teknologi moden.

Profesor Hashim Yaacob sebagai Dekan Fakulti Pergigian yang telah mengilhamkan malam persembahan tersebut mengakhiri persembahan dengan mendeklamasikan beberapa sajak tulisannya yang dipetik dari dua antologi sajaknya. Pada malam itu Hashim telah mendeklamasikan sajak-sajak yang menceritakan tentang keagungan kasih sayang terhadap ibubapa dan isterinya yang telah banyak berkorban.

Malam Apresiasi Seni telah berjaya menarik ramai penonton. Ramai penonton yang hadir menunjukkan bahawa persembahan deklamasi sajak tidak miskin dengan penonton sebagaimana yang sering diperkatakan. Yang menariknya ialah pelajar-pelajar bidang pergigian telah berjaya menunjukkan kemampuan mereka menganjurkan malam persembahan yang jauh dari bidang yang mereka sendiri ceburi. Sudah pasti Hashim sebagai Dekan berjaya memberi galakan dan ilham kepada mereka supaya tidak hanya menumpukan perhatian kepada pelajaran, tetapi juga kepada perkara yang berkait rapat dengan penghidupan seperti penghayatan seni.



Man Hulubalang beraksi pada malam persembahan puisi tiga warna "Putih, Biru dan Merah Jambu"

MALAM PUISI PENDIDIKAN IV

Sempena dengan sambutan Minggu Sastera 1995, Malam Puisi Pendidikan IV telah diadakan pada 20hb Oktober 1995 di Panggung Eksperimen Kompleks Budaya Negara. Persembahan malam tersebut telah dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Akademi Seni Kebangsaan dan Bank Rakyat.

Pada malam tersebut pelajar-pelajar dari Fakulti Pendidikan bersama peserta dari Akademi Seni Kebangsaan telah menunjukkan bakat masing-masing mendeklamasikan sajak dengan berbagai cara dan gaya yang menarik. Malam tersebut telah dimeriahkan dengan kehadiran penyanyi lagu puisi seperti Zubir Ali, Aripin Said dan Rizal Yaacob. Selain itu malam tersebut juga telah diserikan dengan kehadiran beberapa deklamator jemputan seperti A. Ghafar Ibrahim, A. Rahim Abdullah, Mahaya Mohd Yassin, Borhan Md. Zain, Rahman Shaari.

Hashim juga telah diundang untuk mendeklamasikan sajaknya pada malam itu. Seperti biasa beliau sentiasa mencari kelainan dalam bentuk persembahannya. Dengan berpakaian Melayu berwarna merah sambil memegang keris, Hashim telah mendeklamasikan sajak "Masih ada lagikah Ayahanda" dengan irungan pencak silat oleh seorang temannya yang diundang khas.



Hashim dengan gaya dan ikatan samping yang menarik pada Malam Puisi Misi.

MALAM PUSSI - MISI UM

Malam Puisi - Misi UM telah diadakan sempena perayaan Jubli Perak Fakulti Pergigian Universiti Malaya. Persembahan malam tersebut yang telah durasmikan oleh Budayawan terkenal Puan Azah Aziz, adalah hasil cetusan ide Hashim sendiri. Para peserta yang mengambil bahagian dalam persembahan malam tersebut adalah kebanyakannya terdiri dari mereka yang telah menyumbangkan puisi dalam antologi puisi *Misi*. Mereka ialah Tuan Haji Mohd Zubir Haji Mohd Ali, Profesor Wan Abu Bakar Wan Abas, Dr. Wan Mohd Azhar Wan Ibrahim, Profesor Isahak Haron, Profesor Madya Amida Abdul Hamid, Puan Amanah Mokhtar, Profesor Madya Rahman Shaari, Encik Mazlan Mohd Bakri dan Puan Khatijah Abdul Hamid.

Selain itu Hashim juga telah mengundang beberapa orang tetamu lain untuk mewakili lagi majlis tersebut. Mereka ialah Encik Shukri Abdulrahman, Profesor Tan Sri Awang Had Salleh, Encik Leo A.W.S., Puan Alida Yunus, Puan Erma Fatima, Profesor Firdaus Haji Abdullah, Profesor Madya Wan Zawawi dengan pasangannya Noorshah dan Encik Abu Razali Sauni.

Pada malam tersebut Hashim dengan gaya seperti seorang pahlawan telah mendeklamasi sebuah sajak yang dipetik dari antologi *Misi* bertajuk "Binalah Kemihali Melakamu". Hashim juga telah menunjukkan kemahirannya bersilat dengan sirungan muzik tradisional. Persembahannya yang berlaman-laman yang lain telah mendapat tepukan gemuruh dari para penonton.

PUTIH BIRU MERAH JAMBU

Malam Puisi Putih Biru Merah Jambu - Bicara puisi tiga persepsi yang diadakan pada 21hb September 1996 di Balai Budaya Tun Syed Nasir di Dewan Bahasa dan Pustaka ialah hasil cetusan ide Hashim bersama dua orang rakananya, Tan Sri Profesor Awang Had Salleh dan Profesor Madya Rahman Shaari. Persembahan malam tersebut telah dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia pula telah bermurah hati menyumbangkan bantuan kewangan untuk menjayakan malam puisi tersebut.

Hashim ingin menjadikan majlis tersebut sesuatu yang berlainan dari yang pernah diadakan dahulu. Beliau mahu memperlihatkan kebelbagaiannya dalam persembahan yang ditunjangi oleh orang dari profesi yang berlainan. Oleh itu beliau telah memilih dua orang temannya untuk menerajui persembahan tersebut dan masing-masing akan mencari tetamu sendiri untuk turut serta dalam persembahan itu.

Hashim menganggap Awang Had Salleh sebagai seorang pendidik, penulis dan budayawan yang terkenal dan pandai menggunakan bahasa yang indah, lembut dan enak didengar. Hashim juga terpegun dengan cara beliau mendeklamasikan sajak. Rahman Shaari pula ialah seorang pemuisi Melayu yang Hashim hormati. Hashim berpendapat bahawa Rahman Shaari sudah mencapai ke tahap yang tinggi dalam dunia puisi Melayu. Puisi-puisi persembahan Rahman Shaari pula selalunya berunsur humor tetapi ada pengajaran.

Hashim berpendapat bahawa gabungannya dengan dua orang personaliti ini akan menghasilkan persembahan puisi yang menarik kerana ketiga-tiganya mempunyai persepsi sendiri. Mereka bertiga tetah berbincang untuk memilih tajuk persembahan yang akan diadakan itu. Akhirnya mereka telah bersepakat untuk memilih tiga warna yang melambangkan tema segmen masing-masing.

Hashim memilih putih kerana segmennya bertemakan "kesetiaan dan kekekalan dalam kehidupan". Pada malam tersebut Hashim muncul berpakaran seperti pahlawan Melayu zaman silam. Cara ikatan sampingnya telah menarik perhatian ramai penonton. Persembahannya malam itu mencerminkan keupayaannya mencari kelaman dalam bentuk pengucapan puisi. Tetamu istimewanya malam itu ialah Profesor DiRaja Ungku A. Aziz. Kesejuaan Profesor DiRaja Ungku A. Aziz untuk turut serta dalam persembahan malam itu menarik perhatian ramai. Pantun-pantun yang dipersembahkan pada malam itu sungguh mencuit hati. Tetamu Hashim yang lain ialah Dato Jms Shamsuddin, Ras Adiba Radzi, Salmiah Ismail, Man Hulubalang, Dr. Zamri Radzi dan Taufik Abd Malik.

Awang Had Salleh pula memilih biru kerana tema segmennya ialah "kemanusiaan dalam kemerdekaan". Tetamunya Guan Li Meng (Kamariah), seorang mahasiswa Pengajian Bahasa Melayu di Beijing University telah memukau para penonton dengan dendangan syairnya. Awang Had Salleh dengan isterinya Salmiah Abu Bakar pula turut mempesonakan para penonton

dengan kelembutan suara dan keindahan bahasa yang digunakan dalam persembahan puisi berbentuk dialog. Tetamu Awang Had Salleh yang lain yang terdiri dari Dato Nordin Hassan, Zubir Ali, Jessica Lim, Zurinah Hassan dan Chan Su Yin juga telah memberikan persembahan yang menarik perhatian para penonton.



Profesor Diraja Ungku A. Aziz bersama Hashim pada malam persembahan puisi "Putih Biru Merah Jambu".

Rahman Shaari tampil pada malam itu dengan warna merah jambu sebagai lambang 'permasalahan manusia akibat tingkah sendiri'. Seperti biasa Rahman Shaari sering mempersempitakan puisi yang berunsur jenaka yang diselitkan dengan sindiran Tajam. Sajaknya "Gadis dengan Bulu Ayam" secara sifis memberi ingatan kepada para gadis remaja supaya menjaga kesucian diri. Tetamunya Profesor Madya Che Husna Azhari telah mempesonakan penonton dengan persembahan "bari" yang berunsur jenaka. Tetamu Rahman Shaari yang lain yang terdiri dari Ahmad Shukri Abdullah, Rozarina Mohd Rosli, Norzitah M. Noor, Marzana Abdul Talib, Afida Ahmad dan Rizal Yaacob juga telah memberi persembahan yang menarik.

Hashim dan rakan-rakannya mengambil masa dua minggu untuk membuat persediaan untuk persembahan malam itu. Namun dalam masa yang singkat itu mereka telah berjaya menghasilkan persembahan yang bermutu. Ini disebabkan semua yang mengambil bahagian dalam persembahan tersebut mempunyai kebolehan tersendiri dan penonton tidak jemu menonton kepelbagai bentuk persembahan. Dewan Balai Budaya Tan Syed Nasir yang penuh sesak sejak pukul 8.30 malam terus sesak sehingga persembahan selesai lebih kurang tiga jam selepas itu.

DEDIKASI DAN ILTIZAM

Penglibatan Hashim dalam dunia sastera tanah air menarik perhatian ramai pencinta seni. Persembahannya seringkali mendapat liputan meluas di media massa. Walau pun Hashim telah memperoleh kejayaan cemerlang dalam profesinya, beliau tetap menunjukkan dedikasi dan iltizam yang kuat dalam dunia sastera yang diminatinya. Oleh itu Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengambil keputusan menjemput beliau untuk membicarakan buku antologi sajak bertajuk *Luwatum Lain* hasil tulisan Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Tajuddin Wan Abdullah, seorang pensyarah dari Jabatan Fizik, Universiti Malaya.

Majlis perbincangan buku antologi tersebut berlangsung pada pukul 9.30 pagi hari Sabtu, 28hb September 1996 di Sudut Penulis Dewan Bahasa dan Pustaka. Turut sama membicarakan buku tersebut ialah Dr. Ismail Abdullah, pensyarah seni di Pusat Sent Universiti Sains Malaysia. Dalam majlis itu Profesor Madya Dr. Wan Ahmad Tajuddin Wan Abdullah telah mencentarkan

pengalaman yang telah beliau lalui yang menyebabkan beliau menulis puisi dalam antologi tersebut.

Walau pun baru pertama kali Hashim membicarakan sebuah buku antologi sajak, beliau telah berjaya memikat hati para hadirin dengan cara penyampaianya yang sangat menarik. Dengan menggunakan slaid Hashim telah menunjukkan gambar-gambar yang bersesuaian dengan jalan cerita sajak-sajak yang dibicarakan. Hashim juga telah berjaya mengupas isi sajak Wan Ahmad Tajuddin dengan berkesan dan menepat meskipun sebenarnya penulis ini disebabkan Hashim telah membuat persediaan rapi dan teliti sebelum membicarakan buku tersebut. Beliau telah berusaha memahami pengalaman yang telah dilalui oleh Wan Ahmad Tajuddin sebelum membuat hurahan tentang sajak-sajak tulisannya.

SITI WAN KEMBANG

Setelah berjaya menghasilkan dua buah antologi sajak dan sebuah antologi hasil penyelenggaraananya, kini Hashim sedang menyiapkan sebuah antologi sajak yang bertemakan negeri tempat lahirnya iaitu negeri Cik Siti Wan Kembang. Untuk tujuan itu Hashim telah mempelawa penulis dari seluruh negara untuk menyumbangkan sajak-sajak mereka yang bertemakan negeri Kelantan. Hashim mahu antologi tersebut menjadi sebuah hasil sumbang masyarakat kepada negeri Kelantan.

Dalam banyak keadaan, Hashim sentiasa mahu memberi peluang kepada orang lain untuk menyerai apa sahaja majlis yang diusahakan olehnya. Begitu juga dengan usahanya menghasilkan antologi penyelenggaraananya. Baginya peluang yang diberikan kepada penulis lain adalah satu cara untuk mengetengahkan hasil karya mereka. Ini adalah satu keumikan yang ada pada diri Hashim. Dalam dirinya tidak ada sikap mementingkan diri sendiri dan tamak untuk membolot sesuatu kejayaan.

BAB TUJUH

PEMINAT SETIA WAYANG KULIT

ABDULLAH bin Mohamed (1991:48-51) berpendapat bahawa wayang kulit merupakan suatu alat komunikasi yang dapat memberikan mesej atau risalah yang amat berkesan dalam pembentukan watak-watak rakyat dan peningkatan ilmu-ilmu rakyat. Pembentukan watak-watak wayang kulit dapat membentuk beberapa watak rakyat Kelantan yang terpenting seperti heradab dalam hubungan sosial; bijaksana dan sabar dalam penyelesaian masalah; berani dan perwira; dan berkata-kata dengan tegas dan lantang seperti dalang. Menurut Abdullah bin Mohamed lagi, wayang kulit banyak memberi sumbangan kepada ilmu sejarah dan sastera dengan cara yang berkesan dan mudah dininati.

Semenjak kecil lagi Hashim sangat meminati seni wayang kulit. Beliau sering dibawa oleh bapa saudaranya, Abdullah bin Taib yang lebih dikenali sebagai Pak Da pergi menonton persembahan wayang kulit. Pak Da sendiri pernah menjadi juru seruni bersama sebuah pasukan wayang kulit yang bergrat cergas di Kelantan, iaitu pasukan "Dollah Baju Merah". Hashim mutu melihat persembahan "Dollah Baju Merah" sejak beliau masih menuntut di sekolah rendah. Menurut Pak Da, Hashim terlalu meminati wayang kulit sehingga sanggup memanjat masuk ke belakang pentas untuk menyaksikan dengan lebih dekat.

DOLLAH BAJU MERAH

Dollah Baju Merah atau nama sebenarnya Abdullah bin Ibrahim tinggal di Kampung Batu Tinggi di Kok Lanas, Kelantan. Dia sudah bermain wayang kulit sejak kecil lagi. Pada perayaan menyambut tahun pertama merdeka, pertandingan wayang kulit telah diadakan di Kota Bharu. Abdullah dan rakan-rakannya yang seramai dua belas orang semuanya telah menang dalam pertandingan itu, dan telah dihadiahkan dengan sepasang baju warna merah setiap orang.

Selepas itu mereka masuk pertandingan yang kedua pula yang



Pak Da Abdullah, bapa saudara Hashim yang selalu membawa Hashim ke pertunjukan wayang kulit

diadakan di Kampung Kemumin, Sabak. Kali ini Abdullah dan rakan-rakannya memakai baju merah yang telah dimenangi dalam pertandingan yang pertama dahulu. Mereka menang lagi. Selepas pertandingan itu Abdullah mula dikenali sebagai "Budak Baju Merah".

Pada tahun yang sama Abdullah bermain di pekan Kok Lanas. Dalam pertandingan itu Abdullah dan rakan-rakannya melawan kumpulan Mohd Ali dan Joh Labak. Kali ini mereka menang lagi. Semenjak itu Abdullah dan rakan-rakannya selalu membuat persembahan wayang kulit. Setiap kali membuat persembahan, mereka akan memakai baju merah sehingga Abdullah dikenali sebagai "Dollah Baju Merah". Pada hari ini, walau pun usia Dollah Baju Merah sudah lima puluh lima tahun beliau masih mampu membuat persembahan wayang kulit.

TERHUTANG BUDI

Beliau amat terhutang budi kepada Hashim yang telah banyak mengetengahkannya. Dengan bantuan Hashim Dollah Baju Merah telah dapat membuat persembahan wayang kulit dalam LITCON '94, satu konferensi antarabangsa anjuran UKM dengan kerjasama PENA yang diadakan di hotel Shangri-La pada November 1994 dan dalam Konferensi Antarabangsa Pergigian Forensik di Hotel N.P.C. Petaling Jaya juga pada November 1994.

Dollah Baju Merah membuat sendiri watak-watak untuk permainan wayang kulitnya. Watak-watak tersebut dibuat daripada kulit lembu. Beliau sedia menerima tempahan watak-watak wayang kulit dan menjualnya dengan harga tertentu yang berpadanan dengan tenaga dan barang yang digunakan untuk membuat.

Dollah Baju Merah tidak keberatan untuk menceritakan serba sedikit tentang perkataan-perkataan yang digunakan dalam persembahan wayang kulit. Menurumnya ada tiga jenis penawar yang digunakan dalam wayang kulit, iaitu air manik astagina, air penawar sekacang kelat dan air penawar putih madu manis medan sila. Diantara ketiga-tiga penawar tersebut, air manik astagina ialah yang paling kuat.

Kebiasaannya apabila sesuanu watak dalam wayang kulit itu sakit, air penawar putih madu manis medan sila digunakan dahulu. Jika tidak



Vayan Xu
**DOLAH
BAJU**

Dollah Baju Merah rasa terhutang budi dengan Hashumi yang telah banyak membantunya.

sembuh, akan digunakan pula air penawar sekacang kelat. Air manik astagina hanya akan digunakan setelah kedua-dua penawar itu tidak muparab. Penawar-penawar tersebut digunakan untuk semua jenis penyakit seperti pengsan dan kena racun. Ketiga-tiga jenis penawar tersebut disimpan dalam bekas khas iaitu kendi kecil sekacang kelat setaman jiwa.

SANDIWARA

Keistimewaan yang ada pada sebahagian puisi-puisi tulisan Hashim ialah penggunaan bahasa wayang kulit. Penggunaan bahasa seperti itu membuat puisi-puisinya begitu unik. Hashim telah menggunakan nama-nama penawar sebagai tajuk antologi sajaknya. Sesetangah pemerhati mengatakan bahawa pemilihan itu sesuai dengan kerjayanya sebagai seorang doktor yang bertugas merawat pesakit. Tetapi Hashim mempunyai tujuannya sendiri memilih tajuk-tajuk tersebut. Beliau menganggap sajak-sajak tulisannya sebagai penawar hidupnya dikala duka.

Dalam beberapa buah sajak yang terdapat dalam antologi *Air Penawar Sekacang Kelat* Hashim menggunakan watak-watak dalam wayang kulit sebagai simbol watak-watak manusia yang ada kaitan dengan hidupnya di dunia ini. Cara tersebut menggambarkan seolah-olah manusia di dunia ini bermain sandiwara. Ada yang baik dan ada yang jahat. Hashim yang juga ujud dalam sandiwara tersebut membahasakan dirinya sebagai "aku" dan sentiasa mengadu hal kepada "Dollah" yang menjadi dalang dalam sandiwara hidup. Dalam sajak-sajak tersebut, Hashim seolah-olah mengadu nasibnya kepada "Dollah". "Dollah" yang disebut-sebut itu Dollah Baju Merah.

BAB Lapan

LAUT MANA TIDAK BEROMBAK

LAUT mana tidak berombak dan bumi mana tidak ditimpa hujan. Begitu juga dengan hidup makhluk Allah s.w.t. yang tidak akan lengkap jika tidak menerima ujian daripadaNya. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Al Ankabut ayat dua yang bermaksud "patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibisarkan dengan hanya berkata: 'kami beriman' sedangkan mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?"

Walau pun Hashim telah banyak memperolehi kejayaan dalam hidupnya, beliau tidak terlepas dari menerima ujian daripada Allah s.w.t. Ujian ini telah menambahkan kekuatan mental dan emosinya, kerana setelah berjaya mengatasinya, beliau lebih matang dalam hal mengendalikan masalah yang berkaitan dengan kerjayanya.

LANTANG BERSUARA

Semenjak kecil Hashim telah dididik supaya menjadi seorang yang berani bersuara dan bertindak untuk kebaikan dirinya dan orang yang rapat dengannya. Sifat kepimpinannya memang sudah terserlah sejak kecil. Apabila meningkat dewasa dan sudah bekerja, Hashim lebih peka terhadap perkara yang lebih besar dari hal-hal yang berkaitan dengan diri, keluarga dan orang yang rapat dengannya. Beliau peka terhadap nasib bangsanya dan sentusa berjuang untuk kebaikan sama-sama. Prinsip perjuangan Hashim ialah berusaha menaikkan taraf hidup bangsanya.

Dalam usaha menegakkan prinsip perjuangan hidupnya, Hashim lantang bersuara. Beliau tidak mahu berdiam diri sahaja dan membikarkan perkara yang tidak disenanginya berlaku di hadapan mata sewenang-wenangnya. Beliau juga bukan jenis manusia yang hipokrit. Apa yang difikirkan tidak baik akan diungkap sekeras-kerasnya. Sikapnya ini tidak disenangi oleh segerintir pihak atasaran yang kemudiannya telah cuba sedaya upaya memusnahkan hidupnya.

KENA PECAT

Pada tahun 1989, ketika Hashim menjadi Dekan Fakulti Pengajian Universiti Malaya beliau telah menjadi mangsa berbagai tuduhan tidak berasas oleh pihak yang tidak menyenanginya. Kemuncak dari itu Hashim telah dipecat dari jawatan Dekan pada 10hb Julai 1989, sebelum tindakan tatatertib dikenakan ke atasnya. Beliau telah diarahkan berpindah dari bilik Dekan ke sebuah bilik yang kecil di bangunan fakulti tersebut. Dari situ bermulaalah detik hitam dalam hidup Hashim.

Ketika menghadapi kesusahan seperti yang dialami oleh Hashim ketika itu, ulangkah baik sekiranya ada kawan-kawannya yang bersimpati atau memberi sokongan moral. Malangnya ada kawan-kawan yang dahulu rapat dengannya telah menjauahkan diri. Sedarlah Hashim bahawa kawan ketawa mudah diperoleh tetapi kawan menangis sukar dicari. Hashim benar-benar kecewa dengan sikap kawan-kawannya itu. Ketika itu behau terasa sayu henar kerana disisih oleh kawan-kawan sebegitu rupa, lalu dengan rasa terharu dan terluka, beliau telah melepaskan perasaannya dengan menulis sajak yang berbunyi:-

*Sebatang kara
aku menyusur pantai
dan melihat
pasir
rekah berderai
di bawah telapak kakiku
Gulita malam pun turun
menyelubungi hidupku
dengan gundah dan gementar.*

Sajak tersebut menceritakan betapa sunyi terasa hidupnya setelah disisih oleh kawan-kawannya. Kegelapan menyelubungi hidupnya. Namun segala-galanya telah berlaku dan Hashim sedar bahawa beliau tidak seharusnya terus berduka. Beliau juga sedar bahawa tanggungjawabnya sebagai seorang suami dan bapa harus diteruskan. Beliau tidak harus membiarkan kewibawaan dirinya tergugat disebabkan oleh kerena orang yang cuba mengkhianatunya.

Dengan kesedaran itu, Hashim telah menanamkan keazaman untuk mengatasi segala keresahan yang mengganggu hidupnya. Beliau yakin bahawa keadilan akan menyerlah dan sudah tentu yang benar akan mendapat pembe-

laan. Dengan perasaan begitu Hashim telah menulis..

*Aku harus terus berjalan
Kearah bumi yang kukuh
Di situ kan ku tunggu esok hari
hingga terbit mentari
menyinar sinar hakiki.*

Kedua-dua rangkap sajak tulisan Hashim ini kemudiannya telah dimuatkan dalam antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelat* dibawah tajuk *Menaruh Harapan*

PERBICARAAN TATATERTIB

Dalam perbicaraan tataterrib yang dijalankan beberapa bulan selepas tuduhan dibuat, Hashim telah didapati tidak bersalah. Namun Vendeta orang-orang tertentu terhadap Hashim belum berakhir. Mereka tidak puas hati dengan keputusan yang menyebelahi pihak Hashim.

Pada tahun 1990, iaitu beberapa bulan selepas perbicaraan tataterrib yang pertama dijalankan ke atas Hashim, beliau telah dihadapkan dengan pertuduhan yang kedua pula. Kali ini Hashim dituduh membuat pengakuan bahawa beliau mempunyai satu kelayakan akademik yang dikenali sebagai Primary MRCPPath. Penuduh percaya Hashim tidak mempunyai kelayakan tersebut. Jika didapati bersalah penuduh yang berkuasa bermat supaya Hashim dibuang kerja atau diturunkan pangkat.

Sebenarnya pertuduhan tersebut telah dibuat tanpa diteliti terlebih dahulu kerana Hashim memang mempunyai kelayakan tersebut. Oleh kerana yakin berada di pihak yang benar, Hashim tidak gentar dengan pertuduhan tersebut. Dalam perbicaraan tataterrib kali kedua terhadap Hashim, beliau didapati tidak bersalah. Dengan itu sahlah Hashim telah teramaya. Ternyata kemenangan berpihak kepada yang benar. Kemenangan ini menambahkan kekuatan Hashim untuk terus berjuang berlandaskan kebenaran.

Hashim percaya bahawa kemenangannya itu adalah pertolongan dari Allah s.w.t. yang telah menjinkan kemenangan kepada orang yang dizalimi. Sememangnya Allah s.w.t. melindungi mereka. Untuk merakamkan rasa

syukurnya kepada Allah s.w.t. Hashim telah menulis sajak "Terima Kasih Tuhan" yang terdapat dalam antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelat*:

*Terima kasih tuhan
diatas hidayahmu
membantu aku menempuh dugaan
yang Engkau takdirkan keatasku
dengan sabar dan yakin.
Sungguhpun hati terluka
pedihnya sementara saja
parah tidak ketara.
Parut pun tidak nyata.*

FITNAH

Walau pun segala tuduhan yang dibuat ke atas Hashim dapat diatasi dengan kemenangan berpihak kepadanya, musuh-musuhnya masih belum puas hati. Mereka masih menabur fitnah ke atas Hashim. Kali ini mereka menuduh bahawa Hashim ialah seorang ahli parti politik Semangat 46. Dengan tuduhan tersebut mereka berharap agar orang yang memusuhi parti Semangat 46 tidak akan bersympati dengan nasib Hashim.

Ketika ini Hashim rasa perlu berjumpa dengan beberapa orang yang berpengaruh untuk menerangkan kedudukan yang sebenar. Beliau telah memberitahu bapanya yang memegang jawatan Ketua Cawangan Kampung Batu Hitam tentang perkara ini dan memintanya supaya menerangkan kedudukan yang sebenar kepada Hashim Safin, Ketua UMNO Bahagian Tanah Merah, yang ketika itu juga Timbalan Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Walau bagaimana pun Pak Teh Akob tidak berani mengutarakan hal ini kerana bimbang akan terjadi perkara yang lebih buruk.

Kemudian Hashim sendiri telah berusaha untuk pergi berjumpa dengan orang yang berpengaruh untuk menerangkan keadaan yang sebenar. Malangnya hasrat itu tidak dapat dilaksanakan. Hashim rasa sungguh kecewa kerana pihak atasan hanya mendengar cerita sebelah pihak sahaja, sedangkan dari pihaknya sendiri tidak berkesempatan untuk membela diri. Perasaan kecewanya itu telah diabadikan dalam sajak "Tok Penghulu" yang terdapat dalam antologi sajak *Air Penawar Sekacang Kelat*. Antara kata-kata yang terdapat dalam sajak tersebut ialah:-

*Tiga tahun
dilanda nestapa
ingin kuluah
segala duka*

.....
*Tok Penghulu ku
yang elok rupa
lembut kata
dan tampak mesra
rupanya sukar
walau untuk bersua.*

SERBA-SALAH

Semenjak dipecat dari jawatan Dekan pada tahun 1989 sehingga bertengahan tahun 1994, Hashim tidak diberi sebarang tugas pentadbiran di akulturnya sendiri, walau pun beliau seorang profesor. Beliau juga tidak dilantik sebagai Ketua Jabatan dalam Jabatan Patologi Mulut dan Perubatan Mulut. Walau pun beliaulah ahli akademik yang terkenan di jabatan tersebut, sedangkan perkara ini lazimnya berlaku di jabatan lain.

Hal ini kadangkala telah menimbulkan perasaan serba-salah dalam abatan kerana ahli yang tua dan berpengalaman dibelakangkan sedangkan yang kurang berpengalaman diminta menjalankan tugas memimpin. Walau bagaimana pun tiad: siapa yang boleh buat apa-apa untuk mengatasi perkara ini kerana jawatan Ketua Jabatan dilantik oleh pihak atas, bukan dipilih oleh sebuah Badan atau Lembaga yang mengandungi ahli.

Hashim sendiri tidak mengutarakan isu ini secara terbuka, tetapi beliau telah sempat merakamkan pendapatnya sendiri tentang perkara ini melalui tulisan sajak "Tua Muda" sebagaimana yang terdapat dalam antologi

sajak *Air Penawar Sekacang Kelat*:

*sering yang muda
dianggap lebih pandai
daripada yang tua.
Walaupun yang tua
asalnya muda,
dan yang muda
belumpun tua.*

LEMBAGA PEMILIH KENAIKAN PANGKAT

Walau pun terdapat orang-orang tertentu yang mahu menjatuhkan Hashim, masih ada juga yang mahu beliau menjadi pemimpin. Beberapa orang kakitangan kanan akademik telah meminta supaya beliau bertanding merebut jawatan ahli Lembaga Pemilih Kenaikan Pangkat ke Profesor Madya dan Profesor di Universiti Malaya. Ini disebabkan mereka tahu Hashim berani bersuara dan memperjuangkan nasib mereka. Hashim rasa terharu dengan perintiaan mereka, lalu membuat keputusan untuk bertanding.


Hashim menang dalam pertandingan tersebut dan mula menjadi ahli Lembaga Pemilih Kenaikan Pangkat pada tahun 1993 sehingga 1995. Jawatan tersebut dipegang buat kali kedua. Kali pertama ialah pada tahun 1987, sehingga 1988. Dengan kemenangan itu jelaslah bahawa kejatuhan Hashim ialah kehendak segelintir manusia sahaja, sedangkan majoriti dari kakitangan akademik Universiti Malaya mahu beliau terus mewakili mereka. Kemenangan ini telah membuat Hashim lebih bersemangat dan berkeyakinan untuk menjalankan kewajibannya.

MAJLIS UNIVERSITI

Dalam mana-mana universiti, badan paling tinggi dan berkuasa yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan segala urusan universiti ialah Majlis Universiti, yang dianggotai oleh beberapa orang yang dipilih khas. Dua orang daripada ahli Majlis Universiti Malaya adalah terdiri dari wakil senat universiti itu yang perlu dipilih oleh ahli-ahli senat itu sendiri. Apabila kekosongan berlaku selepas beberapa ketika kematian, Hashim sekali lagi diminta bertanding merebut jawatan tersebut. Pelawaan ini diterima oleh

Hashim dengan hati terbuka.

Dalam pertandingan itu, Hashim menang lagi. Jadi bermula pada tahun 1994 sehingga sekarang, beliau menganggotai Majlis Universiti Malaya. Ini membuktukan bahawa khidmat baktinya diperlukan oleh majoriti masyarakat Universiti Malaya yang ternyata menghormati beliau. Yang anehnya, ketika beliau mula dipilih memegang jawatan tersebut, beliau tidak memegang jawatan Ketua Jabatan di jabatannya sendiri. Ini disebabkan jawatan tersebut dilantik oleh pihak atasan sedangkan jawatan ahli Majlis Universiti puja dipilih oleh masyarakat universiti.



Hashim di tauliah sebagai Letjen Komander dalam Tentera Laut Di Raja pasukan sumpanan 1991 Panglima Tentera Laut Di Raja Malaysia, Tan Sri Mohd Shariff menyampaikan sijil

LEFTENAN KOMANDER

Sifat keperwiraan yang ada pada diri Hashim memang sudah sejak kecil lagi. Ini mungkin disebabkan bapanya sendiri pernah menjadi anggota pasukan "Home Guard" yang bertanggungjawab mengawal kampung ketika Malaya di bawah pemerintahan penjajah dahulu. Darah keperwiraan yang mengalir dalam tubuh bapanya telah ikut mengalir dalam tubuhnya.

Ketika jiwynya sedang dilanda masalah, semangat juangnya semakin kuat membara. Beliau rasa perlu untuknya menambahkan kekuatan yang ada pada dirinya untuk menghadapi masalah yang melanda. Api perjuangan mempertahankan nasib anak bangsa tidak pernah luput didadanya. Maka pada awal tahun 1990, beliau telah mendaftarkan diri untuk berkhidmat dalam pasukan sukarela Tentera Laut DiRaja Malaysia. Sesungguhnya apa yang dilakukan ini bertepatan dengan masanya. Latihan ketenteraan yang diperlukannya tetap memberi kekuatan kepada jiwa yang rungsing dan sedang diilanda musibah.

Setahun kemudian, Hashim telah ditauliahkan sebagai pegawai herpangkat Leftenan Komander dalam pasukan tersebut. Tauliah yang telah dianugerahkan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong itu merakamkan ucapan baginda dalam sijil penganugerahan yang berbunyi: "Bahwasanya sebagai menimbangkan taat setia serta keberanian dan tingkah-laku yang terpuji yang ditunjukkan oleh Hashim bin Yaacob, maka Beta dengan suacitanya menganugerahkan tauliah ini"



Lettenan Komander Hashim Yaacob dalam Pasukan Simpanan Tentera Laut DiRaja Malaysia. Gambar diambil pada tahun 1995.

DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM

Hashim akui pengetahuannya mengenai agama Islam tidaklah begitu luas sedangkan kehidupan dan masyarakat sekelilingnya perlu berpandukan lunas-lunas Islam. Demagn itu Hashim telah mengambil inisiatif untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dengan mengambil kursus Diploma in Islamic Studies. Beliau berjaya memperoleh sijil tersebut pada tahun 1992. Pengalaman yang diperoleh daripada kursus ini telah membantunya mententeramkan jiwa disaat beliau menghadapi masalah. Selain itu beliau dapat mengenalpasti cara mentadbir urusan kerja mengikut lunas-lunas keislaman.

KASIH IBUBAPA

Ketika menghadapi saat cemas seperti ini, kerana tidak ada kawan yang sudi bersama dan tidak ada pula orang yang berpengaruh memberi kesempatan kepadanya memberi penjelasan. Hashim rasa terhutang budi kepada kedua ibubapanya yang sentusa bersamanya dimasa susah dan senang. Lalu teringat Hashim pada kata-kata "kasih ibu membawa ke syurga, kasih bapa sepanjang masa".

Hasil dari didikan ibubapalah, maka Hashim telah memperoleh kekuatan untuk meneruskan hidup dengan tabah dan berani. Ibubapanya sentusa memberi sokongan kepada anak-anaknya dalam usaha yang dijalankan. Walau pun Pak Teh Akob dan Mak Teh Minah tidak tahan apa sebenarnya yang telah berlaku ke atas Hashim, mereka dapat menyelami perasaan anak kesayangan mereka yang sedang dilanda duka. Merekalah yang memberi sokongan moral kepada Hashim. Tanpa sokongan mereka Hashim mungkin terasa lebih tersisih.

Ketika dirinya disisih oleh kawan dan diseksa oleh lawan, Hashim rindu pada belaian kasih ibubapanya. Beliau terkenangkan kasih sayang yang diberikan ibubapa ketika beliau masih kecil. Ketika ini jugalah Hashim memohon pertolongan mereka untuk mendoakan kesejahteraan. Lantaran itu beliau telah menulis sebuah sajak yang bertajuk "Tolong Aku Ayah, Tolong Aku Ibu" yang terdapat dalam antologi sajak *Air Manik Astagina*:

*Tolonglah aku anak:
simbahkan air pengaman jiwa
pemadam bara, yang hanya
kau tahu rahsianya
Tiada terkawal lagi aku
api yang menyala.
Tolonglah aku ibu
tawarkan panas di dada
kebahakan demam yang kian ketara.
Aku rindukan teduhan dingin dakapan
tangan lembutmu, belaihan
kastil hatumu ibu sepanjang jalan.*

Sajak tersebut benar-benar menghiris perasaan pembaca, lebih-lebih lagi kalau dapat menghayati perasaan yang dialami oleh Hashim ketika itu. Bagi Hashim, ketika beliau dilanda kesusahan seperti itu terasa olehnya mahu kembali ke dakapan manja ibunya seperti semasa beliau kecil dahulu.

Selain ibuhapanya, isteri Hashim juga telah banyak memberi sokongan kepadanya. Sebagai seorang kakitangan akademik di sebuah universiti, Sri Nurestri lebih memahami tentang masalah yang melanda hidup suaminya. Dengan itu beliau sering memberi dorongan kepada suaminya supaya terus menjalankan tugas. Ketika milah Hashim sedar akan pengorbanan isterinya yang tidak ternilai itu, lalu buat pertama kalinya beliau telah merakamkan rasa termurah kasihnya kepada Sri Nurestri melalui tulisan beberapa buah sajak yang terdapat dalam kedua-dua antologi sajaknya.

Ketika menghadapi krisis dalam hidupnya, Hashim juga sedar betapa pentingnya kasih sayang dipupuk di kalangan ahli keluarga supaya mereka boleh memberi sokongan ketika berada dalam kesusahan. Lebih-lebih lagi sekiranya diputus oleh kawan-kawan sebagaimana berlaku ke atas Hashim. Kasih sayang oleh ahli keluarga boleh menyelamatkan jiwa seseorang dari terus terhimpit oleh perasaan duka.

Waktu mengalami krisis tersebut beliau banyak menulis sajak untuk melepaskan rasa terbuku di dada. Sajak-sajak tuhsannya ini mencerminkan prinsip perjuangannya. Sajak-sajak tersebut telah diabadikan dalam dua buah antologi iaitu *Air Penawar Sekacung Kelat* dan *Air Manik Astagina*.

Sewaktu mengalami krisis Hashim bertekad untuk terus berjuang kerana dia berkeyakinan bahawa dia berada di pihak yang benar. Kekuatan mental dan emosi yang ada pada dirinya membolehkan beliau terus menjalankan tugas walau pun masyarakat sekelilingnya mengenepikunnya. Kekuatan ini membolehkan beliau terus berusaha untuk mencari jalan mengatasi masalah dan ternyata beliau berjaya juga akhirnya.

BAB SEMBILAN

ARANG DI MUKA TERBASUH JUA

ALLAH S.W.T. telah berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 214 yang bermaksud: "Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga. padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu?" Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan harta benda) dan serangan penyaku, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada besertanya: "Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?" Ketahuilah, sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah.)"

Selama lebih kurang lima tahun Hashim ditimpa musibah, beliau tetap bersabar dan berserah nasibnya kepada Allah s.w.t. Beliau tetap terus menjalankan tugasnya walau pun dalam keadaan yang benar-benar tertekan. Walau pun dalam tempoh lima tahun beliau hidup dalam kegelapan.. akhirnya arang yang terconteng di mukanya terbasuh jua. Ini disebabkan beliau sememangnya tidak bersalah.

NAIB CANSELOR BARU

Semasa berada dalam kedukaan, Hashim sangat berharap agar segala-galanya akan pulih semula. Beliau muah berkhidmat tanpa diganggu dengan syak wasangka yang bukan-bukan dari pihak tertentu. Hashim juga berharap agar segala-gala yang telah berlaku dapat diadil dengan wajar. tanpa sebarang bias yang menjurus ke arah pentadbiran yang tidak adil. Dengan harapan begitu, Hashim telah menulis sebuah sajak:-

*Wahai masa, penentu semua
aku sudah lama berkelana.
Datanglah kedepanku segera
bertatangkan dacing pengira
Kita herguamu kita berbela.*

Pada tahun 1993 Yang Berbahagia Dato Dr. Abdullah Sanusi bin Ahmad mula berkhidmat sebagai Naib Canselor baru di Universiti Malaya. Kedatangan beliau adalah seperti pucuk dicia ulam mendatang bagi Hashim. Sememangnya tokoh yang dinanti-nantikan ini seorang yang berwibawa dan berpengalaman luas dalam bidang pengurusan manusia.

SURAT LAYANG

Pada suatu pagi bulan Jun tahun 1994, Hashim telah dijemput oleh Naib Canselor ke pejabatnya. Hashim tidak diberitahu apa-apa tentang tujuan pertemuan tersebut. Walaupun bagaimana pun, beliau menyambut jemputan itu dengan hati terbuka. Inilah peluang yang ditunggu-tunggunya kerana sepanjang tempoh beliau disingkirkan kesempatan begum tidak pernah diperolehnya.

Dalam perjumpaan itu, Yang Berbahagia Dato Dr. Abdullah Sanusi telah memberitahu Hashim bahawa beliau telah menerima sepucuk surat layang yang memburukkan Hashim. Tujuan beliau memanggil Hashim ialah untuk berbincang berkeraan perkara tersebut dan beliau mahu mendengar penjelasan dari Hashim sendiri berkeraan perkara tersebut.

Hashim tidak terkejut mendengar tentang surat layang tersebut kerana beliau memang sudah menjangka dari awal lagi bahawa musuh-musuhnya itu masih berusaha menghancurkan hidupnya. Mereka jugalah orang-orang yang tidak bertanggungjawab kerana melempar batu tetapi menyembunyikan tangan. Kemarahan Hashim terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab ini telah dilahirkan dalam sajaknya "Menara Gadingku" yang terdapat dalam antologi puisi *Misi*:

*Dalam ghairah tuju kecenterlanggan
memaju sebar pengetahuan
menjurung kemuliaan
membina citra
membikin universiti perdana.
Masih ada cendikiawan
gubah warkah tak bertandatangan
sembur racun pada luwan
guntung dalam lipatan.*

*Masih adu ilmu an
layang surat tak bertuan
tikam curi dada lawan
buang batu sembunyi tangan.*

Walau bagaimana pun Hashim rasa terharu kerana Naib Canselor yang baru itu telah sudi menjemputnya untuk memberi penjelasan tentang perkara tersebut. Hashim bersyukur kerana Naib Canselor ini bukan jenis orang yang mudah terpedaya dengan fitnah. Sebaliknya beliau telah bertindak bijak kerana memanggil Hashim dan memberi peluang kepada dirinya untuk membela diri. Beliau menganggapnya sebagai anugerah yang besar dari Allah SWT yang telah memakbulkan doanya supaya dapat kesempatan seperti ini.

SEBAK DADA MENAHAN AIR MATA

Dalam pertemuan tersebut, Yang Berbahagia Dato Dr. Abdullah Sanusi juga telah meminta Hashim menceritakan kepadanya tentang apa sebenar yang telah berlaku selama lebih kurang lima tahun yang lepas. Tanpa melengahkan masa Hashim terus memulakan ceritanya. Tetapi belum sempat Hashim menamatkan ayatnya yang pertama, beliau terhenti kerana tidak dapat menahan sebak di dada. Matanya merah kerana menahan air mata.

Selama lima tahun ditimpa musibah, Hashim tidak pernah mendiskan air mata. Kali ini beliau rasa sebak kerana Naib Canselor sudi mendengar rintihan hatinya yang telah terbuku sekian lama. Terharu benar rasanya kerana selama lima tahun beliau tercari-cari orang atasan yang sudi mendengar rintihannya, tetapi tiada sesiapa yang sudi. Berlainan pula dengan pemimpin ini yang telah memanggil Hashim sendiri supaya datang berjumpa dengannya. Yang Berbahagia Dato Dr. Abdullah Sanusi mungkin dapat membaca perasaan Hashim ketika itu. Beliau telah mengalihkan pandangannya ke tempat lain buat seketika. Hashim gagahkan diri dan meneruskan ceritanya.

Pertemuan dengan Naib Canselor itu adalah satu rahmat besar untuk Hashim. Dua minggu selepas pertemuan tersebut, Hashim telah dilantik sebagai Dekan Fakulti Pergigian Universiti Malaya untuk kali keduanya. Tidak dapat dibayangkan betapa bersyukurnya Hashim kepada hadrat Ilahi yang telah mengenyalikan suasana ceria dalam hidupnya. Atas rasa terima

kasih yang tidak terhingga kepada Dato Dr. Abdullah Sanusi, Hashim juga telah menulis dalam buku catatannya sebuah sajak khas untuk pemimpin tersebut:-

*Air mataku
yang menitis ke dalam hati
tika kita bertemu
adalah saksi
akan keadilanmu.
Maka berwasilah kau
bilamana perlu
pada air mataku yang gugur
di atas budimu.*



Majlis penyampaian Sijil khidmat setia oleh Sultan Azlan Shah. Sijil di kurniakan kerana berkhidmat dengan Universiti Malaya selama 20 tahun pada 1995.

MENGHARUMKAN NAMA MALAYSIA

Nasib manusia yang ditimpa musibah seperti Hashim adalah ibarat sebutir permata bermutu yang sengaja dibenam ke dalam lumpur bernoda agar tidak dapat menyerlahkan sinarnya. Namun sinar cahaya permata itu tidak akan hilang walau selama mana pun ia terbenam. Malah mutunya makin bertambah nilainya sekiranya ditemui semula. Begitu juga dengan kehidupan Hashim yang telah sekian lama terpinggir dan teranaya. Akhirnya sinar menjelma juga dalam hidupnya. Kepakaran dan kepandaianya dalam bidang pergigian terserlah di mata dunia. Ini dapat dibuktikan dengan dua anugerah cemerlang yang telah diperolehnya dalam jarak masa yang tidak lama.

Pada bulan April 1995 Hashim telah mencipta sejarah apabila menjadi orang pertama dari Asia yang dikurniakan anugerah kehormat Fellowship in Dental Surgery of the Royal College of Surgeons of England (FDSRCS Eng). Anugerah berprestij itu telah disampaikan oleh wakil Royal College of Surgeons of England (FDSRCS Eng). Profesor John Hobkirk di Persidangan Antarabangsa Pergigian Kuratif yang diadakan di Kuala Lumpur pada April 1995. Anugerah itu telah mengharumkan nama Universiti Malaya (UM), khasnya Fakulti Pergigian dan menaikkan imej Malaysia. Penganugerahan tersebut dijangka mewujudkan kerjasama dua hala diantara Malaysia dan Britain dalam perubatan pergigian (Harian Metro, Selasa, 11hb April 1995).

Kemudian pada pertengahan bulan Julai tahun 1996 sekali lagi Hashim telah menerima anugerah yang mengharumkan nama Malaysia. Kali ini beliau telah menerima Anugerah Fellow Pengasas Patologi Mulut daripada The Royal College of Pathologist of Australasia, Australia. Anugerah itu telah diperkenalkan kali pertama oleh kolej tersebut. Seramai dua puluh orang dari seluruh dunia diberi penghormatan untuk menerima anugerah cemerlang itu dan Hashim ialah penerima tunggal dari Asia.

Hashim telah dipilih menerima anugerah tersebut kerana kecemerlangan sumbangan beliau dalam penyelidikan dan perkhidmatan patologi mulut sangat. Pembabitannya dalam dunia perubatan patologi mulut telah sampai ke tahap di mana beliau layak diberi penghormatan tertinggi. Anugerah yang diterima ini ialah yang tertinggi dalam dunia perubatan dan pembedahan pergigian.

Kedua-dua anugerah yang telah diterima Hashim itu membuatnya dikenali dan dihormati dalam dunia perubatan pergigian peringkat antarabangsa. Anugerah ini juga membolehkan beliau merancang dan mengatur strategi untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pergigian di Malaysia agar mencapai ke tahap yang lebih cemerlang. Sebagai dekan di Fakulti Pergigian Universiti Malaya beliau berusaha menaikkan taraf institusi itu ke tahap yang lebih tinggi dengan mengatur berbagai rancangan untuk peningkatan mutunya.

BUMI KUKUH

Pengalaman pahit yang telah ditempuh oleh Hashim telah berlalu. Kalau dahulu sajak-sajak tulisannya dalam dua buah antologi yang sudah diterbitkan menceritakan tentang kedukaannya, Hashim berhasrat untuk menghasilkan sebuah lagi antologi sajak yang menceritakan bahawa beliau sudah berjaya mengatasi krisis dalam perjuangannya dan bukan lagi terpinggir seperti dulu. Beliau sudah menemui bumi yang kukuh untuk berpijak dan menganggap kejayaannya ini sebagai berkat pertolongan Allah s.w.t. Hashim mahu terus berjuang dengan berlandaskan kebenaran dan kepercayaan kepadaNya.

Dengan kedudukannya yang kembali kukuh itu Hashim berazam untuk meningkatkan usaha menaikkan taraf Fakulti Pergigian Universiti Malaya yang kini diterajuinya. Keyakinannya tentang perkara ni telah dilahirkan dalam sajaknya "Binalah Kembali Melakamu" yang terdapat dalam antologi puisi *Misi*:

*Tun
Binalah Melakamu
dengan setia Si Tuah
bara Si Jebat
sekata Kasturi Lekir dan Lekiu.
Kukuh itu puncanya setia
bara penghindar leka
sekata untuk mara*


Seterusnya dalam sajak "Menggamit Bintang" yang juga terdapat dalam antologi puisi *Misi*, Hashim membayangkan bahawa pucuk kepimpinan yang ada ini membolehkan beliau mencapai kejayaan seperti mencapai bintang

langit. Dengan rasa gembira beliau menyeru kawan-kawannya agar turut berusaha mengikut rentak kepimpinan tersebut:

*Mari
kita tari rentak mentari
mandi di cahaya bulan.
Kita gamit dengan tangan
bintang-bintang gemerlap.*


Sebagai satu langkah yang tegas, Hashim berazam untuk menaikkan taraf ijazah pergigian Universiti Malaya dengan menjemput wakil dari The General Dental Council of Great Britain untuk datang ke Fakulti Pergigian Universiti Malaya pada tahun 1997 untuk memeriksa dan menilai para graduan program ijazah pergigian dan seterusnya memberi pengiktirahan kepada mereka yang benar-benar layak. Sekiranya para graduan fakulti ini layak berpengiktirafan oleh badan tersebut, ini bermakna taraf ijazah yang dimiliki oleh mereka sangat tinggi nilainya.

Cadangan ini sudah dipersetujui oleh Naib Canselor Universiti Malaya, Dato Dr. Abdullah Sanusi Ahmad. Pengumumannya telah dibuat oleh Hashim sempena perayaan Jubli Perak Fakulti Pergigian Universiti Malaya. Cadangan seperti ini sebenarnya sudah lama difikirkan oleh Hashim. Beliau pernah mengemukakan cadangan tersebut semasa Profesor DiRaja Ungku A. Aziz menjadi Naib Canselor Universiti Malaya. Ketika itu Profesor DiRaja Ungku A. Aziz sangat gembira dengan cadangan tersebut dan telah menggalakkan Hashim supaya berusaha mencapainya. Hashim percaya anugerah Fellowship in Dental Surgery of the Royal College of Surgeons of England (FDSRCS Eng) yang telah diperolehnya pada tahun 1995 telah memudahkannya berurusan dengan pihak Britain untuk mendapat persetujuan.



Hashim bersama Dato Dr Abdullah Sanusi Ahmad, Naib Canselor Universiti Malaya yang berpengalaman luas dalam pengurusan manusia. Kepadanya Hashim berkata:

*...Dan kau pun renjis air kelar setaman jwta
Kemukaku yang luluh.
Lalu pulih sediakala seperti adat purba.*




Haslim orang yang pertama dan tunggal di Asia menerima pengarahan FDSRCS (Eng) Ad Eundem dari The Royal College of Surgeons England pada tahun 1995.

WATSON
(2)
KAZI

SATU PENEMUAN BARU

Pada bulan Ogos 1997 yang lalu, Hashim telah sekali lagi mencipta nama dalam arena perubatan apabila beliau membuat pengumuman tentang satu penemuan baru dalam bidang perubatan pergigian. Beliau bersama Profesor M. Yadav telah mengetuaui satu kumpulan empat penyelidik yang lainnya terdiri dari Dr. Khoo Suan Phaik dan S. Nambiar, dan mereka telah menemui tempat di mana virus HHV-7 (Human Herpes Virus-7) membiak, iaitu dalam kelenjar liur manusia. Penemuan ini adalah yang pertama di dunia dan penemuan yang amat penting ini akan memberi laluan kepada penyelidik di seluruh dunia untuk membuat kajian yang lebih mendalam dalam bidang ini dan seterusnya menjadikan lagi bidang perubatan ini.

Kejayaan yang amat membanggakan ini telah menaikkan nama Hashim dan rakan-rakannya dalam bidang perubatan pergigian. Khususnya di negara kita. Mereka dapat membuktikan pada dunia bahawa mereka mampu membuat penyelidikan yang begitu penting sekali dalam dunia perubatan.



Profesor Dato Dr. Hashim Yaacob bersama Profesor Dr. M. Yadav menunjukkan gambar virus HHV-7 dalam kelenjar air liur.

BAB SEPUULUH

MUTIARA BATU HITAM

HASHIM tidak pernah lupa akan asal usulnya, walaupun hidupnya jauh berbeza dari keadaannya dahulu. Beliau tidak pernah lupa akan nasib diri dan keluarganya yang dahulu tersangat susah. Malah kenang-kenangan itu membuat beliau lebih peka terhadap kesusahan orang lain. Beliau sentiasa bersedia menghulurkan bantuan untuk sesiapa sahaja yang difikirkan benar-benar dalam kesusahan, tidak kira bangsa, di mana mereka tinggal atau apa kerjaan mereka. Perubahan nasibnya bukan sahaja membawa rahmat besar kepada penduduk Kampung Batu Hitam, tetapi kepada seluruh masyarakat ang mengenalinya, khususnya di Fakulti Pergigian Universiti Malaya.

Kehadiran Hashim dikalangan penduduk Kampung Batu Hitam diibaratkan seperti sebutir mutara menyerlah dan menyinari kegelapan hidup mereka. Ini disebabkan saudara-maranya yang tinggal di kampung tersebut emuanya susah belaka. Kedudukan Hashim yang jauh lebih tinggi dari mereka di kampungnya menjadikannya tempat tumpuan mereka yang perlukan pertolongan, nasihat dan tunjuk-ajar. Sebab itulah Hashim sering menjadi tumpuan orang kampung setiap kali beliau balik.

JANJI MANIS

Kesanggupan dan kesungguhan Hashim berusaha membantu orang kampungnya telah menarik perhatian beberapa orang untuk mengesyorkan upaya beliau bergiat aktif dalam politik. Walaupun pun pujukan orang kampungnya belum berjaya menambat hati Hashim supaya bergiat aktif dalam politik. Ini tidak bermakna Hashim tidak mengambil berat tentang hal-hal politik dalam negara. Beliau menjadi ahli biasa dalam UMNO di kampungnya, sedangkan bapanya pula aktif dalam UMNO. Pak Teh Akob memegang jawatan Ketua Cawangan Kampung Batu Hitam. Hashim belum memikirkan tentang penglibatan secara serius kerana khawatir kalau-kalau beliau akan terperangkap dengan janji-janji manis yang tidak dapat ditunaikan sekiranya beliau bergiat aktif dalam politik. Namun Hashim tidak menolak sebarang kemungkinan berlaku di mana beliau mungkin harus membuat sesuai keputusan yang baik untuk khidmat kemasyarakatan.

Pada masa ini kedudukan beliau sebagai seorang profesor sudah dimanfaatkan dengan sebaiknya untuk berbakti kepada bangsanya. Bakti yang dicurahkan kepada kakitangan di fakultinya, pelajar-pelajarnya, rakan-rakan sekerja, pesakit-pesakitnya, kawan-kawan dan tidak ketinggalan mereka yang mengenalinya sudah cukup membuktikan bahawa beliau memang seorang yang mempunyai dedikasi yang cemerlang terhadap khidmat kemasyarakatan.

Kecemerlangan perkhidmatan Hashim terhadap masyarakat mendapat pengiktirafan apabila beliau dianugerahkan dengan pingat "Dato Paduka Setia Mahkota Kelantan" oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Kelantan sempena sambutan Hari Keputeraan baginda ke 47 pada 30hb Mac 1997 yang lalu. Anugerah tersebut membawa gelaran "Dato" padanya.



Prof. Dato Dr. Hashim Yaacob pada hari penerimaan anugerah dari KDYMM Al Sultan Kelantan Sempena Sambutan Hari Keputeraan baginda yang ke 47 pada 30hb Mac 1997 yang lalu.

TIADA GUNUNG YANG TIDAK DAPAT DIDAKI

Tiada gunung yang tidak dapat didaki dan tiada turah yang tidak dapat diturum. Sekiranya kita berhajatkan sesuatu kita harus berusaha dan sanggup menghadapi cabaran untuk mencapainya. Bagi Hashim pula segala hajat harus dimulai dengan azam yang harus disemat dalam hati. Dengan azam itu kita harus pula berusaha sehingga berjaya. Memang sejak di bangku sekolah lagi Hashim sentiasa menyimpan cita-cita dan cita-citanya itu semua berhasil.

Apabila Hashim mula bertugas di Fakulti Pergigian, Universiti Malaya beliau sudah menanam cita-cita untuk menjadi dekan, dan bersatu berjaya juga mencapai impianinya. Setelah impiannya terlaksana beliau dapat berhakti kepada masyarakat dengan baik.

Pada hari ini Hashim mungkin menyimpan satu cita-cita yang lebih besar. Tuhan sahaja yang tahu apa yang tersirat di hatinya kerana tidak ada seseorang yang boleh meneka impianinya yang ditulis dalam sajaknya "Walaupun Mimpi" yang terdapat dalam antologi *Air Penawar Sekaway Keiat* -

*Kataulah ada
mimpi yang indah
belailah ia secermat juga
kerana itulah saya
yang mungkin ada
pada kita.*

Sajak "Walaupun Mimpi" ini sudah pasti mengenai cita-citanya yang berkaitan dengan prinsip perjuangannya mahu melihat bangsanya maju dan berjaya. Bakti yang dicurahkan bukan hanya menguntungkan penduduk kampungnya, tetapi juga masyarakat yang mengenalinya. Pemimpin seperti imiah yang diperlukan oleh negara.

Profesor DiRaja Ungku A. Aziz menyifarkan Hashim seorang pemimpin yang gagah perkasa, berani dan bersemangat juang kebangsaan yang agung. Keberanian Hashim menegakkan prinsip hidupnya dan tetus berubah walaupun dizalimi oleh pihak tertentu menunjukkan bahawa beliau seorang pemimpin yang tahan lasak. Perkara seumpama ini jarang berlaku, kerana kebanyakan pemimpin yang dilanda masalah serius seperti itu selalu-

nya sering mengalah atau meletakkan jawatan kerana tidak sanggup bekerja di bawah tekanan. Seterusnya Profesor DiRaja Ungku A. Aziz memuji Hashim dan menyebutnya sebagai anak Melayu yang gagah berani dan sanggup berjuang untuk terus hidup walaupun dalam keadaan yang tertekan.

Oleh yang demikian, sudah sewajarnya Hashim diberi peluang untuk menerajui kepimpinan yang lebih tinggi. Beliau sesungguhnya mampu menabur bakti dengan ikhlas dan jujur. Beliau juga disenangi oleh masyarakat dari berbilang kaum dan berbagai lapisan masyarakat, terutama dari golongan bawah. Pemimpin seperti milah diperlukan oleh rakyat untuk mewakili mereka. Negara juga sangat memerlukan khidmat bakti orang-orang seperti ini untuk menerajui kepimpinan umat bagi menjamin kesejahteraan hidup semua pihak.

BIBLIOGRAFI

A.BUKU-BUKU RUJUKAN

01. Atan Long (1988). **Psikologi Pendidikan**. Kuala Lumpur: DBP.
02. Carter dan Long (1991). **Teaching Literature**. USA: Longman Group Limited.
03. Collie dan Slater (1987). **Literature in the Language Classroom**. Great Britain: Cambridge University Press.
04. Hashim Yaacob (1993). **Air Penawar Sekacang Kelat**. Kuala Lumpur: Furada Publishing House.
05. Hashim Yaacob (1994). **Air Manik Astagina**. Kuala Lumpur: DBP.
06. Hashim Yaacob (1996). **Misi**. Kuala Lumpur: DBP.
07. Ibrahim Saad (1986). **Strategi Menjawab Sejarah 2**. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
08. Joginder Singh Jessy (1986). **Sejarah Tanah Melayu (1400 -1959)**. Kuala Lumpur: DBP.
09. R.J. Rees (1973). **English Literature An Introduction for Foreign Readers**. London: The Macmillan Press Limited.
10. Scholes, Comley, Klaus dan Silverman (1986). **Elements of Literature**. New York: Oxford University Press (3rd Edition).
11. Shahril Talib (1995). **History of Kelantan 1890-1940**. Kuala Lumpur: MBRAS.
12. Sharifah Alwiah Alsagoff (1987). **Psikologi Pendidikan 1**. Kuala Lumpur: Longman Malaysia Bhd.
13. Sheikh Abdullah Basmeih (1980). **Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran**. Kuala Lumpur: Bahagian Agama. Jabatan Perdana Menteri.

B.KERTAS-KERJA, JURNAL, KERATAN AKHBAR DAN BUKU CENDERAMATA

01. Abdullah bin Mohamed (m.s. 48 - 51). **Akademi Seni Tengku, Te menggung: Satu Aspek Dari Sejarah Sosial Kelantan 1879 -1935** dalam buku **Warisan Kelantan X** yang disunting oleh Dato Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh. (1991). Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Istana Jahar.
02. Zainal Abidin bin Abdul Wahid (m.s. 93). **The Japanese Occupation and Nationalisms dalam Glimpses of Malaysian History**, disunting oleh Zainal Abidin bin Abdul Wahid. (1970). Kuala Lumpur: DBP.
03. Jurnal Fakulti Pergigian Universiti Malaya 1985
04. Buku Cenderamata Perasmian Penubuhan Fakulti Pergigian Universiti Malaya 1975.
05. Harian Metro, Selasa, 11hb April 1995.
06. Berita Harian dan Berita Minggu
07. Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia

C.WAWANCARA

01. Profesor Dato Dr. Hashim Yaacob
 - a. Pada 23hb Mei 1995 di pejabatnya di Fakulti Pergigian Universiti Malaya.
 - b. Pada 24hb Jun 1995 di Bangi, Selangor Darul Ehsan (rumah sewa).
 - c. Pada 21hb Ogos 1995 di pejabatnya di Fakulti Pergigian Universiti Malaya.
 - d. Pada 11hb September 1995 (melalui telefon).
 - e. Pada 18hb September 1995 (melalui telefon).
 - f. Pada 16hb Mac 1996 di rumah kediamannya di Petaling Jaya. (setelah berpindah ke rumah kediaman kepunyaan sendiri).
 - g. Pada 28hb September 1996 di rumah kediamannya di Petaling Jaya.

02. Profesor DiRaja Ungku A. Aziz
Pada 21hb Ogos 1995 di pejabatnya di Universiti Malaya.
03. Profesor Madya Dr. Sri Nurestri Abd. Malek
a. Pada 22hb September 1995 (melalui telefon).
b. Pada 6hb Mac 1996 (melalui telefon).
04. Profesor Madya Rahman Shaari
Pada 14hb Oktober 1995 di Rumah GAPENA, JKR 734, Jln. Lapangan Terbang Lama, 50460 Kuala Lumpur.
05. Dr. Harry Aveling,
La Trobe University,
Australia.
(melalui surat-menyurat).
06. Encik Ahmad Kamal Abdullah (Kemala)
Bahagian Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka.
Pada 7hb Julai 1995
(melalui telefon).
07. Puan Zurinah Hassan
Pada 26hb September 1995
(melalui telefon).
08. Dr. Wan Norlida binti Ibrahim
Pada 5hb Jun 1995 di Kampung Wakaf Berangan, Pasir Putih, Kelantan.
09. Dr. Wong Chye Phene
Pada 6hb Jun 1995 di Kota Bharu, Kelantan
(melalui telefon).
10. Dr. Mohd Ariffin bin Mat Seman
Pada 7hb Jun 1995 di Pasir Mas, Kelantan. ⑨
11. Dr. Abdul Laziz bin Jalil
Pada 20hb Jun 1995 di Jerantut, Pahang. 10A / 2

12. Dr. Abd. Rahim bin Ahmad
Pada 24hb Ogos 1995 di Jerantut, Pahang.
13. Dr. Ngor Kian Cheang
Klang, Selangor Darul Ehsan.
Pada 25hb Mac 1996 (melalui telefon).
14. Encik Yaacob bin Taib dan Puan Aminah binti Yusof
Pada 8hb Jun 1995 di Kampung Batu Hitam, Tanah Merah, Kelantan.
15. Encik Abdullah bin Taib
Pada 7hb Jun 1995 di Kampung Batu Hitam, Tanah Merah, Kelantan.
16. Puan Eshah binti Yaacob dan Encik Ibrahim bin Wan Yusof
Pada 5hb dan 7hb Jun 1995 di Kampung Wakaf Berangan, Pasir Putih, Kelantan.
17. Puan Rokiah binti Othman
Pada 6hb Jun 1995 di Kampung Batu Hitam, Tanah Merah, Kelantan.
18. Encik Jaafar bin Mamat
Pada 6hb Jun 1995 di Kampung Batu Hitam, Tanah Merah, Kelantan.
19. Encik Mail bin Seman dan Puan Mariam binti Taib
Pada 6hb Jun 1995 di Kampung Batu Hitam, Tanah Merah, Kelantan.
20. Puan Azura (anak Puan Rokiah binti Othman)
Pada 6hb Jun 1995 di Kampung Batu Hitam, Tanah Merah, Kelantan.
21. Encik Ramli bin Othman
Pada 6hb Jun 1995 di Kampung Batu Hitam, Tanah Merah, Kelantan.
22. Encik Ghafar bin Ismail
Pada 6hb Jun 1995 di Kota Bharu, Kelantan
(melalui telefon).

23. Encik Abdullah bin Ibrahim (Dullah Baju Merah):
Pada 7hb Jun 1995 di Kampung Batu Tinggi, Kok Lanas, Kota Bharu,
Kelantan.
24. Puan Wan Lan (Mrs. Ching)
Fakulti Pergigian Universiti Malaya.
Pada 20hb September 1995 (melalui telefon).
25. Encik Shanmugam a/l Iyamderumal
Fakulti Pergigian Universiti Malaya.
Pada 20hb September 1995 (melalui telefon).
26. Encik Sazali bin Yaacob
Pada 12hb Mac 1996
(melalui telefon).
27. Ili Hana binti Hashim
Pada 16hb Mac 1996 di rumahnya di Petaling Jaya.

D.PEMERHATIAN

01. 17hb September 1995 (Malam Apresiasi Seni).
di Auditorium Perdana Siswa Universiti Malaya.
02. 20hb Oktober 1995 (Malam Puisi Pendidikan IV).
di Panggung Eksperimen Kompleks Budaya Negara.
03. 24hb Ogos 1996 (Malam Puisi - Misi UM)
Di Auditorium Perdanasiswa Universiti Malaya
04. 21hb September 1996 (Putih Biru Merah Jambu - Bicara puisi tiga persepsi)
Balai Budaya Tun Syed Nasir Dewan Bahasa dan Pustaka.
05. 27hb September 1996 sehingga 29hb September 1996 di rumah kediaman Profesor Hashim Yaacob di Petaling Jaya.
06. 28hb September 1996 (Majlis Bicara Antologi Sajak *Lawatan Lam*:
Sudut Penuhs Dewan Bahasa dan Pustaka.

